

**PENYATA DEWAN**

**PERSIDANGAN KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YANG KE-15  
PADA 4 OGOS 2025 (ISNIN)**

**HADIR:**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>KAWASAN</b>
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: YB Dato' Haji M K Ibrahim bin Abd Rahman	
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin b. Haji Harun	Sikamat
3.	YB Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias	Pertang
4.	YB Tuan Teo Kok Seong	Bahau
5.	YB Dato' Noorzunita Begum binti Mohd Ibrahim	Pilah
6.	YB Dato' Haji Ismail bin Lasim	Senaling
7.	YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai
8.	YB Dato' Haji Mustapha bin Nagoor	Palong
9.	YB Puan Nicole Tan Lee Koon	Bukit Kepayang
10.	YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
11.	YB Datuk Mohd Faizal bin Ramli	Linggi
12.	YB Dato' Hajah Tengku Zamrah binti Tengku Sulaiman	Ampangan
13.	YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan	Rantau
14.	YB Tuan Loke Siew Fook	Chennah
15.	YB Dato' Ir. Haji Bakri bin Sawir	Klawang
16.	YB Dato' Haji Zaifulbahri bin Haji Idris	Chembong
17.	YB Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Seremban Jaya
18.	YB Tuan Choo Ken Hwa	Lukut
19.	YB Tuan Chew Seh Yong	Lobak

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>KAWASAN</b>
20.	YB Dato' Mohd Razi bin Mohd Ali	Sungai Lui
21.	YB Puan Sri Dato' Bibi Sharliza binti Mohd Khalid	Juasseh
22.	YB Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
23.	YB Dato' Haji Saiful Yazan bin Sulaiman	Johol
24.	YB Tuan Yap Yew Weng	Mambau
25.	YB Dato' Mohd Zaidy bin Abdul Kadir	Jeram Padang
26.	YB Tuan Dr. Rajasekaran a/l Gunnasekaran	Sri Tanjung
27.	YB Tuan Muhammad Sufian bin Maradzi	Seri Menanti
28.	YB Tuan Siau Meow Kong	Rahang
29.	YB Tuan Suhaimi bin Aini	Kota
30.	YB Tuan Yew Boon Lye	Chuah
31.	YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin	Lenggeng
32.	YB Tuan Suhaimizan bin Bizar	Gemencheh
33.	YB Tuan Mohamad Hanifah bin Abu Baker	Labu
34.	YB Tuan Mohd Fairuz bin Mohd Isa	Serting
35.	YB Tuan Haji Kamarol Rldzuan bin Mohd Zain	Paroi
36.	YB Tuan Haji Abdul Fatah bin Zakaria	Bagan Pinang
37.	YB Tuan Haji Ridzuan bin Ahmad	Gemas

**HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG  
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

1. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim)
2. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(YB Dato' Muzalmah binti Mustapha Kamal)
3. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(YB Dato' Masri bin Hj. Razali)

## **TURUT HADIR**

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(Mohd Amin bin Ludin)
2. KETUA PENOLONG SETIAUSAHA  
(Mohd Zamri bin Md Saad)

Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan YB Yang Dipertua Dewan.

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.09 pagi.

## 1. **BACAAN DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Persidangan Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan yang ke-15. Susunan mesyuarat, perkara pertama, membaca doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Gemencheh.

[YB ADUN Gemencheh telah membacakan doa di bawah Peraturan IX, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

## 2. **PERUTUSAN YANG DIPERTUA DEWAN**

**Setiausaha Dewan:** Perkara Kedua, Perutusan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

**YB Yang Dipertua Dewan:** *Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT dan salam Sejahtera. Alhamdulillahirabbil'alamin wassolatu wassalamu'ala asrofil ambiya iwalmursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Rodhitu billahi robba, wabil islami diina, wabimuhammadin nabiyya warosuula.*

*Alhamdulillah*, segala puji bagi Allah Tuhan Pencipta Alam, Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. ahli keluarga dan para sahabat Baginda. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Aminuddin bin Haji Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

Hadirin sekalian, *Alhamdulillah*, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang ke Sidang Mesyuarat bagi Persidangan Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-15. Saya juga ingin mengaluakan kedatangan Yang Berhormat Dato' Masri bin Haji Razali yang hadir buat kali pertama, pertama kali di Persidangan ini sebagai Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan. Tahniah, selamat datang diucapkan.

Hadirin sekalian, pada persidangan kali ini terdapat dua Rang Undang-Undang yang akan dibentangkan iaitu Enakmen Perbekalan Tambahan 2025 dan Enakmen Perhutanan Negara Pemakaian 2025. Saya juga ingin

memaklumkan bahawa ada pada persidangan kali ini akan ada pemilihan Timbalan Yang Dipertua Dewan dan juga pencalonan Senator.

Hadirin sekalian di dalam meraikan Kemerdekaan ke-68, Malaysia sekali lagi memilih tema yang penuh bermakna untuk sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025 iaitu "Malaysia Madani Rakyat Disantuni". Pemilihan tema ini bukanlah slogan semata-mata tapi mencerminkan keutamaan kerajaan dalam memastikan kebajikan rakyat sentiasa terpelihara sejajar dengan aspirasi Malaysia Madani yang menjunjung nilai perpaduan, keadilan dan kesejahteraan untuk semua. Justeru, saya ingin menyeru hadirin sekalian untuk sama-sama menyemarakkan semangat Hari Kebangsaan pada tahun ini.

Saya juga ingin maklumkan bahawa pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Pejabat Negeri Sembilan akan membuka kaunter aduan di Aras G, Bangunan Dewan Undangan Negeri pada persidangan kali ini. Ini bagi membolehkan Yang Berhormat ADUN menyalurkan isu-isu capaian serta rangkaian kemudahan jalur lebar di kawasan DUN masing-masing. Saya berharap semua ahli Yang Berhormat dapat mengambil bahagian untuk membangkitkan isu-isu capaian kemudahan jalur lebar di kawasan DUN ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Sebagai biasa, saya ingin menyeru kepada semua hadirin agar sentiasa mematuhi peraturan-peraturan dan perintah-perintah tetap Dewan serta tata kelakuan dan etika sebagai ahli Yang Berhormat sepanjang persidangan, dipohon kerjasama semua hadirin untuk memastikan persidangan kita pada kali ini berjalan dengan lancar dan sempurna. Sekian, terima kasih, selamat bersidang.

### **3. MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT**

**Setiausaha Dewan:** Perkara Ketiga, mengesahkan Peringatan Mesyuarat. Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Kali Pertama (Perasmian) Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-15 yang telah diadakan pada 24 April, dan 28 hingga 30 April 2025.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Peringatan Mesyuarat Kali Pertama (Perasmian) Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-15 yang telah diadakan pada 24 April, dan 28 hingga 30 April 2025 telah pun diedarkan salinannya. Oleh itu ada apa-apa teguran? Sekiranya tiada, diharap seorang ahli mencadang dan seorang ahli menyokong supaya disahkan.

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin mencadangkan supaya Peringatan Mesyuarat tersebut disahkan.

**YB ADUN Pertang:** *Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullhi wabarakatuh.* Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Peringatan Mesyuarat disahkan, sila angkat tangan. Yang berkecuali? Yang tidak bersetuju? Peringatan Mesyuarat ini disahkan tanpa pindaan.

**[Keputusan undian: semua 33 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju. ADUN Rantau, ADUN Chennah dan ADUN Chembong tiada di dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan].**

**[Peringatan Mesyuarat Kali Pertama (Perasmian) Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-15 yang telah diadakan pada 24 April, dan 28 hingga 30 April 2025 disahkan tanpa pindaan dan YB Yang Dipertua Dewan menandatangani Peringatan Mesyuarat tersebut]**

#### 4. **MEMBENTANGKAN KERTAS DEWAN**

**Setiausaha Dewan:** Perkara keempat, Membentangkan Kertas Dewan. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya mohon izin membentangkan Kertas Dewan yang ada di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu:

- 4.1 Kertas Dewan Bil.1/2025  
Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan 2025.
- 4.2 Kertas Dewan Bil.2/2025  
Cadangan Penerimaan Pemakaian Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 (Akta A1667).
- 4.3 Kertas Dewan Bil.3/2025  
Pemilihan Ahli Dewan Negara melalui Dewan Undangan Negeri.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kertas Dewan Bilangan 1 Tahun 2025 hingga Bilangan 3 Tahun 2025 adalah dibentangkan.

5. **MEMBENTANGKAN LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN**

**Setiausaha Dewan:** Perkara kelima, Membentangkan Laporan Dan Penyata Kewangan.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, tiada Laporan dan Penyata Kewangan untuk dibentangkan di persidangan kali ini.

6. **PERTANYAAN-PERTANYAAN**

6.1 **Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Pertama)**

**Setiausaha Dewan:** Perkara keenam, Pertanyaan-Pertanyaan. Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Pertama).

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya mempersilakan wakil untuk bawa soalan daripada Rantau.

**YB ADUN Kota:** Terima kasih Dato' Yang Pertua, saya mewakili Rantau untuk bertanyakan soalan nombor 1.

**YAB. ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih ADUN Rantau. Soalan hasil ataupun cukai baru yang bersifat progresif. Adakah kerajaan negeri ada perancangan dan nyatakan butiran berkenaan dengan hasil baru ataupun semakan semula cukai yang bersifat lebih tersasar dan progresif bagi membantu golongan B40 yang memerlukan sokongan.

Dato' Yang Dipertua berdasarkan kepada dapatan jadual *input-output* Negeri Sembilan dan daerah negeri, Negeri Sembilan perjalanan hasil kerajaan negeri kepada komponen hasil bukan cukai perlu dipertingkatkan bagi mengimbangi kutipan daripada hasil cukai. Terdapat beberapa bidang berpotensi meningkatkan kutipan hasil cukai antaranya transformasi komuniti air serta pengenalan cas perkhidmatan yang menjurus ke arah kelestarian ekonomi. Badan Kawal Selia Air (BKSA) telah melaksanakan beberapa inisiatif penambahbaikan sejajar dengan komitmen untuk memperkukuhkan pengurusan sumber air negeri secara mampan serta menetapkan kadar cas yang berpadanan dengan tahap kegunaan dan

kepentingan sumber air. Antara inisiatif utama ialah pelarasan kadar cas air laut dan pengenalan cas baru ke atas struktur binaan dan di badan perairan. Setelah menjalani proses semakan semula yang komprehensif pihak berkuasa negeri telah meluluskan kenaikan kadar cas air laut daripada 1 sen per meter padu kepada 3 sen per meter padu berkuatkuasa mulai 2024. Hasil kutipan sebenar cas air laut yang direkodkan sehingga Disember 2024 adalah sebanyak RM36,673,011.12 sen.

Di samping itu BKSA telah memperkenalkan satu mekanisme cas baru iaitu cas struktur atas badan perairan yang mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2024. Cas ini dikenakan ke atas struktur-struktur kekal yang didirikan di atas merentasi ataupun di dalam badan air serta sebarang binaan berkaitan aktiviti industri dan infrastruktur. Tujuan pelaksanaan cas ini adalah bagi memastikan aktiviti pembangunan di kawasan badan air dikawal selia secara lebih sistematik di samping menjana hasil untuk menyokong inisiatif pemuliharaan dan pemantauan sumber air melalui pengenalan cas baru ini hasil tambahan tahunan dianggarkan sebanyak RM61,014.96. Penjanaan hasil melalui kedua-dua pendekatan ini bukan saja menyumbang kepada pendapatan negeri tetapi juga menyokong inisiatif pengurusan sumber air secara less tarif. Selain itu pelbagai bentuk cas baru yang menjurus kepada kelestarian pembangunan ekonomi boleh diperkenalkan kepada sektor ekonomi bagi memastikan penggunaan sumber yang cekap. Oleh itu transformasi kepada kualiti perkhidmatan berkenaan alam sekitar juga akan ditambah baik secara menyeluruh dan menyokong usaha melestarikan alam sekitar. Selaras dengan peruntukan Seksyen 32 Akta Perancang Bandar Desa 1976 (Akta 172), Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan pada 18 Oktober Januari 2024 di peringkat PBT Negeri Sembilan, mesyuarat telah bersetuju agar 20% daripada hasil kutipan cas pemajuan yang diterima oleh PBT, dicarum kepada Kumpulan Wang Pembangunan, KWP Negeri. Cas pemajuan ini akan dibelanjakan oleh PBT bagi tujuan pembangunan infrastruktur dan kemudahan masyarakat. Kutipan cas pemajuan dan levi ini secara tidak langsung akan mengimbangi peruntukan pembangunan negeri dan juga peruntukan yang disalurkan kepada PBT di Negeri Sembilan untuk tahun-tahun perancangan berikutnya.

Walaupun walaubagaimanapun, selaras dengan para 5, kaedah-kaedah cas pemajuan Negeri Sembilan, kerajaan negeri mengecualikan cas pemajuan bagi maksud pemajuan Kebajikan, pemajuan untuk tujuan projek Kerajaan, pemajuan bagi kegunaan awam, pemajuan projek terbenkakai, pemajuan rumah ibadat, dan lain-lain pemajuan yang bukan untuk mengaut keuntungan. Kerajaan negeri melalui Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Sembilan, Plan Malaysia Negeri Sembilan, mengambil inisiatif dengan memindah kaedah-kaedah cas pemajuan Negeri Sembilan Pindaan 2025 yang telah diwartakan pada 29 Mei 2025 dengan penambahbaikan seperti berikut. Pertamanya bayaran ansuran cas pemajuan sebanyak 4 kali berbanding

sebelumnya 3 kali. Pemansuhan kadar faedah 8%. Ketiga perubahan peratusan bayaran berperingkat iaitu 15% bayaran pertama dan kedua, 20% bayaran ketiga dan 50% bayaran terakhir. Tempoh ansuran bayaran adalah tertakluk kepada pertimbangan PBT. Pindaan ini bagi memastikan cas pemajuan yang dikenakan tidak tidak melibatkan implikasi kewangan yang ketara kepada pemaju, responsif serta mesra pelabur dalam menjana pertambahan pendapatan hasil baru kerajaan negeri, Jabatan Perhutanan telah sedang mengkaji telah mengkaji semula kaedah-kaedah hutan berkaitan ekopelancongan dan telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk mengenakan cas bayaran fi konservasi serta kemasukan ke taman eko-rimba terpilih dengan kadar RM3 bagi warga negara, RM6 bukan warga negara serta dikecualikan bagi bayaran kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya. 3 peringkat fasa pelaksanaan cas bayaran fi konservasi yang didahului dengan kawasan yang telah lengkap kemudahan asas ke taman eko-rimba, Ulu Bendul dan lokasi fasa pertama. Secara dasarnya pelaksanaan fi konservasi yang dijangka tidak membebankan golongan B40 atas pertimbangan kadar fi yang rendah dan munasabah serta jauh lebih murah berbanding kos aktiviti rekreasi komersial lain dan masih dalam kemampuan kebanyakan rakyat. Tambahan pula pengecualian bayaran kepada kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya dapat menggalak dan membantu golongan B40 untuk beriadah secara berkeluarga di taman eko-rimba dengan selesa. Di samping itu fi ini juga disalur kembali kepada kerajaan negeri kepada aktiviti pemuliharaan hutan dan penyelenggaraan fasiliti awam di taman eko-rimba. Perkara ini akan memberi impak yang lebih positif kepada semua pihak termasuk golongan B40 rakyat Negeri Sembilan sendiri mahupun rakyat dari negeri lain dengan persekitaran yang lebih selamat, selesa semasa melaksanakan aktiviti riadah di Negeri Sembilan.

Dato' Yang Dipertua, kerajaan Negeri Sembilan komited dalam memastikan sistem cukai tanah yang adil, progresif dan inklusif bagi menjamin kesejahteraan rakyat khususnya golongan B40 atau yang memerlukan sokongan. Dalam hal ini kerajaan negeri sedang meneliti pelaksanaan hasil baru dan semakan semula struktur cukai sedia ada bagi memastikan ia lebih tersasar, progresif dan tidak membebankan rakyat berpendapatan rendah seperti berikut. Pertama hasil baru *Rare Earth Elements* yang telah dikenalpasti di beberapa daerah seperti Kuala Pilah dan Jelebu yang dijangka bakal memberi sumbangan besar kepada hasil negeri mulai tahun 2027. Kerajaan negeri menjangkakan anggaran kutipan hasil melalui dua lesen el... ten.. lesen tene... elemen mineral yang telah diluluskan dengan anggaran kutipan hasil sebanyak 18 juta. Pindaan cukai kedua, pindaan cukai tanah pct atau kadar cukai petak mengikut Kanun Tanah Negara Akta Hak Milik Serata setiap 10 tahun dengan peningkatan hasil cukai tanah dengan anggaran sebanyak 400 juta dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2029. Ketiga, penyemakan semula kadar dan penganan levi bagi urusan-urusan niaga

bukan urusan niaga dan pelupusan tanah terhadap warga negara asing. Keempat, penyemakan kadar lesen pendudukan sementara dan pajakan tanah rezab. Kelima, penyemakan kadar fi mencabut mengangkut dan mengambil bahan batuan yang melibatkan jangkaan peningkatan hasil sebanyak 36%. Keenam, penyemakan kadar kos perampasan melibatkan kategori industri dan bangunan perniagaan. Pihak kerajaan negeri sentiasa memastikan kebajikan semua golongan rakyat dijaga dengan menyediakan pelbagai inisiatif yang boleh memberi manfaat kepada rakyat. Belanjawan secara holistik yang disediakan pada setiap tahun dirangka bagi memastikan semua golongan rakyat tanpa mengira umur, agama, jantina dan latar belakang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Paroi:** Dato' Yang Dipertua, saya ADUN Rantau tadi aaa... yang sebenar soalan dia soalan nombor 1 tu, tapi dijawab soalan nombor 2 yang saya dengar tadi.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Yang kemuka... DUN Kota.

**YB ADUN Paroi:** Rantau pun takda, tapi apa tadi soalan nombor, soalan nombor 1 tu Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Kota:** Dato' Yang Dipertua, takpe kita tanya 1 soalan kita dapat 2 jawapan Dato' Yang Dipertua. Kalau boleh jawab untuk soalan nombor 2 sama. Soalan nombor 1.

**YAB. ADUN Sikamat:** Nak jawab...

**YB Yang Dipertua Dewan:** Nak jawab soalan nombor 2. Mungkin aaa... dikemukakan... apa... maksudnya soalan nombor 2 lah... ADUN Kota, ok...

**YB ADUN Paroi:** aaa... kena jawablah. Ana rasa kena jawab tu, *Artificial Intelligence* tu...

**YB Yang Dipertua Dewan:** Satu kali 1 soalan lah.

**YAB. ADUN Sikamat:** Saya baca soalan tadi takda siapa tegur, dah habis baru togor. Okey lah saya jawab lah.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Yang Amat Berhormat.... Yang Amat Berhormat, Boleh nak jawab besok tak?

**YB ADUN Paroi:** Tak nak potong tengah jalan...

**YAB. ADUN Sikamat:** Saya baco soalan tadi tu, kalau saya tak baca soalan tadi tak apa. Ok, tak apalah saya jawab lagi sekali. Ok Aplikasi kecerdasan buatan

*Artificial Intelligence* AI dalam urus takbir Kerajaan. Apakah perancangan dan strategi kerajaan negeri bagi aplikasi kecerdasan minda dalam usaha kerajaan dalam masa sama terus mengekalkan peranan dan fungsi anggota perkhidmatan awam pada masa kini dan masa hadapan.

Dato' Yang Dipertua, kerajaan negeri sentiasa proaktif dalam meneroka dan melaksanakan teknologi terkini termasuk elemen kecerdasan buatan *Artificial Intelligence* AI, ia bukan sahaja sebagai wacana teknologi tetapi merupakan enjin penggerak yang akan mentakrifkan semula kecekapan dan keberkesanan urus tadbir pada masa hadapan. Sehubungan itu kerajaan negeri sedang merangka strategi yang teliti bagi pengguna pakai AI secara berperingkat, tanggungjawab dan beretika. Falsafah utama kerajaan negeri Dalam pelaksanaan AI jelas. AI adalah alat untuk memperkasa manusia bukan untuk menggantikannya. Strategi ini dibangunkan berdasarkan prinsip sinergi antara kehebatan teknologi AI dengan kebijaksanaan empati dan fikir kritis yang dimiliki oleh anggota perkhidmatan awam. Perancangan dan strategi kerajaan negeri terbahagi kepada 2 paksi utama iaitu aplikasi AI dalam tadbir urus dan evolusi peranan penjawat awam bagi paksi strategi aplikasi AI dalam tadbir urus.

Kerajaan negeri menggariskan 3 bidang tumpuan utama iaitu demi manfaat rakyat dan negeri. Pertamanya meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam pembantu maya ataupun *chatbot* melaksanakan pembantu maya di portal agensi utama yang berurusan dengan rakyat seperti pihak berkuasa tempatan untuk menjawab pertanyaan lazim rakyat 24 jam sehari 7 hari seminggu. Ini membolehkan rakyat mendapat maklumat dengan pantas seperti prosedur permohonan lesen pembayaran cukai taksiran atau status aduan. Inisiatif ini akan diberi penumpuan dalam Rancangan Malaysia ke-13. Yang keduanya memperkasakan penjawat awam dan meningkatkan kecekapan operasi. Otomasi data AI digunakan bagi mengotomasikan kerja-kerja pentadbiran rutin yang memakan masa seperti kemasukan data, penyediaan minit mesyuarat, penyediaan slaid pembentangan video pendek dan penjaan laporan bekalan ini dapat menjimatkan masa penjawat awam daripada melaksanakan tugas yang *repetative*. Yang kedua bantuan pencapaian maklumat menyediakan platform sistem carian pintar yang membolehkan penjawat awam mengakses maklumat spesifik dari ribuan rujukan dokumen enakmen dan pekeliling negeri dengan pantas.

AI bertindak sebagai pembantu penyelidik yang cekap mempercepatkan penyediaan kertas kerja dan laporan. Ketiga menyokong pembuatan dasar berasaskan bukti *evident based policy making, analytic analytic analytic predictive* menggunakan AI akan menganalisis data yang diurus bagi mengenal pasti pola dan *trend*. Contohnya data kutipan cukai negeri untuk meramal hasil negeri pada masa akan datang, atau data tamburan hujan untuk ramal kemungkinan kejadian banjir yang mungkin berlaku. Ini

mbolehkan kerajaan negeri membuat dasar yang lebih proaktif dan berkesan. Bagi paksi kedua iaitu evolusi peranan penjawat awam kerajaan negeri menegaskan bahawa strategi penerapan AI bukanlah sebuah laluan untuk mengurangkan jumlah penjawat awam sebaliknya ia adalah satu plan untuk meningkatkan nilai dan evolusi peranan mereka dengan otomasi pintar dalam menangani tugas-tugas rutin, peranan penjawat awam akan beralih kepada fungsi yang memerlukan sentuhan manusia yang tidak boleh diganti dengan mesin, ini termasuklah pertamanya pemikiran kritis dan penyelesaian masalah kompleks. Keduanya empati dan interaktif dengan pelanggan dalam memberi khidmat nasihat. Ketiga, kreativiti dan inovasi dalam merangka dasar baru dan keempat tadbir urus dan pengawasan etika untuk memastikan sistem AI berfungsi dengan adil dan saksama.

Kerajaan negeri terut melaksanakan program peningkatan kemahiran *reskilling* dan *upskilling* secara berterusan untuk melengkapkan penjawat awam dengan kemahiran digital yang relevan. Latihan ini merangkumi literasi data, penggunaan tools alat AI untuk memudahkan kerja harian seperti *Canva Graphic Editor*, *Google Gemini AI*, *Suno AI Music Maker* serta penerapan etika digital. Matlamatnya bukan untuk menjadikan setiap penjawat awam sebagai pakar AI tetapi pengguna teknologi yang bijak dan efisien dalam melaksanakan tugas harian. Fungsi teras perkhidmatan awam seperti penggubalan dasar, penguatkuasaan undang-undang dan perubahan perhubungan diplomatik akan terus diterajui oleh manusia. AI hanya akan bertindak sebagai alat bantu untuk menyediakan analisis dan sokongan data, manakala keputusan akhir dan *accountability* kekal terletak sebagai penjawat awam dan kepimpinan Kerajaan. Perancangan kerajaan negeri adalah untuk mengguna pakai AI sebagai rakan strategik dalam tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan Visi kerajaan adalah untuk mewujudkan perkhidmatan awam Negeri Sembilan yang efisien mengurangkan kerenah birokrasi dan berasaskan data di mana semua penjawat awam dapat memberi tumpuan kepada tugas bernilai tinggi yang memberi impak langsung kepada kesejahteraan rakyat. Kerajaan negeri *committed* untuk menjadikan transformasi ini sebagai satu perjalanan evolusi jangka panjang yang dilaksanakan secara terancang inklusif dan beretika terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya jemput Klawang.

**YB ADUN Klawang:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya mengemukakan soalan nombor satu.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih ADUN Klawang koordinasi projek Pembangunan. Soalan dia berbunyi banyak berlaku di mana pelaksanaan projek-projek pembangunan oleh agensi persekutuan tidak dimaklumkan kepada *local authority* termasuk kepada

pihak JPKK, penghulu, malah pejabat daerah. Dalam keadaan tertentu pihak *local authority* hanya dihubungi untuk tandatangan menerima projek yang telah siap, inilah suatu situasi yang kurang sihat apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri untuk menangani isu ini supaya tidak berlarutan.

Dato' Yang Dipertua, terima kasih ADUN Klawang, untuk makluman ahli Yang Berhormat, secara umumnya koordinasi antara agensi persekutuan dan kerajaan negeri termasuk Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah serta wakil-wakil komuniti seperti penghulu, dan JPKK telah berjalan dengan baik dan teratur. Setakat ini tiada isu besar yang menjejaskan pelaksanaan projek pembangunan yang dilaporkan secara rasmi. Kebanyakan projek yang dilaksanakan oleh agensi persekutuan turut mendapat kerjasama dari pihak negeri dan tempatan sama ada melalui pelaporan awal dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah JTPD atau libat urus bersama dengan pejabat daerah dan PBT. Walau bagaimanapun kerajaan negeri sentiasa mengambil pendekatan proaktif dalam memastikan pelarasan ini terus ditingkatkan dari masa ke semasa. Kita tidak mengambil mudah perkara ini kerana penyelarasan yang mantap amat penting bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan projek ini serta bagi memastikan kebajikan dan keperluan komuniti tempatan sentiasa diberi perhatian. Justeru kerajaan negeri akan terus memainkan peranan aktif dan memantau pelaksanaan projek-projek di peringkat daerah dan akar umbi seterusnya memperkukuh hubungan kerja dengan semua agensi berkaitan demi memastikan setiap pembangunan yang dirancang benar-benar memberi manfaat kepada rakyat Negeri Sembilan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Klawang:** Terima kasih Yang Amat Berhormat. Dato' Yang Dipertua, pengalaman peribadi dimana terdapatnya pembinaan *monsoon drain* dengan izin yang mana pembinaan itu yang di hiliran dia kocik berbanding dengan huluannya yang mana yang huluannya itu dah lama dah ada, jadi perkara-perkara beginilah saya timbulkan di dewan yang mulia ini supaya keadaan ini tidak berulang di masa ke semasa. Amat penting ya, bukan hanya semasa pelaksanaan projek, tetapi semasa perancangan lagi. Ini yang saya dapati di DUN Klawang mungkin di tempat-tempat lain tak ada, keadaan-keadaan ini mungkin keadaan-keadaan yang terencil mungkin.

**YAB. ADUN Sikamat:** Dato' Yang Dipertua, betul saya maklum perkara tersebut dan *Alhamdulillah* sebenarnya saya pagi tadi pun mendapat satu mesej daripada Selia mereka nak turap jalan, kalau dulu mereka nak turap jalan dia tak beritahu kita nak turap di mana, tetapi hari ini Selia nak turap di depan *Site C*, Sekolah Kebangsaan *Site C*, sepanjang jalan tersebut dia maklum. Sebelum itu pun ada beberapa projek dan saya maklum tentang longkang tersebut mungkin dia tak maklum awal, tapi *Alhamdulillah* hari ini Selia telah mula memaklumkan kepada ahli majlis ataupun kepada pihak

yang berkaitan dan sampai kepada saya. Saya harap bahawa ini dapat diteruskan dapat memberi manfaat kepada kita semua kerana setiap projek itu pastinya memberikan satu kesan kepada masyarakat setempat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih pandangan Klawang.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya persilakan Yang Berhormat Seremban Jaya.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Terima kasih. DUN Seremban Jaya mengemukakan soalan nombor dua. Terima kasih Dato' *Speaker*.

**YB ADUN Palong:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Seremban Jaya. Seremban Jaya bertanyakan mengenai SUKNES, kejayaan SUKNES dan adakah kerajaan, negeri bercadang menambah peruntukan SUKNES. Dato' Yang Dipertua, kerajaan Negeri Sembilan sentiasa komited untuk menjadikan pelaburan dalam bidang sukan sebagai strategi penting dalam usaha membangunkan modal insan yang berkualiti, memperkukuhkan perpaduan rakyat serta meningkatkan imej dan pencapaian Negeri Sembilan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Penganjuran Sukan Negeri Sembilan ataupun SUKNES bagi tahun 2025 yang telah pun berlangsung dari 30 Mei hingga 1 Jun menyaksikan pertambahan acara sukan pada 8 jenis berbanding edisi sebelumnya pada tahun 2024 iaitu hanya 4 jenis. Seiring dengan peningkatan ini kerajaan negeri telah memperuntukkan dana tambahan sebanyak RM500 ribu berbanding 2024 menjadikannya RM1 juta dalam belanjawan 2025, bagi memastikan kelancaran penganjuran serta memperkukuh impak program terhadap pembangunan sukan negeri dan suka juga saya maklumkan dalam dewan hasil ataupun pencapaian SUKNES 2025, di mana daripada 36 Dewan Undangan Negeri kita telah melihat munculnya satu juara baru iaitu DUN Paroi dengan membawa pulang 3 pingat emas dan 2 pingat gangsa dan membawa pulang hadiah bernilai RM20 ribu, haaa..... tu yang senyum je YDP, Yang Dipertua tu.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ucap tahniah la sikit.

**YB ADUN Palong:** Aaa...tahniah Paroi. Untuk makluman dewan juga sebanyak 20 DUN yang telah membawa pulang pingat sekurang-kurangnya satu pingat, kalau boleh saya sebutkan dalam dewan ini selain daripada Paroi yang mendapat 3 pingat emas, Bagan Pinang juga mendapat 1 pingat emas, Nilai dapat 1 pingat emas, Bukit Kepayang mendapat 1 pingat emas, Serting mendapat 1 pingat emas dan Ampangan 1 pingat emas. Ini yang dapat pingat emas. Kemudian hanya pingat perak, pingat perak dan satu gangsa Chembong, Kota dan Pilah mendapat perak dan gangsa. Kita beri tepukan kepada mereka. Manakala ada 3 lagi, 4 lagi DUN yang hanya mendapat perak sahaja iaitu Rantau, Lukut, Gemencheh dan Sikamat mendapat perak.

**YB ADUN Rantau:** Rantau ko?

**YB ADUN Palong:** Rantau.....Ngam-ngam Rantau masuk. Kemudian ada juga beberapa DUN yang berjaya mendapat gangsa sahaja iaitu Bahau, 2 pingat gangsa, Johol, Chuah, Sungai Lui, Repah, Lenggeng dan Palong, ini yang berjaya, mana 20 DUN yang berjaya membawa pulang pingat. Manakala 16 lagi masih lagi sedang berusaha untuk mempertingkatkan prestasi. Seremban Jaya dalam rekod belum ada pingat lagi, tetapi komitmen Seremban Jaya sangat bagus, cemerlang kita doakan supaya akan datang akan berjaya. Lenggeng tak ada lagi lah. Lenggeng pun tak ada. Ada juga Dewan Undangan Negeri untuk pengetahuan Dato' Yang Dipertua, yang telah pun membelanja besar tetapi belum dapat membawa pulang sebarang pingat. Jadi kita doakan ya.

Dato' Yang Dipertua, bagi acara-acara sukan lain yang tidak dipertandingkan, kita lihat kita hanya bertandingkan 8 acara sukan namun banyak permintaan supaya sukan-sukan lain juga dipertandingkan. Jadi untuk itu kerajaan negeri telah bersetuju untuk kita adakan, buat pertama kalinya kita akan melibatkan sukan untuk pasukan badan beruniform. Ya, buat pertama kalinya kita akan adakan sempena semangat SUKNES 2025, SUKNES untuk pasukan badan beruniform yang akan melibatkan PDRM, ATM, Bomba, Imigresen, Kastam, JPJ, KPND, PENJARA Maritim, SPRM, APMM dan RELA. *Insya-Allah* akan diadakan pada hujung bulan Oktober. Kemudian kita juga akan adakan sempena SUKNES ini ialah pertandingan Bola Keranjang Peringkat Negeri Sembilan. Sebab bola keranjang tidak termasuk dalam senarai SUKNES kita, dan satu lagi ialah liga bola sepak, Liga Premier Negeri Sembilan. Ini antara tiga acara yang akan kita buat selain daripada 8 sukan yang telahpun kita adakan.

**YB ADUN Rantau:** Boleh mencelah Dato' Yang Dipertua?

**YB ADUN Palong:** Ya, sila.

**YB ADUN Rantau:** Saya nak mencelah sikit lah, nak mintakan penjelasan, tadi kata DUN Paroi *champion* itu memang ADUN Paroi buat ke?, daripada Barisan Nasional Paroi?

**YB ADUN Palong:** Untuk makluman Rantau, yang menyebabkan Paroi itu *champion* adalah Dato' Yang Dipertua, aaaa.... bersama dengan rakan-rakan Barisan Nasional.

**YB ADUN Paroi:** okey, sikit celahan, kenapa menggunakan nama DUN Paroi? tidak di nama Penyelaras DUN Paroi?

**YB ADUN Palong:** eh, nama DUN memang Paroi.

**YB ADUN Paroi:** DUN Paroi, tapi saya tidak dilibatkan, Pembangkang tidak dilibatkan, kenapa?.

**YB ADUN Palong:** Tidak dilibatkan?

**YB ADUN Paroi:** Kenapa?

**YB ADUN Rantau:** Sebab bukan daripada Kerajaan, kita gurau-gurau ya.

**YB ADUN Palong:** Okey, apapun tahniahlah di atas kebersamaan Paroi ya, dan Paroi juga adalah di antara DUN yang paling ramai pengundi dan itu dia dapat menyediakan *team* yang bagus dan telah membawa satu kejayaan yang gemilang. Kita bagi tepukan lagi sekali untuk kedua-dua.

Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan penambahan peruntukan tadi disebut, ditanya oleh Seremban Jaya, *insya-Allah* akan kita pertimbangkan akan kita bincang akan saya bawa berbincang dengan Majlis Sukan Negeri, dan untuk pengetahuan Seremban Jaya, tahun depan kita tidak ada SUKNES, sebab tahun depan kita akan tumpu pada SUKMA 2026. Jadi untuk 2027 kita akan bincangkan semula, kita akan kumpulkan maklumat daripada rakan-rakan ADUN dan saya akan bincangkan dengan MSN sebelum saya bentang kepada pihak kerajaan untuk dapat kelulusan sebarang dana tambahan. Sekian, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Seremban Jaya:** *Dato' Speaker*, ini soalan tambahan, mohon pertimbangan, bolehkah YB Haji Mustafa berkongsi maklumat mengenai Sukan NS yang telah disampaikan pada 24 tujuh, 2025 lalu untuk makluman bersama di pengetahuan semua YB-YB hari itu Dato' Seri Rantau pun tadak, Dato' Seri Rantau pun boleh tahu apa umum, hari itu Dato' Seri tidak ada di dewan, hari-hari boleh kawan-kawan lama, kawan lama sebab itu dulu banyak rapat masih berbangkang pun rapat, tapi sekarang sudah berkongsi Madani ok, terima kasih.

**YB ADUN Rantau:** Sebelum dijawab, saya nak mencelah. Dato' gelaran Dato' itu Anugerah Tuanku Negeri Sembilan, tadi Yang Berhormat tak sebut pun dia Dato'. Apakah Yang Berhormat tak iktiraf *Datukship* daripada Negeri Sembilan?

**YB ADUN Seremban Jaya:** Dato' Seri Utama *sorry*, saya mohon minta maaf.

**YB ADUN Rantau:** *Sorry* sama Yang Dipertua.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Dato' Yang Dipertua dan Dato', Dato', Dato, Dato, ok.

**YB ADUN Palong:** Dato' Yang Dipertua ini berkenaan dengan soalan tambahan berkenaan dengan saluran bantuan kepada persatuan belia ya, ok untuk makluman Dato' Yang Dipertua, pada 24 haribulan lepas Yang Amat Berhormat telah pun bersetuju untuk kita salurkan dana pentadbiran ia buat pertama kalinya dana pentadbiran kepada persatuan-persatuan belia seluruh Negeri Sembilan daripada umbi yang telah pun dinamakan oleh ADUN-ADUN kita. Jadi saya ingat 50, 50 persatuan sukan yang telah pun kita berikan dana pentadbiran RM1500 ringgit setiap persatuan ya, yang bernilai lebih kurang RM70 lebih ribu. Kemudian pada masa yang sama juga kita telah salurkan juga dana pentadbiran kepada 39 persatuan sukan di peringkat negeri ya, sebanyak RM2 ribu setiap persatuan. Kemudian Majlis Belia Negeri Sembilan RM20 ribu dana pentadbiran dan Majlis Belia Daerah lebih kurang RM2 ribu setiap daerah, menjadikan jumlah keseluruhan hampir RM190 ribu ringgit ya. Cuma kelainannya kali ini ialah kita telah sentuh lebih kurang 50 persatuan belia daripada akar umbi, tujuan kita ialah untuk kita rapatkan persatuan belia di bawah ini dengan kita di peringkat kerajaan kita. Dan apa yang kita dapat lihat banyak persatuan yang aktif ni, sebenarnya ni yang telah dikenal pasti oleh ADUN-ADUN ni, tetapi mereka tak dapat memenuhi keperluan oleh oleh KBS ataupun ROY ya, ROY ini *Registry Of Youth*, sebab ada dokumen-dokumen mereka tak hantar. Jadi apa kita buat ialah daripada data yang kita dapat ini, kita jadikan mereka ini sebagai persatuan angkat pada setiap pejabat belia sukan daerah-daerah untuk mereka pantau untuk mereka berikan nasihat dan mereka bimbing sehingga mereka ini boleh jadi persatuan yang boleh kita ketengahkan di peringkat negeri dan juga di peringkat negara *insya-Allah* terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya jemput Lukut.

**YB ADUN Lukut:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Lukut kemukakan soalan nombor 1.

**YB ADUN Ampangan:** Terima kasih Yang Dipertua, terima kasih YB Lukut atas soalan nombor 1. Sila nyatakan bantuan-bantuan yang telah disalurkan oleh kerajaan negeri untuk menggalakkan badan bukan kerajaan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti masyarakat. Dato' Yang Dipertua, kerajaan negeri amat menghargai sumbangan dan komitmen badan bukan kerajaan atau NGO dalam menyantuni masyarakat serta menjayakan berbagai agenda pembangunan sosial, Pendidikan, kesihatan dan Kebajikan.

Sebagai tanda sokongan, berbagai bentuk bantuan telah dan sedang disalurkan bagi menggalakkan NGO yang berdaftar dan aktif untuk terus memainkan peranan mereka secara berkesan. Antara bentuk bantuan yang disediakan oleh kerajaan negeri adalah seperti berikut, pertama bantuan dalam bentuk geran *one-off* yang boleh dipohon oleh NGO bagi tujuan pelaksanaan

program seperti kebajikan Masyarakat, pembangunan belia dan wanita pemerkasaan OKU, pendidikan komuniti serta pemeliharaan alam sekitar. setiap permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat, serta selaras dengan inisiatif dan dasar kerajaan boleh dipertimbangkan untuk kelulusan. Tertakluk kepada keupayaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan negeri. Pihak badan bukan kerajaan atau NGO boleh merancang dan menyediakan kertas kerja yang berkaitan dengan mana-mana inisiatif semasa kerajaan negeri dan selanjutnya memanjangkan kertas kerja berkenaan kepada Pengerusi Jawatankuasa Bertindak inisiatif berkenaan untuk dipertimbangkan. Kedua sokongan dari segi logistik dan kemudahan fizikal seperti penggunaan dewan orang ramai peralatan tapak program dan bantuan teknikal daripada pihak berkuasa tempatan PBT atau Pejabat Daerah turut disediakan berdasarkan keperluan program dan ketersediaan kemudahan. Pihak NGO boleh merujuk kepada agensi kerajaan yang berkaitan bagi mendapatkan khidmat nasihat serta keperluan logistik yang boleh didapati secara sewaan pada harga yang minimal, mengikut tata cara serta undang-undang yang telah ditetapkan. Ketiga NGO juga berpeluang mengikuti berbagai program bimbingan dan latihan pengurusan organisasi termasuk berkaitan tadbir urus pematuhan undang-undang dan kecekapan pelaporan kewangan melalui kerjasama agensi negeri dan persekutuan seperti Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) dan INSKEN. Pihak badan bukan kerajaan boleh juga merujuk kepada institusi kerajaan yang telah tersedia bagi mendapatkan bimbingan seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga, Institut Sosial Malaysia, MARA dan juga Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Keempat kerajaan negeri juga amat menggalakkan kerjasama pintar *smart partnership* antara NGO dan Pusat Khidmat DUN atau mana-mana agensi kerajaan mahupun institusi keagamaan dalam perlaksanaan Program Bersifat Intervensi Sosial (CSR) dan program pembangunan komuniti. Pihak NGO boleh memohon untuk melaksanakan program atau aktiviti dengan kerjasama Pusat Khidmat DUN melalui inisiatif-inisiatif semasa kerajaan negeri seperti ERAT@Negeri Sembilan yang berkaitan perpaduan, inisiatif Wanita Madani atau lebih dikenali dengan WADANI, bagi program-program berkaitan pembangunan wanita dan masyarakat. Inisiatif berkaitan hal-ehwal bukan Islam seperti permohonan dana perayaan, serta pembaikan rumah ibadat serta juga NGO berkaitan agensi kerajaan pendidikan mahupun perwakilan komuniti atau kesatuan sekerja.

Kerajaan negeri ingin menegaskan bahawa bantuan kepada NGO adalah satu bentuk pelaburan sosial. Namun bagi itu kelulusan permohonan sentiasa bergantung kepada kepatuhan kepada syarat, kejelasan objektif program serta kemampuan kewangan semasa kerajaan negeri. Kerajaan amat terbuka untuk terus memperkasakan kerjasama dengan NGO dalam membina masyarakat yang inklusif, prihatin dan progresif. Dan dalam masa yang sama juga, kerajaan negeri menyeru kepada semua NGO agar membuka dan

mencambah minda dan mencari peluang serta tajaan daripada industri tempatan dalam meneruskan usaha-usaha muni yang sedang dijalankan. Pihak industri serta swasta juga diseru agar menjalinkan hubungan positif dan timbal balik dalam pelaburan sosial ini, bagi mendapatkan imbuhan maksima dalam pembangunan sosial negara. Terima kasih Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya menjemput Yang Berhormat Labu.

**YB ADUN Labu:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Labu bertanya soalan nombor 1.

**YB ADUN Nilai :** Dato' yang Dipertua, ini berkaitan dengan MyKiosk. Bagi tahun 2023 dan 2024 jumlah MyKiosk yang diterima peruntukan daripada KPKT adalah sebanyak 426 unit untuk Seremban, Majlis Bandaraya Seremban 130, untuk Port Dickson 35, Jempol 50, Tampin 58, Kuala Pilah 68, Rembau 47, dan Jelebu 38. Kalau untuk sewaan, Seremban maksimum RM100 ringgit, Port Dickson, Port Dickson antara RM200 ringgit sehingga RM400 ringgit, Jempol maksimum RM100 ringgit, Tampin RM100 ringgit, Kuala Pilah RM80 ringgit sehingga RM100 ringgit, Rembau RM50 ringgit, Jelebu RM100 ringgit ini adalah untuk sewa dan kos untuk harga seunit MyKiosk adalah diantara RM15,000 ringgit sehingga RM25,000 ringgit ini bergantung kepada spesifikasi dan juga kemudahan ataupun beberapa kelengkapan yang disediakan terhadap kepada MyKiosk ini. Termasuk adalah untuk penyediaan tapak untuk meletakkan MyKiosk tersebut. Untuk pengetahuan juga KPKT telahpun menyediakan peruntukan untuk sehingga maksimum RM25,000 ringgit dan setiap PBT akan mohon kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan mengikut permohonan tersebut KPKT akan meluluskan peruntukan. Selepas KPKT setiap PBT menerima peruntukan, pemilihan tapak itu akan dilaksanakan oleh PBT itu sendiri. Selepas itu, penyediaan sebut harga dan juga pelantikan pembekal ataupun kontraktor sehinggalah pemilihan peniaga pun akan dilaksanakan oleh PBT itu sendiri dan bukannya semua kiosk itu akan disediakan oleh KPKT. Dan di dalam PBT itu sendiri pun bukan satu kontraktor ataupun pembekal yang menyediakan untuk kesemua MyKiosk di PBT itu sendiri. Penyediaan di sesuatu MyKiosk di sesuatu kawasan itu adalah mengikut kawasan itu sendiri. Contohnya 10 MyKiosk di satu kawasan itu dibekalkan oleh seorang kontraktor di kawasan yang lain adalah kontraktor yang lain. Kalau di MBS ada 130 MyKiosk bukan 130 MyKiosk ini pun disediakan oleh seorang pembekal ataupun seorang kontraktor, ia terpulang kepada kawasan tertentu dan contohnya seperti di Mantin 10 MyKiosk disediakan oleh satu pembekal ataupun satu kontraktor. Di Nilai ada 10 lagi MyKiosk, 10 MyKiosk itu disediakan oleh satu lagi kontraktor melalui prosedur yang telah pun ditentukan oleh PBT itu sendiri. Dan selain daripada itu daripada 426 MyKiosk sebanyak 394 MyKiosk ini telah pun diisi berbanding dengan 32 yang masih belum diisi dan antaranya adalah pada awalnya pemilihan tempat

adalah tidak sesuai dan disebabkan itu saya dan juga Yang Amat Berhormat Sikamat pun telah pun meminta kepada setiap PBT untuk kita memindahkan MyKiosk-MyKiosk yang tempatnya tidak sesuai kepada tempat yang lebih sesuai, supaya kemudahan itu dapat digunakan oleh peniaga-peniaga di kawasan tersebut dan saya juga telah minta supaya selepas kita nak pindah itu jangan letakkan secara berkelompok, lebih baik kita memilih peniaga-peniaga yang sedia ada di tepi-tepi jalan yang menggunakan payung, kita tawarkan terus kepada mereka. Kalau tempat itu selesai, eh sesuai tempat itu selamat tidak mengganggu aliran trafik kita tawar terus kepada mereka adalah satu pilihan yang lebih baik daripada kita meletakkan beberapa kiosk 5 atau 6 ataupun 10 MyKiosk ini di sesuatu kawasan yang tertentu dan ini akan menyebabkan ada peniaga tidak dapat bersaing antara secara beramai di satu tempat yang menyebabkan beberapa tempat ini, MyKiosk ini masih kosong, dan selain daripada itu daripada 394 MyKiosk yang telah pun diisi tetapi ada juga beberapa peniaga yang masih belum memulakan perniagaan walaupun mereka yang mohon mereka yang datang *interview* selepas kita tawar pun, ada sebahagian kecilnya yang masih belum berniaga dan itu kita telah minta kepada setiap PBT kalau dalam satu tempoh masa sebulan mereka masih belum *start* berniaga, kita tarik balik dan kita bagi kepada peniaga-peniaga yang mahukan MyKiosk ini untuk mereka berniaga dan untuk mereka mendapatkan sedikit sumber pendapatan daripada MyKiosk ini. Terima kasih.

**YB ADUN Labu:** Soalan tambahan untuk Dipertua, aaa...kenapa tidak diselaraskan kadar sewaan MyKiosk ini di keseluruhan Negeri Sembilan? Terima kasih.

**YB ADUN Nilai:** Mykiosk ini adalah mengikut, ditentukan oleh PBT itu sendiri. Ada tempat memang ada permintaan macam di Port Dickson, ada tempat di tepi-tepi pantai memang ada banyak peniaga yang mula nak nakkan berniaga di tepi-tepi pantai ini, maka PBT di Port Dickson MPPD telah pun melaksanakan kaedah di mana yang lebih bayar yang lebih dengan bayaran yang lebih ditawarkan, dan juga ada di tempat yang lebih sesuai tempat yang strategik dan daripada kita memberikan pembayaran yang lebih rendah, kita lebih baik kita menggunakan kaedah ini supaya kos tersebut juga dapat digunakan untuk kita menyelenggara ataupun membaiki sebarang kerosakan yang berlaku di MyKiosk-MyKiosk tersebut. Terima kasih

**YB ADUN Paroi:** Minta celahan Dato', minta celahan sikit, okay berdasarkan tinjauan saya sendiri di beberapa kawasan termasuk di pintu masuk Gunung Angsi, Bukit Putus, ada MyKiosk, itu satu lagi Taman Senawang Perdana ada 13 MyKiosk yang baru dihantar bulan Jun yang lepas. Bila kita tengok dah berkarat dan letakkan di tempat kadang-kadang di tempat burung yang burung yang membuang najis. Dari segi *hygienenya* memang tak bagus dan juga masih terdapat MyKiosk banyak yang kosong saya tak tahu data itu betul

tak betul yang dibagi dan tidak beroperasi dan dan ditinggal yang lama, ya jadi apakah kerajaan bersedia mengumpulkan laporan status fizikal terkini ya, tentang status MyKiosk tersebut. Saya tengok dia er.. penyelenggaraan itu tak ada, yang dah berkarat apa semua dan itulah saya rasa kalau untuk *long term*, ya, untuk jangka masa panjang dia akan menyebabkan saya rasa jadi sampah lah.... Wallahualam...

**YB ADUN Johol:** Dato' *Speaker*, sebelum EXCO jawab saya nak mencelah sedikit. Saya mencadangkan MyKiosk ini, reka bentuk MyKiosk ini bagi saya seharusnya beridentitikan tempatan, bukan beridentitikan satu uniform. apa *standard design* yang dibuat oleh pihak KPKT kerana keadaan kata tu, mungkin di Kuala Pilah ada identiti-identiti yang bagi saya peniaga pun satu kebanggan bila mereka dapat berniaga satu kiosk yang beridentitikan setempat ataupun kita ambil identiti Negeri Sembilan pun saya rasa itu cukup baik. Terima kasih.

**YB ADUN Nilai:** Ok Dato' Yang Dipertua, yang berkaitan dengan di Senawang Perdana MyKiosk 13 MyKiosk Senawang Perdana ini baru dipindahkan daripada Taman Tunku Jaafar kerana memang seperti mana yang tadi saya katakan memang pada awalnya beberapa pemilihan tempat itu memang tidak sesuai, sebab itu kita telah minta untuk dipindahkan dan di Senawang Perdana ini adalah atas permintaan daripada Persatuan Penduduk Taman Senawang Perdana dan mereka telah pun memberikan senarai nama beberapa senarai nama peniaga yang sedang berniaga di Taman Senawang Perdana ini untuk ditawarkan MyKiosk ini. Berkaitan dengan isu pokok-pokok yang berada di tu kita akan minta pihak Majlis Bandaraya Seremban untuk lihat dan kita harap kita boleh mengambil tindakan yang sewajarnya. Dan berkaitan dengan beberapa MyKiosk dalam keadaan yang rosak itu kita akan membaiki dan juga menyelenggara dan Yang Berhormat Johol untuk tahun lepas dan tahun ini, kita telah, tahun lepas dan 2023 dan 2024 kita telah pun menggunakan satu *standard* di seluruh negara dan jika ada pada masa akan datang kita akan menimbangkan cadangan tersebut iaitu mengikut identiti kawasan ataupun mengubah sedikit *design* tersebut ia boleh mencerminkan identiti negeri ataupun identiti sesuatu kawasan tertentu di Negeri Sembilan. Terima kasih.

**YB ADUN Lenggeng:** Boleh minta soalan tambahan? EXCO boleh? boleh? Boleh YB, boleh tak kalau ini ramai yang tanyalah sebab jarak antara MyKiosk dengan MyKiosk itu dia terlalu hampir kadang-kadang dia nak masak, ataupun sebab dalam itu tidak dibenarkan masak, jadi kalau kita minta supaya *adjust* sikit dia punya jarak tu boleh? terima kasih.

**YB ADUN Nilai:** ya... Yang Berhormat Lenggeng, memang ini adalah antara satu penambahbaikan yang kita dapat dilaksanakan di mana pada awalnya beberapa tempat, jarak antara MyKiosk dengan MyKiosk yang lain tak sampai

dalam 5 kaki saja ataupun 6 kaki, tetapi di beberapa tempat selepas kita lihat ada keperluan walaupun MyKiosk ini pada awalnya bukan untuk dimasak di tempat tersebut, tetapi ya lah, ada juga peniaga mahukan memasak secara beberapa masakan di situ dan kita lihat dan beberapa tempat kita telahpun tambah baik. Antara MyKiosk kita telahpun ada jarak lebih daripada 10 kaki, bukan saja untuk masak, tetapi kita juga membenarkan untuk peniaga tersebut memasang satu khemah yang boleh dibuka ataupun disimpan supaya *customer* ataupun pelanggan mereka boleh duduk boleh makan dekat sana dan ia juga akan menarik lebih ramai pengunjung ataupun pelanggan datang ke MyKiosk mereka. So ini adalah antara cadangan yang kita akan tambah baik pada masa-masa akan datang. Terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya menjemput Yang Berhormat Lobak.

**YB ADUN Lobak:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Lobak berkemukakan soalan nombor 1.

**YB ADUN Senaling:** Terima kasih Lobak. Soalan Lobak ini ialah berkaitan dengan isu disiplin guru. Ingin dimaklumkan bahawa terdapat 168 kes yang melibatkan isu disiplin orang pendidikan ataupun guru di Negeri Sembilan bagi tempoh 2021 sehingga 2025. Dan senarai pecahnya seperti mana saya nak baca selepas ni, jenis-jenis kesalahan disiplin guru-guru ialah yang pertama yang keduanya tak hadir bertugas, yang keduanya pemalsuan dokumen, yang ketiga penyelewengan kewangan, yang keempat penyataan awam, yang kelima kebankrapan, yang keenam gangguan seksual, yang ketujuh masalah disiplin, yang seterusnya ialah ingkar perintah, jenayah, yang seterusnya ialah keterlibatan dalam politik. Mencederakan murid pun ada juga, hubungan sulit, keluar negara tanpa kebenaran, kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan dan juga SPRM. Dan pecahan mengikut daerah Dato' Yang Dipertua, ialah di daerah Seremban lapan, 89 kes, Port Dickson 11 kes, Jempol Jelebu 36 kes, Rembau 8 kes, Kuala Pilah 11 kes, dan Tampin 13 kes. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Lobak:** Dato' Yang Dipertua, Soalan tambahan, nampak yang disiplin untuk guru-guru tu, berapa kategori ada, tapi saya nak tanya, apa kerajaan supaya mengambil berat khasnya yang guru yang kurang disiplin itu atas murid atau murid macam seksual, atau yang berkaitan dengan murid itu. Apa tindakan jabatan pendidikan atau pandangan kerajaan kita ini terhadap guru yang kurang disiplin atas kes-kes berkaitan dengan murid. Terima kasih.

**YB ADUN Senaling:** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan ini sebenarnya kesalahan disiplin dia pelbagai, sepertimana yang saya sebut tadi, dan tindakan pun pelbagai dan segala tindakan dia ada di bawah semuanya di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Kelakuan Dan Tatatertib 1993, ada peraturannya. Dan macam-macam lah dia punya bergantung

kepada jenis kesalahan itulah. Ada yang kalau kesalahan itu kesalahan yang ringan, dia mungkin akan dikenakan tindakan disiplin seperti di... dipindahkan ke jabatan contohnya, jadi tak ada di sekolah lagi ataupun saya boleh tengok ya, kalau kesalahan-kesalahan berat, ada yang terpaksa kita ambil berhentian pun ada. Dia dasar bergantung kepada kesalahan YB. Jadi memang termaktub kalau ada kesalahan jenayah itu terpulang kepada mahkamah lah. Macam kesalahan seksual itu pun sama juga. Jadi bagi pihak jabatan kita ada peraturannya dan semuanya bergantung kepada jenis kesalahan berat ataupun ringan lah. Tak kira dia melibatkan murid ataupun melibatkan pihak ketiga dengan guru lain ke dan sebagainya tapi memang ada peraturannya. Jadi semuanya terangkum YB. Terima kasih.

**YB ADUN Lobak:** Dato' Yang Dipertua, saya buat celahan bahawa yang disiplin itu berikutan tahun dia berterkawal ke atau dia bertambah teruk? Kalau nampak ni 168 kes ni saya tak nampak dia bilangan setiap tahun tu. Kami nak ikut tahun tu kerana kes macam ni mesti diutamakan. Kami akan kawal supaya kes ni dikurangkan ikut setahun. Tapi kes ni tak nampak status dia macam mana. Sejak tahun 2021 hingga 2025 tapi jumlah dia dia semakin turun ke atau dia bertambah. Terima kasih.

**YB ADUN Senaling:** Sebenarnya Dato' Yang Dipertua, dia ini jumlah keseluruhan yang saya beritahu tadi. Tapi dari segi penambahan tu ada... ada kes-kes yang meningkat dan ada yang menurun. Untuk tu, saya akan maklum pada YB lah... Ya, terima kasih.

**YB ADUN Jeram Padang:** Dato' Yang Dipertua, saya nak mencelah. Saya nak tanyalah YB EXCO mengenai isu di sekolah SJKC di Port Dickson yang memasang bendera terbalik. Apakah tindakan daripada YB EXCO Pendidikan? Adakah itu salah pihak sekolah ataupun pihak sekolah melantik kontraktor untuk memasang bendera? Sebab perkara ini kalau berlaku di luar Negeri Sembilan tak ada masalah, tapi di dalam Negeri Sembilan kita kena suarakan lah sebab apa kerap kali sampainya Hari Kemerdekaan, hari yang kita cintai negara, sering berlaku perkara-perkara begini. Lebih-lebih lagi sekali memalukan melibatkan sekolah. Sepatutnya sekolah ni tempat yang baik untuk kita. Tapi ia mencontoh yang tidak baiklah, yang *simple* sekali memasang bendera terbalik dah viral lah di media sosial. Saya mohon tindakan daripada, apakah tindakan daripada pejabat EXCO Pendidikan? Terima kasih.

**YB ADUN Senaling:** Terima kasih Yang Di Pertua, perkara ni benda yang dah viral sebenarnya ya, dan jabatan memang maklum untuk perkara ni dan kalau kita lihat semalam pun Yang Berhormat Menteri Pendidikan pun dah jawab secara terbuka bahawa perkara ni sedang dalam siasatan masih menunggu laporan sepertimana yang YB tanya tadi, siapa yang buat dan sebagainya kontraktor ke ataupun budak ke ataupun cikgu ke, kita tak pasti dan menteri

cakap YB Menteri beritahu dia dah dapat sedang dalam proses mendapatkan laporan dan tindakan tegas akan diambil lah kepada sesiapa yang terlibat. Sebab ni di premis sekolah. Terima kasih YB.

**YB ADUN Lukut:** Mohon pencilahan Dato' Yang Dipertua. Sikit, sikit boleh? Dato' Yang Dipertua, saya yang turun sendiri pada hari tersebut ketika berlaku. Saya yang menyelaras antara Ahli Lembaga bersama dengan pihak sekolah dan hal ini berlaku sebab pihak guru besar dia pesan seorang apa pekerja yang yang pekerja ni OKU akal. Mental dia kurang, kurang sikit lah. Dia OKU, dia yang pergi pasang dekat sekitar sekolah sana dan selepas tahu dia pakai bendera yang lama untuk dia pasang. Dia pasang dia pun balik saja. So selepas dimaklum pada orang *public*, dalam dua jam saja bendera tu dah diturunkan ha benda dia itu dah diturunkan. Dia bukan disengajakan, jangan diviralkan hal sebegini yang katakan sekolah tak, tak cintakan negara. Saya rasa ini satu kesilapan yang yang sikit, yang rasa saya rasa boleh dimaafkan. Dato Yang Dipertua, saya harap hal ini isu ini tidak diviral lagi, sebab saya sendiri yang turun pergi selaraskan isu ini. okay Dato Yang Dipertua *thank you*, terima kasih.

**YB ADUN Senaling:** Terima kasih YB, saya rasa YB Lukut dah beri penjelasan ha memang tak ada niat nak viralkan, tapi benda ni dah viralkan dan kita harap jangan diviralkan lagilah, seperti kata YB Lukut, ni bukan disengajakan tinggal lagi mungkin kita tengok balikkah siapa yang orang yang tak betul mental ni tak boleh tak boleh lah suruh dia pasang benda-benda macam ni kan, takut dia buat kesilapan sekali lagi, jadi kita pun malu nanti. Okay YB. Terima kasih YB.

**YB ADUN Lobak:** Dato Yang Dipertua, ha ini soalan saya, saya nak tambah sikit kerana memang pasang benda ni mesti hati-hati, tapi sebagai manusia kerana kes ini bukan tahun ni saja, dia berulang-ulang saya sokong Jeram Padang, saya pun sokong Lukut, tapi kami kena buat secara kemanusiaan. Tengok yang tadi ada maklumkan aaa... dia yang mental atau sakit OKU kalau tak bagi kerja dia pergi mana, guru besar atau macam saya saya pakai di aaa... Lobak saya, saya pun hati-hati, tapi mungkin manusia lah kadang-kadang ada kesilapan, tapi kami pun nak umumkan Jabatan Pendidikan pun ada kesilapan dia. Kami pun difaham, kami pun faham keadaan bukan sengaja, so kami harap satu relevan kerajaan kena berpatut la tu, jikalau macam Lobak sengaja kasi salahkan sampai penjara tak ada masalah, tapi seorang tu tak sengaja, kami secara kemanusiaan, kena beri sikit ha rasa lah. Lagipun sekolah dengan lembaga ahli dia pun sudah minta maaf tentang kes yang terjadi tu so sebagai kemanusiaan kami harap lah sama-sama usaha sama-sama utamakan bila memasang bendera, bukan seorang. Kami harap kerajaan beri jasa baik tentang kes ini saja terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya jemput Yang Berhormat Lui, Sungai Lui

**YB ADUN Sungai Lui:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan nomor 2.

**YB ADUN Pertang:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pertamanya saya nak ucapkan terima kasih kepada ADUN Lui di atas soalan yang berkaitan dengan peruntukan pembangunan masyarakat orang asli. Dua soalan yang dikemukakan oleh ADUN Lui ialah yang pertamanya berkaitan dengan peruntukan masyarakat orang asli secara keseluruhannya di Negeri Sembilan bagi tahun 2025, dan yang keduanya ialah tentang perkara yang berkaitan dengan akses berapa ratus akses kepada keperluan asas bekalan air dan elektrik di kawasan masyarakat orang asli di seluruh Negeri Sembilan.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua, ingin saya rekodkan di dewan yang mulia ini bahawa jumlah peruntukan pembangunan yang telahpun disalurkan oleh JAKOA Negeri Sembilan adalah sebanyak RM4,017,560 ringgit. Peruntukan ini adalah bagi maksud melaksanakan 6 projek pembangunan seperti yang nak saya sebut satu persatu. Pertama ialah projek bekalan air terawat sebanyak RM420,000 ringgit, yang kedua projek infra dan ameniti sosial RM2,069,713 ringgit. Projek jalan perhubungan RM666,443 ringgit. Projek bantuan bina baru dan baik pulih rumah, yang ni penting, Dato' Yang Dipertua ya, maknanya bagi bina baru dan baik pulih rumah bagi keseluruhan perkampungan 69 perkampungan masyarakat orang asli di Negeri Sembilan, Kerajaan, JAKOA telah membelanjakan sebanyak RM792,420 ringgit sepanjang tahun 2025 setakat ini ya. Program Modernisasi Pertanian Orang Asli RM60,434 ringgit dan akhir sekali Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar sebanyak RM8,550 ringgit. Daripada keseluruhan jumlah peruntukan yang diterima sehingga kini JAKOA telah pun menanggung dan membelanjakan sebanyak RM3,576,639.80 daripada keseluruhan peruntukan yang telah diperuntukkan sebanyak 4 juta tadi maknanya JAKOA telah membelanjakan mengikut jumlah yang telah saya nyatakan untuk pembangunan masyarakat orang asli di Negeri Sembilan manakala baki peruntukan sebanyak RM440,920 ringgit ini sedang menunggu kelulusan daripada pihak Kementerian. Bagi kampung yang telah diiktiraf oleh JAKOA Dato' Yang Dipertua, untuk makluman ahli dewan, sebanyak 90% daripadanya semuanya telah pun memperoleh akses kemudahan dan keperluan asas bekalan air dan elektrik. Baki yang 10% ini Dato' Yang Dipertua, adalah merupakan kampung tambahan yang tidak berstatus rizab orang asli dan masih belum mendapat akses sepenuhnya kepada kemudahan asas tersebut. Tetapi saya juga telah dijelaskan di dewan yang mulia ini pada tempoh yang lalu, bahawa ada di kawasan-kawasan yang pun telah pun ditawarkan dengan kemudahan asas ini tetapi ada setengah sebahagian segelintir kawasan yang tidak sangat bersetuju tentang kemudahan asas ini kerana mereka tidak mahu terlibat dengan komitmen bil ataupun bayaran kepada pihak SAINS

dan pihak Kerajaan. Mereka lebih berminat menggunakan air bukit sebagai bekalan untuk urusan harian mereka. Kerjasama ataupun dalam soal yang berkaitan dengan pembangunan masyarakat orang asli ini. Dato' Yang Dipertua, kita tidak ada kompromi dan ini adalah merupakan satu perkara yang menjadi tugas dan tanggungjawab kerajaan negeri, malah kerajaan pusat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Jeram Padang:** Saya nak mencelah Yang Dipertua, untuk makluman Yang Berhormat EXCO kerajaan negeri bawah Kementerian Luar Bandar di kawasan saya ini ada dulunya diumumkan Projek Bekalan Air Luar Bandar sebanyak RM5.5 juta selepas pilihan raya negeri sehingga hari ini dah menjelang 2 tahun saya dapati tak ada perkembangan pun sebab masyarakat kampung orang asli asyik bertanya saya, saya dah siasat pihak kementerian luar bandar sudah melantik perunding, perundingnya bernama *Unity Consultant* berpejabat di Taman Tasik Jaya. Takkanlah nak merancang untuk kampung-kampung orang asli ni mengambil masa sehingga 2 tahun tapi tak selesai-selesai. Saya bagi pandangan lah, kalau konsultan tidak bijak mengurus, merangka, merekabentuk eloknya dilantik konsultan yang lebih bertauliah dan mahir, dan saya mendapat tahu saya selaku ADUN Jeram Padang pun tidak dipanggil. Apakah perancangan dari pihak perunding. Tak ada langsung. Dan keduanya sebelum ini ada juga diumumkan peruntukan sebanyak RM1.5 juta jambatan menghubungkan Kampung Orang Asli Batu Peti dan Kampung Orang Asli Panchor. Dan sehingga hari ini saya pun tidak dapat maklumat dari pihak Kementerian Luar Bandar dan saya tak boleh jawab dengan masyarakat saya di kampung orang asli. Cuma saya nampak ada lawatan bersama Ahli Parlimen tapi saya tidak dijemput selaku ADUN Kawasan. Jadi, tiada keputusan, dah tertangguh selama 2 tahun, saya bagi pihak masyarakat Jeram Padang tidak berpuas hatilah. Apakah perancangannya selepas ini? Terima kasih.

**YB ADUN Pertang:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya nak ucap terima kasih pada ADUN Jeram Padang di atas keprihatinan terhadap pembangunan masyarakat orang asli. Runding baik-baik dengan ahli parlimen, bila pergi lawat kawasan turun semua sebagai satu *team* dan pasukan. Dato' Yang Dipertua, perkara ini juga saya setuju dengan ADUN Jeram Padang, peruntukan BALB ataupun Bekalan Air Luar Bandar ataupun BELB Bekalan Elektrik Luar Bandar yang telah diperuntukkan dengan sejumlah peruntukan yang agak besar sejak tahun 2022, 2023, dan 2024 sehingga ini belum lagi dilaksanakan ataupun di-*execute* dengan izin melalui perkara-perkara yang telahpun diperuntukkan. Dan untuk maluman dewan yang mulia, saya telahpun mengumpul dan saya telah jelajah satu perkampungan orang asli dengan perkampungan orang asli yang lain dengan mengumpul data-data yang berkaitan dengan projek yang telahpun diperuntukkan dengan peruntukkan daripada KKDW tetapi masih dilaksanakan masih dalam progres dan masih dalam kajian konsultan yang telahpun dilantik melalui

tatakelola perolehan daripada pihak kementerian dan kesemua *list* ataupun senarai ini telahpun saya bentang dan kemukakan dalam Mesyuarat Maxclub, yakni Mesyuarat Ahli-Ahli Exco Kerajaan Negeri yang berkaitan dengan luar bandar, bersama dengan Yang Amat Berhormat Menteri KKDW untuk dilaksana dan diambil tindakan dan diberi perhatian oleh pihak Kementerian KKDW secepat mungkin. Setakat ini Yang Berhormat Dato' *Speaker*, yang boleh saya katakan bahawa semua projek-projek yang telah diluluskan masih ada yang masih dalam kajian konsultan, ada yang masih lagi dalam pelaksanaan untuk memilih konsultan, melalui kaedah tender terbuka dan sebagainya dan ada juga projek-projek yang telah pun dilaksanakan dan dalam proses pelaksanaan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Juasseh:** Dato' Yang Dipertua, saya ada soalan tambahan. Saya ucap ribuan terima kasih kepada EXCO Kanan kerana mengambil berat tentang masyarakat orang asli termasuklah di kawasan saya. Soalan tambahan saya, adakah perancangan kerajaan negeri untuk membuat satu program ataupun satu karnival yang bersifat *touchpoint* di Negeri Sembilan ini untuk kita ketengahkan produk-produk ataupun cara hidup orang asli? Terima kasih Dato' *Speaker*.

**YB ADUN Pertang:** Pandangan yang baik Dato' Yang Dipertua, sebelum itu Dato' Yang Dipertua ya, macam mana kita nak mengatakan bahawa pihak kerajaan negeri dan juga kerajaan melalui KKDW dan JAKOA ya. Kita memberikan perhatian dan penumpuan kepada kepentingan masyarakat orang asli. Minggu lepas saya telah kemukakan soalan di dewan rakyat untuk dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tentang keadaan dan kedudukan Akta kita, Akta Masyarakat Orang Asli, Akta 1954 ataupun Akta 134 yang selama 71 tahun tidak diusik dan tidak dikaji semula maka soalan yang dibawa oleh Negeri Sembilan, saya telah kemukakan, dijawab oleh menteri dan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan apa ni pembentangan RMK13 pada minggu lepas yang Akta 134 Masyarakat Orang Asli di bawah 1954 ni akan dibuat kajian semula. Apa kajian yang akan dibuat? Tentang soal pemilikan hartanah. Tentang soal pendidikan. Tentang soal infrastruktur. Kenapa saya nyatakan di dewan yang mulia ni supaya untuk makluman ahli-ahli dewan bahawa kepentingan masyarakat orang asli ni sentiasa diberi perhatian oleh pihak kerajaan negeri dan juga pihak kerajaan pusat. Berkaitan dengan cadangan ADUN Juasseh tadi bahawa adakah kita merancang beberapa perkara dan pendekatan yang berkaitan dengan untuk membangkitkan perkara yang berkaitan dengan hasil dengan perkara-perkara yang *success story* yang dikemukakan oleh masyarakat orang asli di Negeri Sembilan oleh kerajaan negeri? saya nak kemukakan untuk makluman dewan bahawa sememangnya di dalam radar dan perancangan saya mula pada tahun 2026 untuk kita buat karnival. Karnival masyarakat orang asli yang kita akan namakan kita akan buat *new branding* dengan izin untuk masyarakat orang asli karnival untuk kita

mengupayakan semua hasil dan juga *success story* yang berkaitan dengan masyarakat orang asli di seluruh Negeri Sembilan untuk diteliti dan juga diberi pengupayaan dan pengiktirafan walaupun tidak peringkat antarabangsa tetapi peringkat negeri dan negara. *Insya-Allah* saya akan kemukakan perkara dan anggaran belanjawan untuk karnival ini dalam konsultasi bajet yang akan kita jalankan pada bulan hadapan dan *insya-Allah* kalau mendapat kelulusan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, maka karnival ini akan kita laksanakan seawal tahun 2026 terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya menjemput Yang Berhormat Juasseh.

**YB ADUN Juasseh:** Saya kemukakan soalan nombor satu.

**YB ADUN Palong:** Dato' Yang Dipertua, terima kasih Yang Berhormat Juasseh. Soalan berkenaan dengan menambah baik berkenaan peruntukan bagi program SUKNES. Saya telah jawab tadi cuma saya ringkaskan untuk makluman Yang Berhormat Juasseh, insyaa allah apa saja pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat dan juga rakan-rakan yang lain akan saya kumpulkan akan kita kaji, akan kita bincangkan dan akan kita angkat untuk kelulusan tahun 2027. SUKNES 2027 untuk kita kaji sama ada ia perlu ditambah dana dan sebagainya *insya-Allah* akan kita ambil perhatian. Soalan seterusnya apakah alasan kerajaan mengurangkan peruntukan belia dari RM3,000 kepada RM1,000? Baik, Yang Berhormat Juasseh, kerajaan negeri yakin dan percaya bahawa aktiviti dan program bercorak kesukanan adalah lebih dekat dan merupakan *touch point* pada golongan belia. Bagi tahun 2025 sebahagian peruntukan asal iaitu RM3,000 pada setiap JPKK sebab ada yang dapat ada yang tak rapat kerana ini bergantung pada bilangan JPKK yang berada dalam DUN masing-masing. RM3,000 pada setiap JPKK Negeri Sembilan telah diselaraskan semula bagi menjayakan Program Sukan Negeri Sembilan atau sinonim dengan jenama SUKNES. Peruntukan bagi belia-beliawanis telah diselaraskan semula kepada RM1,000 setiap JPKK. Berdasarkan berdasarkan keperluan dan permintaan di peringkat akar umbi jumlah sukan yang dipertandingkan telah pun kita angkat pada 8 jenis seperti yang saya maklumkan tadi ya. Sehubungan dengan itu, peruntukan khusus melalui JPKK tadi sebanyak RM1,000 boleh dimohon dan telahpun rasanya disalurkan pada setiap JPKK melalui Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri masing-masing. Secara keseluruhannya untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada peruntukan khusus tadi, banyak lagi dana-dana yang boleh kita mohon melalui Persatuan, Pejabat Belia Sukan Negeri, melalui JBS dan juga melalui Pejabat Belia Sukan untuk kita terus memperkasakan aktiviti-aktiviti belia di peringkat kawasan masing-masing. Sekian, terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya menjemput Yang Berhormat Temiang.

**YB ADUN Temiang:** Terima kasih Dato' Dewan. Saya kemukakan soalan pertama.

**YAB ADUN Sikamat:** *Bismillahirrahmanirrahim* terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih ADUN Temiang. Sungai Linggi sila senaraikan pengusaha-pengusaha berlesen dan pengusaha haram yang ada di sepanjang Sungai Linggi. Dato' Yang Dipertua, pemegang permit bagi pengusaha berlesen di sepanjang sungai linggi adalah Kumpulan Akademi Yayasan Negeri Sembilan (KAYNS). Walau bagaimanapun pihak Kumpulan Yayasan Negeri Sembilan telah melantik Syarikat GY Resources Malaysia Sdn Bhd, untuk melaksanakan kerja-kerja berkaitan di sepanjang kawasan tersebut, melalui surat setuju terima bertarikh 10 Februari 2025 bagi tempoh 24 bulan. Berdasarkan pemantauan dan penguatkuasaan bersepadu yang telah dijalankan terdapat 2 pengusaha haram yang ada di sepanjang Sungai Linggi iaitu berhampiran dengan Taman Angsa Mas satu pengusaha haram telah dikenakan kompaun dan selebihnya dalam tindakan penyediaan kertas siasatan oleh pihak Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Sembilan PTGNS. Pejabat Daerah Dan Tanah kawasan berkenaan sentiasa menjalankan operasi pemantauan dan penguasaan bagi mengelakkan ketirisan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Temiang:** Terima kasih jawapan daripada Yang Amat Berhormat Sikamat. Jadi Dato' Yang Dipertua Dewan dan seperti yang kita ambil maklum Sungai Linggi ini amat penting untuk negeri kita terutama penduduk-penduduk Daerah Seremban. di mana ia merupakan sumber air yang amat penting untuk penduduk-penduduk di sini. Jadi sungai ini banyak berlaku pencemaran minyak hitam lah. Minyak enjin di mana dituangkan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawablah dan juga terdapat pengusaha-pengusaha yang menjalankan ini minyak enjin ini untuk kitar semula di berhampiran Sungai Linggi ini. Jadi saya nak tahu apakah statistik ataupun data-data berkaitan dengan pengusaha-pengusaha yang menjalankan kitar semula minyak hitam ini, minyak enjin ini yang dekat dengan sungai ini Sungai Linggi.

**YAB. ADUN Sikamat:** Terima kasih. Soalan tambahan daripada DUN Temiang. Sebenarnya kita mengadakan operasi bersepadu berskala dan *Alhamdulillah* kita telah mengenalpasti beberapa lokasi jumlah data, *detail* akan saya jawab dalam soalan aaa.... secara bertulis Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

**YB ADUN Labu:** Celahan sedikit, Dato' Yang Dipertua. Boleh? Dato' Yang Dipertua, berkenaan pencemaran sungai ni, saya rasa dah sampai satu masa kerajaan negeri kita perlu mengetatkan satu tindakan undang-undang yang cukup ketat agar mereka yang tidak bertanggungjawab ini mula risau. Kalau tidak perkara ni dah terlampau lama ya. Saya baru-baru ini pun saya tengok

Yang Berhormat Sikamat ada ke Lenggeng ya, dengan masalah yang sama juga. Saya rasa kita tak boleh benarkan, hampir dah berpuluh tahun masalah ini masih berlaku. Jadi saya mohon kerajaan negeri ada satu tindakan undang-undang yang lebih ketat supaya jika mereka nak melakukan kesalahan ini selepas daripada ini mereka akan risau dan takut. Terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, kita sedia maklum bahawa perkara ini telah diambil tindakan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar. Hari ini kes untuk mereka yang merosakkan alam sekitar khususnya di sungai boleh dikenakan denda maksimum yang tinggi. Jutaan ringgit, (sepuluh juta), sepuluh juta ringgit dan saya berharap bahawa dengan denda sepuluh juta ringgit ini memberikan ingatan kepada semua pengusaha khususnya yang mereka yang berhampiran, beroperasi berhampiran dengan tebing sungai supaya memastikan bahawa mereka tidak dikenakan tindakan yang tinggi ini, dan mereka juga boleh dipenjarakan di samping sepuluh juta ringgit denda, mereka juga kedua-dua sekali penjara dan denda maksimum sepuluh juta ringgit dan penjara. Jadi saya berharap dengan adanya undang-undang ini kita dapat sentiasa memastikan bahawa isu pencemaran ini dapat kita elakkan terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya jemput Yang Berhormat Serting.

**YB ADUN Serting:** Assalamualaikum. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu.

**YB ADUN Ampangan:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada YB Serting. Soalan yang pertama daripada YB ialah berapakah bilangan doktor pakar, pegawai perubatan dan jururawat berdaftar di Hospital Jempol. Soalan nombor dua berapa lama tempoh pesakit menunggu untuk mendapatkan perawatan segera kena ada aduan mengatakan tempoh urusan pesakit mendapat rawatan di Hospital Jempol mengambil masa yang lama. Jadi, Dato' Yang Dipertua, ini jawapan dia. Jawapan nombor satu bilangan doktor pakar, pegawai perubatan dan jururawat berdaftar di Hospital Jempol setakat 30 Jun 2025 adalah 4 pegawai perubatan pakar sepenuh masa. Perubatan 2, Bius 1, Pembedahan Am 1, 39 pegawai perubatan dan 108 jururawat. Jawapan nombor dua berdasarkan bilangan pelanggan Hospital Jempol keutamaan, keutamaan diberikan kepada kes kritikal dan separa kritikal di Jabatan Kecemasan Dan Trauma dan masa menunggu adalah seperti berikut; kes kritikal zon merah dirawat dengan serta-merta. Antara contoh kes-kes dikategori kritikal adalah seperti berikut; nombor satu serangan jantung, jantung, pendarahan otak, kemalangan yang melibatkan kecederaan parah dan pendarahan dalam badan, sesak nafas, akibat kegagalan jantung dan peparu dalam keadaan septik, kejutan septik, komplikasi jangkitan kuman. Kes separa kritikal zon kuning, dirawat dalam masa 30 minit antara contoh kes dikategori separa kritikal adalah seperti

berikut; jangkitan kuman dalam peparu, dehidrasi akibat cirit-birit yang berterusan, demam denggi, keradangan appendiks. Kes zon hijau akan dilihat mengikut keutamaan pesakit dalam masa 90 minit. Antara contoh kes yang dirawat di zon hijau adalah seperti berikut; demam biasa; batuk; selsema; saki sakit kaki; sakit perut akibat gastritis; sakit kepala; luka-luka kecil, lenguh badan, dan sakit pinggang. Itu saja Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Dijemput Yang Berhormat, ada soalan?

**YB ADUN Serting:** Soalan tambahan boleh?

**YB Yang Dipertua Dewan:** Okay.

**YB ADUN Serting:** Boleh? ya terima kasih. Kepada EXCO. Okay saya ingin menarik perhatian baru-baru ni ada keluar dalam Kosmo tentang seorang yang bernama siapa ni Wan Takaful menceritakan dalam tiktok hal berkenaan dengan mak dia yang telahpun apa dia dirawat mengambil masa yang lama hampir 3 ke 4 jam dalam keadaan mak dia kritikal lah. Begitu juga dengan yang lain saya *search* dalam ni antaranya pada tahun 2023 dulu 10 jam menunggu dalam keadaan serius, terkoyak tangan dia tapi menunggu sehingga mana, kering dia punya luka. Begitu juga dengan yang lain-lain lah, dan pengalaman saya pun antaranalah. Hantar pesakit-pesakit yang ada di DUN Serting begitu juga keluarga saya pun seperti mana yang disebutkan tadi iaitu kuning, merah dan hijau tu, hijau tu bukan hanya 10-90 minit bahkan lebih daripada tu, iaitu 3 jam dan sebagainya ini yang berlaku dan itulah yang *complaint* yang saya dapat, harapan saya agar diperbaiki ataupun dikemaskinikan sebab ramai orang kata takut nak datang ke Hospital Jempol. Pergi sana mati. Bukannya takut mati tapi di segi apa dia penyelenggaraan itu yang mungkin kurang menyenangkan kepada penduduk yang ada di sekitar situ, maka tanggapan-tanggapan begitu mungkin berlaku. Jadi saya harap agar perkara ini dapat diambil perhatian lah terima kasih

**YB ADUN Ampangan:** Terima kasih YB Serting di atas soalan tersebut soalan tambahan saya akan beri jawapan bertulis kepada YB Serting terima kasih.

**YB ADUN Jeram Padang:** Yang Dipertua, saya mencelah. Saya bawa aduan daripada Klinik Baru Rompin lah, yang yang baru dibina tu, ada kuarters guru yang eh kuarters guru, kuarters staff untuk klinik tu cantik lah. Cumanya beliau berminat lah staff-staff ni nak tinggal di sana. Cuma dia punya *coverage* untuk *line* telefon semua tak ada. Jadi saying, jadi doktor dan semua staff akhirnya duduk di luar. Jadi saya mohon daripada YB EXCO panjangkan kepada YB EXCO Inovasi Dan Digital supaya ditambah *coverage* supaya duit rakyat yang membina kuarters guru tu tidak sia-sia terima kasih. Kuarters...kuarters klinik.

**YB ADUN Johol:** Sebelum EXCO jawab saya sedikit lagi soalan tambahan kaitan dengan *service* lah. Jadi rasanya Serting cakap soal *service* di hospital kan, dia juga melibatkan *service* di klinik kesihatan, klinik desa dan sebagainya kan. Jadi di kawasan saya ada klinik desa yang baru kita rasmikan dan apa yang saya lihat adalah peralatan di klinik desa ini terlalu uzur ya. Ada bangku yang saya rasa seusia saya pun ada. Jadi saya rasa ini amat tidak memberikan suasana yang kondusif kepada apa ni, dipanggil orang yang datang. Dan satu lagi untuk Dato' Yang Dipertua, saya nak cakap soal pelantikan panel kesihatan ini. Sebabnya panel kesihatan ini satu, apa dia panggil senarai yang telah kita bagi daripada ADUN kan kepada pihak yang berkaitan berkenaan, yang melibatkan satu kita dah pilih satu kelompok ataupun satu kumpulan yang kita yakin akan dapat membantu klinik itu sendiri. Tetapi apa yang mendukacitakan ialah bila keluar sahaja senarai panel klinik kesihatan dan mungkin hospital sebab kawasan saya tak ada hospital. Tengok senarai itu kita ADUN sendiri pun tak kenal siapa senarainya ada-ada orang Johol saya dengar cerita dilantik di Seri Menanti. Jadi benda-benda sini saya harap EXCO tolong tengok ataupun beri keutamaan kepada apa senarai yang telah dihantar oleh ADUN untuk kebaikan sebenarnya klinik kesihatan itu sendiri. Terima kasih.

**YB ADUN Rantau:** Dato' Yang Dipertua, saya pasal klinik, pasal kesihatan ini, saya pun ingin menumpang bertanya, semasa ucapan belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun, tahun lepas ke tahun 23 rasanya tahun 2023, ada diumumkan bahawa pembinaan Klinik Kesihatan Rantau. Dah 2 tahun, tapi tak ada apa-apa nampaknya kawasan pun kita tak tahu kat mana, saya nak minta tanya EXCO Kesihatan apakah Klinik Kesihatan Rantau itu akan diterjemahkan ataupun masih lagi di peringkat mana. Terima kasih.

**YB ADUN Ampangan:** Terima kasih kepada YB Johol, mengenai klinik desa yang telah uzur. Jadi *insya-Allah* saya akan berbincang dengan pihak Hospital HTJ mengenai klinik desa ini, dan juga klinik Kesihatan, Ahli Lembaga Kesihatan Hospital, yang sebenarnya saya dah bagi kepada semua ADUN-ADUN dan juga EXCO-EXCO supaya memberi nama-nama untuk diangkat sebagai Ahli Lembaga Klinik Hospital untuk kuasa masing-masing. Jadi memang saya tak kenal pun, pasal apa, pasal apa ramai nama-nama tersebut. Jadi saya minta semua ADUN-ADUN yang bagi nama-nama tersebut yang saya serahkan kepada Pejabat Kementerian Kesihatan. Jadi Kementerian Kesihatan yang meluluskan nama-nama tersebut. Kalau nama-nama yang tak dipilih itu itu bukan kuasa saya, pasal apa nama-nama yang yang dipilih yang terbaru ini telah-telah diminitkan, jadi walau apapun saya sedang berusaha untuk mendapatkan nama-nama yang baru untuk dihantar kepada Pejabat Menteri Kesihatan *insya-Allah* dalam masa terdekat. Klinik mengenai Klinik Kesihatan Rantau, saya tidak pasti mengenai ini, jadi saya akan bertanyalah kepada Kementerian Kesihatan, *insya-Allah* terima kasih Dato'.

**YB ADUN Juasseh:** Dato' *Speaker*, saya sikit saja nak, untuk berkenaan dengan panel kesihatan di klinik-klinik kesihatan saya minta EXCO untuk menambah baik menambah baik senarai ini, kerana ada senarai yang kita senaraikan masih lagi ada nama-nama lama yang disenaraikan semula dan juga pertindihan, contohnya di kawasan saya, dua klinik ni, dua-dua nama adalah nama yang sama, nama yang kami hantar tak ada, dan juga ada di kalangan yang dicalonkan ini bukannya datang daripada ADUN, kita faham daripada Kementerian Kesihatan ke, daripada EXCO ke, daripada mana-mana ni, tapi kalau boleh rujuk semula yang dah diluluskan ini kepada kami selaku ADUN ke ataupun siapa-siapa yang untuk dirujuk. Supaya tidak berlaku pemanggilan mesyuarat ini sama ada orang itu ada atau tiada. Ada juga yang dah tak ada lagi, dicalonkan dalam panel ini. Itu saja terima kasih.

**YB ADUN Ampangan:** Terima kasih YB Juasseh. *Insyallah* saya akan tengok, teliti semula nama-nama tersebut terima kasih.

**YB ADUN Jeram Padang:** Jeram Padang soalan tak jawab tadi. YB EXCO tak jawab soalan saya tadi. Rompin, Klinik Rompin saya minta diadakan.

**YB ADUN Ampangan:** Mengenai kuarters Klinik Rompin tu, pasal dah siap. Digital, saya harap YB, YB Digital EXCO digital tolong jawab. Terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa bagi pertanyaan lisan hari pertama telahpun tamat, semua pertanyaan yang tidak sempat dijawab akan diberi jawapan secara bertulis.

## 6.2 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Bertulis

**Setiausaha Dewan:** Pertanyaan yang berkehendakkan jawapan bertulis. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun membentangkan jawapan bagi pertanyaan-pertanyaan bertulis yang telah diberitahu terlebih dahulu, seperti yang dibentangkan dihadapan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan bagi pertanyaan-pertanyaan bertulis adalah dibentangkan.

7. **PEMILIHAN DAN PELANTIKAN YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DIPERTUA DEWAN**

**Setiausaha Dewan:** Perkara ketujuh, pemilihan dan pelantikan Yang Berhormat Timbalan Yang Dipertua Dewan.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, menurut Peraturan 2 Aturan 1(1), Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri, Negeri Sembilan menyatakan bahawa:

*“Dewan Negeri juga hendaklah memilih seorang Timbalan Yang Dipertua dalam mesyuarat yang mula-mula sekali diadakan selepas Pilihanraya; atau pada permulaan urusan mesyuarat dalam mesyuarat yang mula-mula sekali diadakan selepas daripada Jawatan Timbalan Yang Dipertua itu dikosongkan”*

**YB Yang dipertua Dewan:** Saya telah menerima satu pencalonan untuk Jawatan Timbalan Yang Dipertua Dewan. Dengan ini, saya menjemput Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat untuk mencadangkan calon Timbalan Yang Dipertua Dewan tersebut. Dengan hormatnya dipersilakan.

**YAB. ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua, saya mencadangkan “Bahawa YB Datuk Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng adalah dipilih menjadi Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri.

**YB ADUN Pertang:** Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana seorang sahaja yang dicadangkan, dan telah disokong menjadi Timbalan Yang Dipertua, maka dengan ini saya memasyhurkan bahawa YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng dipilih menjadi Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-15.

**YB ADUN Lenggeng:** Terima kasih *Speaker*.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Tahniah Yang Berhormat.

## 8. RANG UNDANG-UNDANG

**Setiausaha Dewan:** Perkara kelapan, Rang Undang-Undang Pertama. Rang Undang-Undang Bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2025 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu bagi maksud yang tertentu bagi tahun itu. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Bernama Satu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2025 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu bagi maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan bagi kali pertama.

**YB ADUN Pertang:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali pertama.

**Setiausaha Dewan:** Satu Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2025 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu bagi maksud yang tertentu bagi tahun itu.

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2025 ini dibacakan bagi kali kedua izinkan saya memberikan penerangan mengenai tujuan dan sebab pindaan ini dibentangkan di dewan yang mulia ini. Rang undang-undang ini bertujuan mengadakan peruntukan bagi mengeluarkan wang sebanyak RM10,300,000.00 ringgit daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua *Alhamdulillah* syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurniaNya kita diberi peluang berkumpul di dewan yang mulia ini. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua penutup tahun 2024 menyaksikan kerajaan negeri selama 3 tahun berturut-turut iaitu bermula tahun 2022 hingga tahun 2024 telah mencapai *surplus* ataupun lebih sebenar berbanding anggaran belanjawan defisit. Pada tahun 2024 kita berjaya mencapai *surplus* sebanyak RM83.07 juta berbanding anggaran defisit sebanyak RM46.9 juta semasa anggaran

belanjawan tahun berkenaan. Lebih sebenar tersebut berjaya dicapai apabila kutipan hasil pada tahun 2024 adalah sebanyak RM636.17 juta ringgit Malaysia, atau 122.34% berbanding sasaran hasil sebanyak RM520 juta. Kutipan hasil 2024 tersebut beberapa rekod terbaik dalam sejarah pentadbiran kerajaan Negeri Sembilan.

Jika dilihat dari segi peratusan sumbangan kepada hasil negeri secara keseluruhannya hasil bukan cukai merupakan penyumbang terbesar iaitu 64.84% ataupun RM412.51 juta berbanding dengan RM325.05 juta pada tahun 2023 diikuti hasil cukai sebanyak 23.99% peratus ataupun RM152.59 juta ringgit. Berbanding dengan RM152.38 juta pada tahun 2023 dan terimaan bukan hasil sebanyak 11.17% ataupun RM71.07 juta berbanding RM54 juta yang berjaya dikutip pada tahun 2023.

Antara penyumbang utama kepada hasil bukan cukai pada tahun 2024 adalah bayaran premium tanah iaitu sebanyak RM185.83 juta berbanding RM161.55 juta pada tahun 2023. Peningkatan ini antaranya adalah disebabkan oleh pelaksanaan dasar *fast lane approval* bagi projek-projek bernilai tinggi yang telah mula dilaksanakan oleh kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 2024. Dengan tema Bersama Membina Negeri Madani, kerajaan Negeri Sembilan menyediakan belanjawan berimbang pada tahun 2025 dengan anggaran kutipan sebanyak RM590 juta ringgit. Anggaran ini, anggaran belanja mengurus sebanyak RM590 juta termasuk anggaran belanja pembangunan sebanyak RM135 juta. Fokus belanja 2025 adalah memberikan tumpuan kepada inisiatif yang diyakini dapat mengimbangkan antara keperluan sara hidup dan pengukuhan ekonomi supaya terus berdaya tahan yakni *risili risili risili risili resilience* ke kendati pun begitu, terdapat keperluan untuk menyelaraskan semula keperluan belanjawan tahun 2025, dan dengan ini saya mohon izin untuk membentangkan anggaran perbelanjaan mengurus tambahan 2025 sebanyak RM10,300,000.00 ringgit.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, "Bulat air kerana pembuluh bulat manusia kerana muafakat. Faham sesuai, benar seukur, bulat segolek, pipih Selayang, rundingan jelak jangan selisih, muafakat jangan bercanggah, tuah pada sekata, berani pada seia", seperti maksud teromba tadi, pada dasarnya peruntukan tambahan ini dibuat berdasarkan perubahan atau penambahbaikan dasar kerajaan negeri yang telah lama yang telah sama-sama dipersetujui. Kerajaan negeri komited untuk memberikan tumpuan kepada peningkatan takbir urus yang cekap serta menyediakan perkhidmatan terbaik kepada rakyat di samping menzahirkan penghargaan kepada perkhidmatan, jasa-jasa serta pengorbanan yang telah diberikan oleh pesara anggota pentadbiran kerajaan negeri, kepada kemakmuran dan kesejahteraan negeri tercinta yang kita nikmati pada hari ini. Secara khususnya peruntukan tambahan ini perlu dibuat bagi menampung ketidakcukupan bayaran bantuan khas kewangan BKK 2025 termasuk pemberian BKK Aidilfitri sebanyak 2 bulan gaji serta ketidakcukupan

bayaran pencen selaras dengan penyelarasan Saraan Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri termasuk Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri serta Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri ADUN dibawah Enakmen Anggota Pentadbiran Ahli Dewan Undangan Negeri Saraan 1980. Justeru kerajaan negeri bersetuju membuat tambahan peruntukan berjumlah RM10,300,000.00 ringgit bersamaan 1.75% dari peruntukan asal Belanjawan tahun 2025 yang berjumlah RM590 juta ringgit. Peruntukan tambahan ini juga menjadikan peruntukan keseluruhan tahun 2025 adalah sebanyak RM600,300,000.00 ringgit dengan anggaran defisit sebanyak RM10.3 juta.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebanyak 17 vot bekalan melibatkan jabatan-jabatan yang memerlukan tambahan peruntukan sebanyak RM7,740,000.00 ringgit dan 1 vot tanggungan yang memerlukan tambahan peruntukan RM2,560,000.00 ringgit dengan jumlah peruntukan sebanyak RM10,300,000.00 merangkumi peruntukan untuk pertamanya emolumen sebanyak RM7,740,000.00 ringgit dan keduanya pemberian kenaikan bayaran tetap bekalan sebanyak RM2,560,000.00 ringgit.

Yang Berhormat Dato' Yang dipertua, sekian pembentangan saya dan dengan ini saya mencadangkan agar Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2025 dibacakan untuk kali kedua. Sekian, terima kasih.

**YB ADUN Pertang:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan tersebut.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Rang-Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan Tahun 2025 telah dicadangkan untuk dibicarakan bagi kali yang kedua dan telah disokong. Oleh itu, seterusnya saya persilakan untuk perbahasan pada dasarnya sahaja.

**YB ADUN Johol:** *Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izinNya kita dapat berhimpun di dewan yang mulia ini, bagi membahaskan hal ehwal negeri khususnya dalam soal pembekalan tambahan bagi tahun 2025. Sidang ini bukan sahaja memberikan kita ruang untuk menilai kembali keperluan pentadbiran dan pembangunan, tetapi juga peluang untuk kita sama-sama mencorak hala tuju negeri yang sama-sama kita cintai ini. Yang Berhormat Dato' *Speaker*, Dato' Yang Dipertua, mengurus perbendaharaan negeri bukan sekadar soal angka. Ini adalah seni mentadbir keutamaan iaitu *priority*. Ia memerlukan kebijaksanaan dalam menimbang antara kehendak dan keperluan serta keberanian dalam membuat keputusan yang tidak selalu

populer tetapi penting untuk masa depan. Bak kata pepatah Inggeris “*A decision made not for plus but for posterity*”.

Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua, dalam dunia yang semakin kompleks, kita tidak boleh lagi bergantung kepada pendekatan lama yang bersifat rutin kita memerlukan pendekatan yang strategik dan fleksibel. Sesuai dengan realiti ekonomi sosial dan persekitaran semasa, sebarang bentuk perbelanjaan mesti disandarkan kepada hasil yang jelas bukan hanya pada kertas kira-kira, tetapi juga ke dalam kehidupan seharian rakyat. Saya percaya atas semangat itulah, Rang Undang-Undang Pembekalan Tambahan Tahun 2025 ini dibentangkan. Ini adalah cerminan kepekaan kerajaan negeri terhadap situasi semasa yang berubah-ubah. Dan sebagai Ketua Kelab Penyokong Kerajaan Barisan Nasional merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Johor saya tampil hari ini bukan hanya untuk menyatakan sokongan terhadap rang undang-undang ini, tetapi juga membawa suara rakyat luar bandar yang berharap agar setiap sen yang diperuntukkan benar-benar memberi makna kepada kehidupan mereka.

Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua, semua telah sedia maklum bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan ini memperuntukkan dana tambahan sebanyak RM10.3 juta. Dan ia untuk diagihkan kepada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan negeri. Secara dasarnya saya melihat jumlah peruntukan ini bukanlah merupakan satu permintaan berlebihan, sebaliknya ia adalah pelarasan bersifat realistik bagi menampung keperluan kewangan sebenar ketika ini. Ini selari dengan prinsip *adaptive* dalam belanjawan, ia membawa maksud kerajaan harus cekap menyesuaikan bajet mengikut cabaran dan perubahan semasa. Bayangkan jika sesebuah Pejabat Daerah di kawasan luar bandar tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk urusan pentadbirannya, sudah pasti ia akan membantutkan operasi kerajaan negeri untuk menabur bakti kepada rakyat. Pada saya pembekalan tambahan ini adalah satu keperluan bagi kelangsungan pentadbiran dan Pembangunan

Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua, belanja berhemah tidak bermaksud kita mengikat diri sehingga kita tidak mampu berfungsi. Ia bermaksud mengoptimalkan setiap sen yang dibelanjakan. Memastikan bahawa setiap perbelanjaan memberi pulangan yang nyata kepada rakyat dan pembangunan negeri dan dalam soal pengurusan fiskal, kita perlu tekankan mengenai kepentingan kerajaan mengurus hasil dan perbelanjaan secara berhemah. Ini termasuk mengelakkan hutang yang tidak perlu, memastikan pelaburan memberikan hasil dan menjaga keseimbangan fiskal jangka panjang. Dengan kata lain walaupun saya bersetuju dengan peruntukan tambahan ini, tetapi sebagai penjaga kewangan, Pegawai Kewangan Negeri yang baru hendaklah memastikan ia tidak dibelanjakan secara melulu. Bahkan perbelanjaan tambahan seperti yang kita bentangkan hari ini mesti

diasaskan kepada keperluan sebenar. Keberkesanan program serta impak langsung kepada rakyat. Prinsip inilah yang perlu menjadikan teras kepada semua peruntukan tambahan yang bakal kita luluskan di dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagai wakil kepada penduduk di Kawasan, saya ingin mengingatkan bahawa rakyat di kawasan luar bandar juga mempunyai hak terhadap pembangunan yang seimbang dan inklusif. Dengan peruntukan tambahan kepada beberapa jabatan daerah, pejabat daerah terutamanya di Kuala Pilah dan Jempol, Jelebu saya berharap sebahagiannya dapat disalurkan kepada usaha menaik taraf kepada jalan-jalan kampung yang menjadi nadi pengangkutan hasil tani, sistem peparitan, saliran tanah tinggi, pembinaan pasar tani kekal, terutamanya di kawasan saya dan juga pusat pembelajaran digital untuk belia dan pelajar luar bandar. Saya percaya jika potensi luar bandar digilap dengan prasarana yang bersesuaian, maka kawasan seperti kawasan saya bukan sahaja boleh berkembang dari segi ekonomi tempatan malah menjadi destinasi pelaburan kecil, sederhana berasaskan pertanian eko-pelancongan dan budaya. Kita perlu keluar dari kerangka melihat desa sebagai beban, sebaliknya kita harus mula melihat desa sebagai aset negeri yang jika dijaga dan dibangunkan dengan strategi yang betul boleh menjadi penyumbang kepada pertumbuhan mampan Negeri Sembilan.

Yang Berhormat Datuk *Speaker*, jumlah sebanyak RM10.3 juta ini adalah wang rakyat, maka amanahnya mesti dijaga, ia adalah tanggungjawab kita untuk pastikan setiap sen dana ini dibelanjakan dengan baik. Oleh itu saya mencadangkan beberapa perkara iaitu pertama setiap jabatan menyediakan laporan impak perbelanjaan tambahan menjelang akhir tahun ini. Laporan ini dibentangkan secara ringkas kepada dewan serta disiarkan secara umum dilaman web kerajaan negeri. Saya juga mencadangkan pengukuhan fungsi audit dalaman dan PAC Negeri dengan kerjasama bebas daripada institusi akademi.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin ambil kesempatan ini untuk mengingatkan bahawa ketika perbelanjaan kita semakin meningkat, kerajaan negeri harus menambahkan usaha untuk meningkatkan lagi pendapatan negeri ini. Sedikit sebanyak saya mencadangkan beberapa perkara iaitu yang pertama perlu ada usaha untuk memeluaskan hasil negeri secara berintegriti termasuk menerokai hasil bukan cukai, pajakan tanah negeri secara telus, serta konsesi hutan secara lestari. Kedua tarikan pelabur keluar ke daerah-daerah terpencil atau luar bandar seperti Johol, Jelebu, Tampin, melalui zon ekonomi khas luar bandar yakni *Rural Investment Cluster* dan yang ketiga pelaburan dalam pelancongan agro dan pelancongan warisan.

Penutupnya belanjawan tambahan ini bukan sekadar pindahan angka dalam dokument kewangan, ia adalah refleksi bahawa kerajaan negeri ini bersedia untuk belajar mendengar dan menyesuaikan diri mengikut keperluan semasa. Ia juga menandakan bahawa kita sebagai satu pasukan di dalam dewan yang mulia ini baik kerajaan dan pembangkang, bersedia untuk mengangkat martabat rakyat dan negeri secara bersama. Sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, saya percaya bahawa kebijaksanaan kebijak kebijakan bukan diukur pada kepetahan ucapan tetapi pada keikhlasan dan keberanian untuk kita bertindak. Justeru kita harus bergerak dalam satu tekad untuk memastikan setiap peruntukan memberikan kesan yang nyata dan bermakna kepada rakyat terutama mereka yang paling memerlukan. Akhir sekali saya menyokong penuh Rang Undang-Undang Pembekalan Tambahan Tahun 2025 ini dengan harapan ia menjadi pemangkin kepada pentadbiran yang telus, berani dan progresif demi rakyat dan negeri ini, *insya-Allah* sekian, Assalamualaikum WBT.

**YB ADUN Paroi:** Minta celahan sikit. *Assalamualaikum WBT* Dato' Yang Dipertua, saya ingin sikit mohon pencerahanlah dalam warta kerajaan yang terbit ini Perbelanjaan Tambahan bagi tahun 2025 ini RM7,740,000.00 sebagainya yang katakan tadi ada tambahan RM10.3 juta lah, kenapa tak dimasukkan sekali dalam warta ni? Itu yang pertama lah, dan sikit-sikit nak tahu kenapa Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri ni dia punya perbelanjaan terlalu mungkin terlalu tinggi berbanding dengan jabatan-jabatan lain. Wallahualam.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ada perbahasan lagi? kalau tak saya tutup untuk penggulungan.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Dato' lagi Yang Berhormat Dato' saya terima kasih beri peluang ucapan sokongan penuh kepada RUU Perbekalan tambahan 2025 dan RUU Berhutanan Negara Pemakaian 2025. Saya berdiri di dewan yang mulia ini untuk menyatakan sokongan penuh kepada kedua-dua rang undang-undang yang telah dibentangkan iaitu Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan 2025, Rang Undang-Undang Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 2025.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Itu belum bentang lagi.

**YB ADUN Seremban Jaya:** ha? boleh? belum lagi? tak?

**YB ADUN Paroi:** belum lagi

**YB ADUN Seremban Jaya:** tadi tadi Yang Amat Berhormat Dato' Seri, dua-dua belum belum baca? okay okay okay sorry okay saya ingat dua, okay minta maaf. Saya menyokong sepenuhnya peruntukan tambahan sebanyak 7.740

daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri seperti yang dinyatakan dalam RUU Berbekalan Tambahan 2025. Saya percaya dan yakin bahawa kerajaan Negeri Sembilan dibawah pemimpinan pemimpin Yang Amat Berhormat Dato' Seri Aminuddin Harun selaku Menteri Besar. Okay nanti, nanti jangan kacaulah, selaku menteri besar telah mentadbir negeri ini dengan sangat sangat sangat cemerlangan dan saya mahu terima kasih EXCO kanan dan EXCO-EXCO dan Dato' SS dan Dato' Nasihat Undang-Undang dan Dato' Kewangan yang baharu. Memang ada pengalaman sudah lama Datuk Bandar, sudah lama kakitangan kerajaan di negeri. Mereka ada pengalaman lah. Terima kasih. Perlaksanaan dasar-dasar negeri serta pendekatan yang tulus inkulsi dan beratian membutuhkan keperluan kepada berbelanjaan tambahan ini, bagi melaksanakan perkhidmatan awam yang lebih cekap dan berkesan. Lebih penting peruntukan ini diagihkan dengan teratur dan berhemah, meliputi belah bagi jabatan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perhutanan, Pejabat Daerah Dan Tanah serta Jabatan Hal Ewal Agama Islam meng menggambarkan komitmen kerajaan negeri untuk meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat tanpa mengira latar belakang.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menarik beratian dewan bahawa pada pilihan rakyat umum ke-15 PRU-15 lebih 85 atau 90% pengundi bukan Islam telah memberikan sokongan kepada kita. Maka menjadi tanggungjawab moral dan strategi kita untuk memastikan Hal Ehwal Bukan Islam turut diberi beratian yang wajar. Saya memuji usaha EXCO Hal Ehwal Bukan Islam Saudara Teo Kok Sang, yang giat berjuangkan tempat-tempat ibadat seperti tokong, kuil, kerja dan guruwada. Namun masih ada rungutan dalam kalangan penerima peruntukan yang ada kadang-kadang kecil 2,000, 3,000, 5,000, 10,000, 15,000, sampai 20,000. Saya mahu ucapkan ribuan terima kasih kerjaan Pakatan Harapan Madani ini lepas 2018 baru kita satu peruntukan yang asing beri Hal Ehwal Bukan Islam. Itu saya mahu ucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Besar Negeri Sembilan, memang saya ini tak boleh lupa. Lagi satu saya mahu beritahu sini itu peruntukan mereka bila mohon kadang-kadang itu kuil dalam ladang, bila dalam ladang, itu ada syarikat memang tak kasi surat kebenaran bukan kebenaran, tak beri satu surat tapak kuil itu. Itu kuil semua saya ingat itu peruntukan tak dapat lah. Saya minta rayu dewan yang mulia Yang Amat Berhormat dan EXCO saudara Teo Kok Sang, boleh kita tengok macam mana pasal mereka pun sokongan sama kita. Itu satulah bagi Hal Ehwa Bukan Islam ditingkatkan bagi memastikan keperluan semua komuniti dapat dipenuhi secara adil dan berkesan, sekaligus membina keyakinan pengundi menjelang PRU 16.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Kedua saya terus menyokong penuh Ruu Perhutanan...

**YB ADUN Paroi:** eh belum lagi lah...

**YB ADUN Seremban Jaya:** itu belum lagi lah itu surat tulis siang-siang itu surat tulis sebab itu kita follow okay *sorry sorry*. itu Akta Perhutanan belum lagi lah. Tapi sekarang saya tak boleh cakap?

**YB ADUN Paroi:** tak boleh lah...

**YB ADUN Seremban Jaya:** ada *advance-advance* boleh cakap *advance* pun tak boleh...

**YB ADUN Paroi:** tak boleh...

**YB ADUN Seremban Jaya:** okay saya yakin pelaksanaan undang-undang ini adalah tepat pada masanya dan selaras dengan komitmen kerajaan negeri untuk memelihara dan melindungi gasahan hutang Negeri Sembilan. aaa...belum lagi ah...

**YB ADUN Paroi:** itu belum lagi lah...

**YB ADUN Seremban Jaya:** okay...

**YB ADUN Paroi:** okay kita percaya

**YB ADUN Seremban Jaya:** okay secara lestari setakat ini kita telah melihat bagaimana kerjaan negeri tidak sewenang-wenangnya meluluskan sebarang pem...

**YB ADUN Paroi:** belum itu, itu hutan

**YB Seremban Jaya:** ini pun belum lah saya banyak oh banyak pun okay okay-okay itulah... next okay sorry...lagi satu boleh cakap DUN masalah saya sikit...

**YB ADUN Paroi:** belum lagi ...

**YB ADUN Seremban Jaya:** pun belum lagi...

**YB ADUN Seremban Jaya:** okay macam itu saya sokong rang undang-undang RM7.740 juta okay *thank you*.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih, Yang Berhormat Seremban Jaya. Ahli-ahli Berhormat sekalian, sesi perbahasan Rang Undang-Undang ini telah pun tamat. Terima kasih pada semua ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Sekarang saya persilakan Yang Amat Berhormat Sikamat untuk memberikan maklum balas dan menggulung perbahasan.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih ADUN Johol, ADUN Paroi, ADUN Seremban Jaya mengenai Rang Undang-Undang Perbelanjaan Perbelanjaan Tambahan 2025. Kita sedia maklum bahawa Rang Undang-Undang Perbelanjaan Tambahan ini terpaksa kita, kita bawa kesini kerana dia tidak sama dengan peruntukan yang kita sediakan ketika kita menyediakan bajet bagi tahun 2025, dan tambahan ini adalah disebabkan oleh perbelanjaan untuk kita membayar kita membayar, BKK Aidilfitri sepanjang 2 bulan gaji serta ketidakcukupan bayaran pencen selaras dengan pelaksanaan Saraan Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri yang kerajaan negeri termasuk Yang Dipertua Dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri serta Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri dibawa Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri Saraan 1980. Kita sedia maklum bahawa pada awal tahun ini ada kenaikan kepada gaji-gaji penjawat awam dan juga elaun kepada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri bagi tujuan tersebut. Bayaran saraan untuk mereka juga telah meningkat dan ini tidak termasuk dalam bajet kita pada bulan, tahun lalu untuk bajet tahun 2025. Kerana itulah bajet hari ini kita sediakan untuk makluman semua sebanyak RM10.3, RM10,300,000.00 disediakan untuk dua perkara iaitu emolemen dan pemberian dan kenaikan bayaran, bayaran tetap bekalan. Ini merupakan satu perkara yang harus kita laksanakan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Dewan Undangan Negeri:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, perbahasan dalam undang-undang ini telah diberikan maklum balas oleh pihak kerajaan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju rang undang-undang ini dibaca bagi kali kedua sila angkat tangan. Yang tidak setuju? Yang berkecuali? dua ke tiga? satu, dua, tiga, empat eh... Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

**[Keputusan undian: 25 orang ahli Yang Berhormat bersetuju. 5 orang ahli Yang Berhormat Berkecuali (YB ADUN Labu, YB ADUN Serting, YB ADUN Paroi, YB ADUN Bagan Pinang dan YB ADUN Gemas).**

**YB ADUN Nilai, YB ADUN Rantau, YB ADUN Chennah, YB ADUN Chembong, YB ADUN Mambau dan YB ADUN Kota tiada di dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan]**

**Setiausaha Dewan:** Satu Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri Untuk Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 2025 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu bagi maksud yang tertentu bagi tahun itu.

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya bangun mencadangkan supaya dewan bersidang secara jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbang sefasal demi sefasal.

**YB ADUN Pertang:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju dewan bersidang secara jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbangkan sefasal demi sefasal sila angkat tangan. Yang tidak setuju? Timbalan *Speaker* tak setuju? Yang berkecuali? Lima, jadi dewan bersidang secara jawatankuasa.

**[Keputusan undian: 25 orang ahli Yang Berhormat bersetuju. 5 orang ahli Yang Berhormat Berkecuali (YB ADUN Labu, YB ADUN Serting, YB ADUN Paroi, YB ADUN Bagan Pinang dan YB ADUN Gemas). YB ADUN Nilai, YB ADUN Rantau, YB ADUN Chennah, YB ADUN Chembong, YB ADUN Mambau dan YB ADUN Kota tiada di dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan]**

**[COKMAR DITURUNKAN]**

**Setiausaha:** Fasal satu.

**YB Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 1 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**Setiausaha:** Fasal dua.

**YB Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 2 adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**Setiausaha:** Jadual.

**YB Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Jadual adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dikemukakan kepada dewan.

**YB ADUN Pertang:** Yang Berhormat Dato' Pengerusi saya bangun menyokong cadangan itu.

**YB Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju? Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Dewan bersidang semula.

**[Keputusan undian: 29 orang ahli Yang Berhormat bersetuju. 4 orang ahli Yang Berhormat Berkecuali (YB ADUN Labu, YB ADUN Serting, YB ADUN Paroi, dan YB ADUN Gemas). YB ADUN Rantau, YB ADUN Chennah dan YB ADUN Gemenchah tiada di dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan]**

**[COKMAR DINAIKKAN SEMULA]**

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyatakan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan Tahun 2025 telah dibentangkan sefasal demi sefasal dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan.

**YB ADUN Pertang:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya bangun menyokong cadangan itu.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju rang undang-undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Rang undang-undang ini akan dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

**[Keputusan undian: 28 orang ahli Yang Berhormat bersetuju. 5 orang ahli Yang Berhormat Berkecuali (YB ADUN Labu, YB ADUN Serting, YB ADUN Paroi, YB ADUN Bagan Pinang dan YB ADUN Gemas). YB ADUN Rantau, YB ADUN Chennah dan YB ADUN Gemenchah tiada di dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan]**

**Setiausaha Dewan:** Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2025 dikanunkan oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin dengan nasihat dan persetujuan Dewan Undangan Negeri.

## **9. PENANGGUHAN MESYUARAT**

**Setiausaha Dewan:** Perkara kesembilan penangguhan mesyuarat.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebentar lagi saya akan menangguhkan mesyuarat dewan. mesyuarat akan disambung semula pada hari Selasa 5 Ogos 2025 bersamaan 11 safar 1447 hijrah mulai jam 10 pagi mesyuarat dewan ditangguhkan.

**Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.28 tengahari.**

**PENYATA DEWAN**

**PERSIDANGAN KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YANG KE-15  
PADA 5 OGOS 2025 (SELASA)**

**HADIR:**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>KAWASAN</b>
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: YB Dato' Haji M K Ibrahim bin Abd Rahman	
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin b. Haji Harun	Sikamat
3.	YB Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias	Pertang
4.	YB Tuan Teo Kok Seong	Bahau
5.	YB Dato' Noorzunita Begum binti Mohd Ibrahim	Pilah
6.	YB Dato' Haji Ismail bin Lasim	Senaling
7.	YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai
8.	YB Dato' Haji Mustapha bin Nagoor	Palong
9.	YB Puan Nicole Tan Lee Koon	Bukit Kepayang
10.	YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
11.	YB Datuk Mohd Faizal bin Ramli	Linggi
12.	YB Dato' Hajah Tengku Zamrah binti Tengku Sulaiman	Ampangan
13.	YB Tuan Loke Siew Fook	Chennah
14.	YB Dato' Ir. Haji Bakri bin Sawir	Klawang
15.	YB Dato' Haji Zaifulbahri bin Haji Idris	Chembong
16.	YB Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Seremban Jaya
17.	YB Tuan Choo Ken Hwa	Lukut
18.	YB Tuan Chew Seh Yong	Lobak
19.	YB Dato' Mohd Razi bin Mohd Ali	Sungai Lui
20.	YB Puan Sri Dato' Bibi Sharliza binti Mohd Khalid	Juasseh

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>KAWASAN</b>
21.	YB Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
22.	YB Dato' Haji Saiful Yazan bin Sulaiman	Johol
23.	YB Tuan Yap Yew Weng	Mambau
24.	YB Dato' Mohd Zaidy bin Abdul Kadir	Jeram Padang
25.	YB Tuan Dr. Rajasekaran a/l Gunnasekaran	Sri Tanjung
26.	YB Tuan Muhammad Sufian bin Maradzi	Seri Menanti
27.	YB Tuan Siau Meow Kong	Rahang
28.	YB Tuan Suhaimi bin Aini	Kota
29.	YB Tuan Yew Boon Lye	Chuah
30.	YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin	Lenggeng
31.	YB Tuan Suhaimizan bin Bizar	Gemencheh
32.	YB Tuan Mohamad Hanifah bin Abu Baker	Labu
33.	YB Tuan Mohd Fairuz bin Mohd Isa	Serting
34.	YB Tuan Haji Kamarol Rldzuan bin Mohd Zain	Paroi
35.	YB Tuan Haji Abdul Fatah bin Zakaria	Bagan Pinang
36.	YB Tuan Haji Ridzuan bin Ahmad	Gemas

**TIDAK HADIR DENGAN IZIN**

1.	YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan	Rantau
----	---	--------

**HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG  
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

1. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim)
2. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(YB Dato' Muzalmah binti Mustapha Kamal)
3. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(YB Dato' Masri bin Hj. Razali)

## **TURUT HADIR**

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(Mohd Amin bin Ludin)
2. KETUA PENOLONG SETIAUSAHA  
(Mohd Zamri bin Md Saad)

[Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan YB Yang Dipertua Dewan]

[Mesyuarat dimulakan pada jam 10.04 pagi]

**YB Yang Dipertua Dewan:** *Assalamualaikum WBT* dan salam sejahtera.

1. **BACAAN DOA**

**Setiausaha Dewan:** Susunan mesyuarat, perkara pertama Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Jeram Padang.

[YB ADUN Jeram Padang telah membacakan doa di bawah Peraturan IX, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. **PERUTUSAN YANG DIPERTUA DEWAN**

**Setiausaha Dewan:** Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

**YB Yang Dipertua Dewan:** *Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT dan salam Sejahtera. Alhamdulillahirabbil'alamin wassolatu wassalamu'ala asrofil ambiya iwalmursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Rodhitsu billahi robba, wabil islami diina, wabimuhammadin nabiyya warosuula.*

*Alhamdulillah* Segala puji bagi Allah Tuhan Pencipta Alam Selawat dan Salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW Ahli keluarga dan para sahabat baginda Yang amat terhormat Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang terhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang terhormat, Ketua-Ketua Jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan, Hadirin yang dihormati sekalian. Hadirin sekalian *Alhamdulillah* saya mengambil kesempatan ini Untuk mengucapkan selamat datang ke sidang mesyuarat bagi Persidangan Kedua, Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan yang ke-15. Saya seterusnya ingin memaklumkan kepada Dewan Yang Mulia Ini berkenaan kehadiran Semalam 4 Ogos 2025 Yang terhormat ADUN Chennah turut hadir dan mengikuti persidangan di Bilik Jempol. Manakala pada hari ini Yang terhormat ADUN Rantau tidak dapat hadir kerana urusan Parlimen.

Hadirin sekalian, sebagaimana biasa saya ingin menyeru kepada semua hadirin agar sentiasa mematuhi peraturan-peraturan dan perintah-perintah tetap dewan serta tata kelakuan dan etika sebagai Ahli Yang terhormat sepanjang persidangan. Dipohon kerjasama semua hadirin untuk

memastikan persidangan kita pada kali ini berjalan dengan lancar dan sempurna. Sekian terima kasih. Selamat bersidang.

### **3. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

#### **3.1 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Kedua)**

**Setiausaha Dewan:** Perkara ketiga, pertanyaan-pertanyaan. Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan Hari Kedua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya menjemput ADUN Johol.

**YB ADUN Johol:** Terima kasih Dato' *Speaker*. Saya Johol Soalan nombor 1.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato'... Yang Berhormat Dato' *Speaker*. Yang terhormat... Yang Berhormat Adun Johol. Terima kasih atas soalan berkenaan dengan masjid. Apakah perancangan dan cadangan Kerajaan negeri untuk memastikan keperluan imam dan siak mencukupi di semua masjid terutama di kawasan Johol.

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Yang Dipertua, pelantikan pegawai masjid merangkumi Imam, Bilal, Siak Dan Pembantu Am Wanita adalah berdasarkan kepada garis panduan pelantikan pegawai masjid bagi memastikan pegawai yang dilantik memenuhi kelayakan yang ditetapkan. Berakhlak, mahir fardhu Ain dan kifayah serta mampu mengurus tadbir masjid dengan baik. Untuk makluman Negeri Sembilan mempunyai 312 buah masjid yang memerlukan 624 orang imam, 312 bilal, 312 siak, dan 312 pembantu am wanita mengikut garis panduan pelantikan pegawai masjid. Setakat ini kekosongan bagi jawatan imam hanya 14 orang dan siak 11 orang sahaja, iaitu kurang 4% daripada jumlah keseluruhan. Bagi 18 buah masjid dalam kawasan Johol hanya terdapat 2 kekosongan jawatan imam iaitu Masjid Kariah Dingkir dan Masjid Kariah Kepis Baru, manakala semua jawatan siak di DUN Johol telah diisi dan diisi sepenuhnya. Lazimnya jawatankuasa kariah berperanan memanjangkan pencalonan individu yang berkelayakan mengisi kekosongan jawatan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan bagi proses penilaian dan pelantikan.

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam telah melaksanakan satu siri temuduga pegawai masjid pada bulan Julai lalu termasuk calon-calon yang akan mengisi kekosongan jawatan-jawatan tersebut. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam komited untuk mencari imam pelapis terutama dalam kalangan generasi muda melalui program-program dilaksanakan di peringkat daerah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Johol:** Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Sikamat atas jawapan soalan saya tadi kan. Seperkara yang saya nak tambah disini, Yang Amat Berhormat Sikamat, Adalah berkaitan dengan keperluan siak masjid semua, saya banyak terima kasih kerana maklumat yang disampaikan tadi berkaitan dengan jumlah imam, siak kan dengan peratusan yang agak baik, tapi apa yang saya nak *highlightkan* disini ialah sebenarnya apa yang saya tengok imam-imam lebih-lebih lagi imam-imam muda yang nak bertugas di masjid-masjid ini, mereka agak mengambil tugas ini tanggungjawab ini dengan jangka masa yang pendek. Maksudnya mungkin 2-3 bulan lepas itu berpindah ini disebabkan satu perkara Dato' Yang Pertua, iaitu saya nak mencadangkan supaya elaun imam ini sebenarnya diambil kira. Sebabnya dengan keadaan kesukaran ataupun mereka membezakan imbuhan ataupun elaun imam berbanding dengan guru-guru KAFA yang 3 hari apa 3 kali seminggu saja dengan mereka yang terpaksa hari-hari berada di masjid, supaya kerajaan negeri ataupun pihak Jabatan Agama Islam melihat sedikit kebajikan imam dan juga siak ini. Saya agak kurang berpuas hati bila saya tengok lebih-lebih lagi Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan yang sepatutnya pegawai-pegawai tengok kebajikan imam-imam ini supaya dapat kita mengekalkan imam-imam ini supaya mereka dapat bertugas dengan satu suasana ataupun imbuhan yang mereka terima itu kalau muda terpaksa saya difahamkan dia terpaksa keluar pergi berceramah ke mana-mana, sebab untuk memenuhi keperluan kehidupan mereka terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih soalan daripada soalan tambahan daripada Johol. Kita sedia maklum bahawa ini merupakan elaun bukannya gaji dan kita sedia maklum sebahagian daripada imam muda sebahagiannya mengajar guru KAFA, menjadi guru KAFA jadi mereka ada dua elaun dan malam mereka juga dibenarkan untuk mengajar di kelas takmir dan mereka juga boleh dapat ketiga-tiga elaun ini dan saya berharap bahawa kadang-kadang mereka lebih seronok menjadi penceramah bebas ataupun penceramah, penceramah di masjid-masjid atas jemputan dan saya ingin memastikan bahawa memang ya, kita lihat bahawa kita benarkan mereka untuk mendapatkan pendapatan yang lain, sama ada sebagai guru KAFA ataupun sebagai guru takmir dan perkara ini saya rasa harus diambil peluang kerana ketiga-tiga itu mempunyai elaun yang saya rasa boleh membantu mereka dan jika di kawasan bandar ini kita juga melihat bahawa kadang-kadang ada empat imam dilantik oleh pihak masjid, imam tambahan sebanyak tiga imam tambahan, sekurang-kurangnya ada dua lagi imam tambahan dan saya nampak bahawa jadual mereka tidaklah terlalu ketat dan mungkin kalau di masjid di kawasan kariah kampung mungkin agak ya tak ramai tetapi kalau untuk di bandar ini kita melihat bahawa peluang mereka untuk untuk bekerja itu, mereka boleh jadualkan mungkin seminggu dalam tiga hari juga mereka bertugas di masjid. Jadi ini antara yang berlaku dan kita mungkin boleh melihat perkara ini semula dan kita mungkin boleh

menambah baik sistem ataupun elaun mereka bagi memastikan kecenderungan mereka untuk berada di masjid *insya-Allah*. Jadi itu cadangan yang baik dan *insya-Allah* kita akan lihat semula bagi memastikan bahawa bilangan imam mencukupi di Negeri Sembilan *insya-Allah*. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Yang Berhormat Mambau.

**YB ADUN Mambau:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Mambau kemukakan soalan nombor 2, terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Ini Mambau, dia pergi, ok. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan ADUN Mambau, Jalan Seremban-Kuala Pilah. Saya tak tau berapa kali dia lalu jalan ni. Apakah perancangan dan usaha kerajaan negeri untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas atas Jalan Seremban-Kuala Pilah terutamanya pada hujung minggu. Keduanya apakah... adakah pihak kerajaan negeri berhasrat untuk membina lebuhraya dari sepanjang Kuala Pilah dan Jempol bagi membangunkan ekonomi di bahagian timur Negeri Sembilan. Terima kasih Yang Berhormat ADUN Mambau.

Dato' Yang Dipertua, untuk makluman di bawah *Rolling Plan* ke-5, RMKe-12 Kementerian Kerja Raya telah meluluskan projek cadangan jalan *Kuala Pilah Bypass* daripada Tanjung Ipoh ke Kampung Gelam Tengah, Kuala Pilah. Kerja awalan rekabentuk dan pengambilan tanah dan projek dalam proses pelantikan perunding. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan juga telah mengangkat permohonan di Bawah *Rolling Plan* Pertama RP1 di Rancangan Malaysia ke-13 bagi tajuk Projek Membina Jalan Baru Dari Ulu Bendul Ke Tanjung Ipoh Daerah Kuala Pilah Negeri Sembilan daerah Darul Khusus. Kerja awalan rekabentuk dan pengambilan tanah kepada Kementerian Kerja Raya dan kerja-kerja akan dilaksanakan selepas peruntukan diluluskan. Selain daripada itu, di bawah *Rolling Plan* Kelima, RP5 Rancangan Malaysia Ke-12, Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah telah meluluskan projek membina jalan menghubungkan Melang dengan Senaling Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Kerja...neg... Kerajaan negeri telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan projek menaik taraf Tanjung Ipoh-Ranjau Hantu, N101 Daerah Kuala Pilah iaitu melebarkan jalan sedia ada bagi meningkatkan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya yang melalui jalan ini.

Status semasa projek ini adalah dalam peringkat perolehan. Selain daripada itu, Kerajaan negeri juga telah membuat permohonan kepada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan satu kajian jalan alternatif Seremban-Kuala Pilah. Dalam projek ini sedang dalam peringkat pelaksanaan fasa pertama di bawah Rancangan Malaysia ke-12, RM12 *Rolling Plan* 5. Dalam masa yang sama juga, bagi mengatasi dan mengurangkan kesesakan lalulintas yang berlaku di Jalan Seremban-Kuala Pilah, PDRM Kontinjen

Negeri Sembilan, khususnya Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Kontinjen Negeri Sembilan telah mengambil tindakan dan inisiatif dengan melancarkan dan menubuhkan pasukan khas, *jammed squad* pada 9 Ogos 2024 dan tujuan utama pasukan khas diwujudkan adalah untuk mengurangkan trafik serta mengurangkan kesesakan lalulintas yang berlaku di Jalan Seremban-Kuala Pilah terutama pada waktu puncak dan hujung minggu. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan :** Yang Berhormat Sri Tanjung.

**YB ADUN Sri Tanjung:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Sri Tanjung mengemukakan soalan nombor 2. Eh..Soalan nombor 1.

**YB ADUN Ampangan:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih kepada YB Sri Tanjung, Soalan dia ialah hospital-hospital di Negeri Sembilan berhadapan dengan situasi kekurangan doktor, jururawat. Apa rancangan Kerajaan negeri dan Jabatan Kesihatan untuk atasi masalah ini. Soalan nombor dua, menurut laporan tahunan KKM 2023, Projek Virtual Klinik telah dilaksanakan di beberapa fasiliti kesihatan di Negeri Sembilan. Boleh terangkan bilangan klinik, hospital yang terlibat? Impak penggunaan virtual klinik terhadap keberkesanan penjagaan pesakit, serta sama ada terdapat perancangan untuk memperluas capaian ini ke daerah pedalaman.

Dato' Yang Dipertua, ini jawapan dia, bagi menangani situasi kekurangan doktor, pendekatan KKM adalah gabungan strategi segera iaitu penambahan lantikan kontrak dan perancangan jangka panjang, kemasukan pelajar lebih tinggi, insentif luar bandar, reformasi, sistem kesihatan. Walaupun cabarannya kompleks, usaha-usaha ini sedang dijalankan selaras dasar Kementerian untuk memastikan akses kesihatan tidak terganggu. Pengarah Hospital juga telah melaksanakan langkah-langkah bagi memastikan penyampaian perkhidmatan rawatan kesihatan sedia tidak terjejas, seperti membuat perancangan dan pemetaan semula serta menempatkan pegawai perubatan dari unit atau jabatan yang kurang kritikal terutamanya dari jabatan pengurusan ke unit atau jabatan yang lebih kritikal. Bagi mengatasi masalah kekurangan jururawat, langkah yang telah diambil ialah mobilisasi secara berperingkat bagi jururawat yang bertugas di klinik ke wad-wad.

Jawapan nombor 2, perkhidmatan konsultasi secara maya. Merujuk kepada sesi konsultasi kepada pesakit yang dijalankan secara atas talian melalui platform digital. Perkhidmatan ini telah mula dilaksanakan di Negeri Sembilan bermula tahun 2023 yang melibatkan 25 klinik kesihatan meliputi kesemua daerah. Pada tahun 2025, perluasan perkhidmatan kepada 19 klinik kesihatan yang lain telah dilaksanakan menjadikan keseluruhan klinik kesihatan yang telah melaksanakan perkhidmatan konsultasi secara maya dalam Negeri Sembilan sehingga kini adalah 44 daripada 52 klinik Kesihatan

iaitu sebanyak 84.6%. Bilangan klinik Kesihatan yang melaksanakan perkhidmatan ini mengikut daerah adalah seperti jadual.

Daerah Sembilan ada 14 klinik, maya 13. Port Dickson ada 6 klinik, 5 maya. Kuala Pilah ada 8 klinik, 8 maya. Jelebu 6, maya 3. Jempol ada 8 klinik maya ada 7. Tampin ada 6, maya 5. Rembau 4 klinik, maya ada 3. Jumlah keseluruhannya 52 yang maya adalah 44. Perkhidmatan konsultasi secara maya memberi kemudahan kepada pesakit bagi temu janji susulan yang boleh dilaksanakan di mana-mana sahaja selagi pesakit mempunyai akses internet. Terutamanya kepada pesakit yang mempunyai kekekangan dari segi mobiliti ataupun jauh dari klinik kesihatan. Selain itu juga perkhidmatan ini mengurangkan keperluan masa perjalanan dan masa menunggu di klinik kesihatan. Oleh itu secara keseluruhan kepatuhan pesakit kepada temu janji susulan dapat dipertingkatkan atas *flexibility* yang ditawarkan oleh perkhidmatan ini. Memandangkan perkhidmatan ini telah pun meliputi 84.6% daripada keseluruhan klinik kesihatan di Negeri Sembilan. Perancangan perluasan akan dilaksanakan kepada semua klinik kesihatan di masa akan datang. Sehingga kini hospital-hospital kerajaan di Negeri Sembilan belum melaksanakan projek *virtual clinic* walau bagaimanapun dalam perancangan di masa akan datang, insya allah.

Senarai klinik kesihatan yang melaksanakan perkhidmatan konsultasi secara maya di Negeri Sembilan 2025 adalah Daerah Seremban, Klinik Ampangan, Klinik Mantin, Klinik Nilai, Klinik Kesihatan Kuarters KLIA, Klinik Kesihatan Senawang, Desa Rhu, Rantau, Seremban, Seremban 2, Sikamat, Sendayan, Lenggeng, LBJ. Daerah Port Dickson, Klinik Kesihatan Lukut, Klinik Pasir Panjang, Bukit Pelanduk, Klinik Kesihatan Port Dickson, Linggi, Juasseh, Senaling, eh itu Port Dickson sahaja, ada 4. Daerah Kuala Pilah ialah Kesihatan Linggi, eh ni apa ni? Linggi termasuk 5. Port Dickson, Daerah Port Dickson, maaf, maaf. Di Kuala Pilah ada Juasseh, Senaling, Terachi, Seri Menanti, Johol, Kuala Pilah, Gunung Pasir, Padang Lebar. Di Jelebu Klinik Kesihatan Jelebu, Pertang, Titi, Jempol, Kesihatan Bahau, Klinik Kesihatan Palong 4, 5 dan 6, 9, 10, 11. Klinik Kesihatan Bandar Seri Jempol, Klinik Kesihatan Lui Muda, Klinik Kesihatan Serting Hilir, Klinik Kesihatan Palong 7 dan 8. Daerah Tampin, Gemencheh, Gemas, Jelai, Klinik Kesihatan Air Kuning Selatan, Klinik Kesihatan Tampin. Di Rembau Astana Raja Rembau, Klinik Kesihatan Rembau dan juga Klinik Kesihatan Pedas. Itu saja Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

**YB ADUN Sri Tanjung:** Terima kasih YB EXCO, ini soalan tambahan berkaitan kesihatan juga, produk *vape* dijual tanpa label amaran Kesihatan. Tanggapan salah dalam kalangan pengguna muda, *vape* lebih selamat berbanding dengan rokok adakah kerajaan negeri mempunyai mekanisme pemantauan khusus untuk memastikan semua produk *vape* yang dijual di pasaran mematuhi

peraturan pelabelan amaran kesihatan seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

**YB ADUN Ampangan:** Terima kasih YB Sri Tanjung mengenai rokok *vape* ini saya harap Gemencheh akan ada soalan ini, saya harap jawapan ini dapat dijawab apa oleh Yang Amat Berhormat terima kasih sebab *vape* ini dia sangat sensitif jadi saya harap Gemencheh, boleh ya? terima kasih.

**YB ADUN Jeram Padang:** Jeram Padang nak tanya. Apa ni.... mengenai klinik kesihatan ini ada klinik kesihatan desa contoh macam rompin telah tidak digunapakai sebabnya dah ada klinik rompin yang baru. Jadi saya nak tanya kepada YB EXCO adakah klinik kesihatan desa yang lama ini masih digunakan? kalau tak digunakan boleh tak? pihak contohnya saya nak buat sewaan lah untuk dijadikan pusat khidmat daripada kita bazirkan *facilities* yang sedia ada itu dimakan anai-anai apakah boleh? ataupun tidak? mohon jawapan.

**YB ADUN Ampangan:** Terima kasih YB Jeram Padang. Dato' YB. Soalan YB itu saya akan berbincang dengan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan. Insya allah kalau ada apa-apa nanti saya akan beritahu Dato' lah, terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya menjemput Yang Berhormat Rahang.

**YB ADUN Rahang:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya mengemukakan soalan nombor 3.

**YB ADUN Bukit Kepayang:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih juga kepada YB Rahang yang mengemukakan soalan berkenaan dengan pembangunan destinasi pelancongan baru. Bagi memastikan impak promosi sempena Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026 terus berada pada tahap positif, pembangunan produk pelancongan baru menjadi keutamaan dalam menarik pelancong berbagai segmen dan minat. Ini termasuk memperkenalkan tarikan unik berasaskan budaya, alam semula jadi, agro dan eko pelancongan, aktiviti yang berkonsepkan pengalaman. Contoh seperti di inap desa di mana mereka diberi pengalaman membuat kacau dodol membuat gula anau memasak rendang dan juga jelajah warisan. Jelajah warisan sudah ada satu peta untuk jelajah warisan di mana ada 20 tempat yang menarik di Bandaraya Seremban. Pakej kembara berbasikal, motosikal, kenderaan pelancongan pendidikan baru-baru ini saya baru balik dari Urumqi, Xinjiang dan juga Lanzhou, Ganzhou di mana ada sambutan yang begitu hangat terhadap pelancongan pendidikan. Pelancongan kesihatan penceritaan gastronomi. Saya bagi contoh seperti rendang maman, kami boleh bawa pelancong pergi ke ladang maman lepas itu beri pengalaman masak rendang maman, bahun itik, apam johol atau untuk masyarakat cina

ada budaya Lou Sang dan juga pelbagai jenis makanan di mana mereka bukan saja diberi satu peluang untuk memakan juadah yang enak, tapi dia ada penceritaan di sebalik juadah tersebut. Apakah macam apam johol, daun rambai yang digunakan so ini semua kita akan selitkan ke dalam pengalaman tersebut. Pengalaman penceritaan gastronomi dan juga beberapa destinasi produk pelancongan baharu yang telah diperkenalkan menjelang Tahun Melawat Negeri Sembilan.

Untuk sektor hiburan dan rekreasi kami ada *SnowLim Wonderland* di Seremban, di mana baru-baru ini telah menerima satu anugerah *snow world* paling besar di Malaysia oleh *Malaysia Book Of Records* dengan izin. Ia merupakan taman salji dalaman terbesar di Malaysia terletak di Pusat Komersial Okland, Seremban dan menempatkan kawasan seluas 32,000 kaki persegi pada suhu sekitar minus 15 hingga minus 25 celsius. Salji yang dihasilkan menggunakan teknologi khas sendiri direka oleh jurutera. Manakala ukiran ais dibuat oleh pasukan yang diimport dari Harbin, China. Antara tarikan dan aktiviti adalah gelongsor ais, *snow tubing* dengan izin *ice bowling*, *curling snow*, *merry-go-round*, salji buatan pertarungan bola salji, bina manusia salji, kawasan ukiran ais dan tema istana serta hutan salji ala Harbin, cafe musim. Lokasi ini juga mampu menampung sehingga 250 orang pengunjung dalam satu masa. Terkini *SnowLim Wonderland* telah mendapat pengiktirafan *Malaysia Book Of Records* sebagai taman tema salji terbesar di Malaysia dan sambutan mengenai hebahan ini telah diadakan pada 15 Julai 2025 yang lalu.

Satu lagi produk yang baru rekreasi yang baru iaitu *Pedas Wet World* di Rembau. *Wet World Pedas* di Rembau telah dibuka semula pada 26 Januari 2025 menerusi konsep *adventure park*. Menampilkan lebih daripada 16 elemen permainan seperti gelongsor darat *tube and tobogun*, *trampoline*, memanjat batu tali, *bouncing clouds* dengan izin dan banyak lagi bagi pengalaman interaktif seisi keluarga. Terletak di taman di tapak taman air panas pedas yang terkenal, taman ini direka bukan sahaja untuk hiburan tetapi juga mencipta peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Ia menyediakan kemudahan lengkap seperti cafe dengan pilihan nasi lemak *hot pot*, *hot corn dog*, *waffles* dan surau serta kemudahan asas seperti tandas surau dan tempat letak kenderaan. Konsepnya yang mesra keluarga dan berpatutan menjadikan *Wet World Pedas* pilihan ideal untuk hari penuh keseronokan. Manakala fasa seterusnya bakal akan diadakan onsen, air panas semula jadi iaitu tempat mandi onsen air panas di mana ada untuk seisi keluarga *private onsen* yang lebih peribadi kepada ahli keluarga dan juga satu resort dengan satu dewan dan hotel. Itu akan mungkin akan saya difahamkan akan diisi pada bulan Oktober tahun ini.

Produk agro pelancongan penjara di Jelebu juga sangat menarik di mana ada inisiatif *One Stop Center* di Penjara Pulih Jelebu, menawarkan pengalaman pelancongan agro produksi seperti anyaman rotan, ukiran kayu, madu kelulut, penternakan ikan dan ladang nenas madu. Produk hasil penjara ini dipromosikan sebagai tarikan unik pelancongan. Ada juga untuk mereka yang suka eko pelancongan atau *hiking*, Transnaning Banjaran Titiwangsa Eco Trail. Transnaning Ultra NS, laluan mendaki 21km yang merentasi Banjaran Titiwangsa dari Tampin ke Gunung Datuk kini dikembangkan sebagai produk eko pelancongan yang unggul, di mana kami menerima penyertaan daripada peserta dari merata-rata dunia.

Juga ada pelancongan beli belah di mana kita ada Laman Khadijah, Laman Khadijah di Nilai Impian. Ia adalah satu syarikat kilang yang dibina mesra pelancong. Di mana dia ada tempat *best bistro* ada galeri ada juga satu tempat untuk pengalaman jahitan serta satu tempat untuk beli belah. Ada UNIQLO baru-baru ini di S2 dan juga Aeon Nilai. Kerajaan negeri telah menarik jenama antarabangsa Uniqlo membuka gedung besar seluas 12,000 kaki persegi di S2 ini bukan sekadar memberi alternatif beli belah kepada penduduk setempat, tetapi membuka peluang kepada pelancong membeli belah setaraf pusat bandar besar seperti KL. Laman Siti Khadijah di Nilai Impian bukan sahaja terkenal sebagai pusat pengeluaran telekung berkualiti malah menjadi destinasi mesra pelancong di Negeri Sembilan. Pengunjung boleh melihat sendiri proses pembuatan telekung dari awal hingga siap, serta melawat galeri sejarah yang memaparkan perjalanan jenama kisah pengasas dan inovasi produk. Lawatan disempurnakan dengan pengalaman membeli belah di butik yang menawarkan pelbagai koleksi telekung dan produk muslimah tempatan.

Juga ada satu hotel yang baru di Pasir Panjang yang berada di tapak AI port kami yang dinamakan Midport Hotel dan juga Millennia Village yang terletak di Galena. Millennia Village adalah satu konsep yang baru dimana dia memberikan satu tempat dengan izin *healing* kepada penginap-penginap di situ. Dia juga adalah dimulakan sebagai satu konsep penuaan, tapi sekarang kerana ada banyak permintaan dia diperluaskan menjadi satu tempat untuk kegiatan-kegiatan *wellness* atau *healing* dengan izin. Juga ada kami ada Chagee dan juga Family Mart pandu lalu yang pertama di Malaysia di S2. Mengenai acara dan festival baru dalam takwim kerajaan negeri adalah seperti Port Dickson Festival 2025, *NS Forest Orientering Cup 2025*, PD Golf Untuk Asean 2025, *Visit N9 Amazing Race Food Festival* dengan mempengaruhi dan produk-produk acara baru ini bukan sahaja menambah kepelbagaian tawaran malah berpotensi menjadi pemangkin ekonomi tempatan dan memperkukuh jenama Negeri Sembilan sebagai destinasi pelancongan berdaya saing di peringkat serantau. Terima kasih.

**YB ADUN Jeram Padang:** YB. Dato' Yang Dipertua. Pertanyaan kepada YB EXCO, dalam pembentangan tadi saya ucapkan tahniahlah kepada YB EXCO, tapi saya rasa kita tertinggal dalam negeri sembilan ini kampung orang asli sebanyak 69 perkampungan orang asli, saya nampak produk untuk mempromosikan kampung orang asli tidak ada dalam senarai Yang Berhormat, sebab kalau kawasan saya Jempol pun ada lebih kurang 17 kampung orang asli. Orang asli juga pengundi kita dan perlukan diberi perhatian kerana kalau kita buat pelancongan ini boleh menambah baik ekonomi dikalangan masyarakat kampung orang asli terutamanya di kawasan saya Jeram Padang dan Jempol. Terima kasih. YB EXCO mohon pencerahan.

**YB ADUN Bukit Kepayang:** Terima kasih Jeram Padang atas pandangan dan saya terlepas pandang sebenarnya saya sudah buat notasi berkenaan dengan festival orang asli dan ini saya akan janji untuk dimasukkan ke dalam takwim pelancongan Negeri Sembilan terima kasih.

**YB ADUN Labu:** Dato' Yang Dipertua, mohon menceleh Dato', Labu. Yang Berhormat Bukit Kepayang, tadi saya dengar begitu banyak kawasan pelancongan baru termasuk ada pandu lalu pun dikira sebagai pelancongan. Tapi saya nak bertanya secara realitinya kita ni berdekatan dengan *airport* kalau daripada Nilai tu lebih kurang dalam 10 minit perjalanan sahaja. Tapi saya tengok susah kita nak tengok pelancong warga asing, dia ada 2 pelancong warga asing dengan pekerja asing. Jangan di Negeri Sembilan ni kalau di Port Dickson tu ramai yang datang di pantai tu dikira sebagai pelancong asing, tapi sebenarnya tu pekerja asing. Saya tengah bertanya berkenaan pelancong asing. Kalau di Nilai susah kita nak tengok pelancong warga barat ni, mat salleh ni berada di kawasan Nilai walaupun Nilai ni lebih kurang dalam lingkungan 10 ke 15 minit perjalanan ke *airport*. Mengapa tidak diadakan negeri ni negeri beradat, di kawasan Nilai sebelum orang nak balik ke negara masing-masing, di kawasan Nilai ni diadakan satu tempat pelancongan berkenaan semua perkara di Negeri Sembilan ni, mungkin apa disebut oleh Jeram Padang tadi, orang asli tu tadi cakap rendang maman lah apa semua di kawasan ni, kita tak nak mereka turun dan mereka hanya bertumpu di Kuala Lumpur ataupun kalau pergi di Melaka kita boleh tengok ramai pelancong asing mat salleh ni. Jadi saya nak tanya hampir 2 tahun mengapa begitu kurang pelancong warga asing terutamanya daripada *Europe*. Terima kasih.

**YB ADUN Bukit Kepayang:** Terima kasih atas Labu, atas pandangan tapi persepsi dan pandangan tu dia berlainan sikit dengan statistik. Izinkan saya beri sedikit statistik tentang pencapaian dari segi pelancong. Untuk pelancong asing bilangan pelancong asing ke Negeri Sembilan ini bukan daripada saya tau ini daripada MOTAC dan daripada badan bertauliah ya. Sudah naik 35.1% dari tahun 2023 ke 2024. So ini saya tak boleh kita semua

tak boleh nafikan ini statistik. Kalau kamu ingin lihat lebih ramai pelancong Eropah, saya rasa ini memakan masa kerana dari segi *direct flight* mereka ingin *direct flight*. Itu sebabnya dari segi pelancongan kami lebih menyasarkan negara-negara yang ada *direct flight* dengan izin. Dia tak akan ambil masa satu hari untuk datang ke Malaysia kecuali dia ada dia ada sesuatu yang dia ingin buat seperti *conference* atau apa-apa tapi secara lazimnya pelancong misal kata anda, anda semua, kami semua adakah anda mahu bazir satu hari untuk melancong. Kalau dibandingkan dia ada *direct flight* 8 jam. So itu adalah usaha yang sedang dijalankan oleh MOTAC, di mana kami sudah saya telah pergi bersama-sama dengan MOTAC ke negara-negara Eropah seperti ke Jerman, ke UK, ke Perancis untuk kita dapatkan daripada *direct flight* daripada mereka. Itu adalah itu juga adalah satu permintaan daripada syarikat-syarikat pelancongan mereka supaya ada *direct flight* kita akan usulkan bersama dengan *airlines* tempatan dan juga *airlines* negara asing. terima kasih.

**YB ADUN Labu:** Dato' Yang Dipertua, sebentar. Tadi Yang Berhormat memberitahu di Negeri Sembilan ini hampir serata dunia datang. Jadi alasan *direct flight* ini saya rasa bukan satu alasan yang munasabah. Kalau ikut daripada *Europe* ni, mereka ini lebih kewangan mereka lebih kuat daripada kita. Jadi sebut saja kita gagal. Mudah sebab ini dah hampir, ini kita dah zaman-zaman bila ini kita cerita pasal *direct flight* ini kalau orang nak melancong dia datang 15 jam pun dia tak kisah sebab dia nak melancong. dia bukan datang melancong 2 hari. Dia melancong mungkin sebulan. jadi saya rasa kita kena betul. Kalau kita berpandukan pada perkara ini mungkin lagi 10 tahun pun kita akan gagal, untuk menarik pelancong-pelancong daripada *Europe* ni.

**YB ADUN Bukit Kepayang:** Ya, itu sebabnya saya katakan kami selalu guna statistik, so sudah ada peningkatan 35.1%. Itu peningkatan yang agak ketara. Kalau pandangan anda dianggapkan betul, dibandingkan dengan statistik, saya pun susah nak cakap lah, susah nak jawab. Anda boleh, ini hak anda untuk memberi pandangan, tapi saya guna statistik untuk menentang pandangan anda. Itu saja.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ok...

**YB ADUN Temiang:** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan boleh? Terima kasih Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan tambahan saya adalah di mana kerajaan negeri pada bulan lepas telah mengumumkan bahawa larangan minum arak di lokasi-lokasi tertentu di Negeri Sembilan. Di taman rekreasi, pantai awam, taman permainan kanak-kanak dan padang awam. Di mana saya rasa kita setuju bahawa taman rekreasi, padang awam, taman permainan kanak-kanak kita boleh terima bahawa kita sering menerima aduan bahawa ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab menyebabkan

kacau gangguan di lokasi-lokasi ini dan menyebabkan penduduk-penduduk tidak senang hati. Tetapi cumanya di pantai awam di mana ia merupakan tempat pelancongan dan banyak warga asing, pelancong-pelancong asing datang ke pantai awam di Port Dickson, di Negeri Sembilan dan pengusaha-pengusaha hotel mereka yang berkepentingan juga menyuarakan pandangan mereka. Jadi saya nak tahu adakah kerajaan negeri akan mengkaji semula tentang larangan ini di pantai awam. Kalau tidak bagaimana SOP pelaksanaan dasar ini supaya tidak berlakunya penyalahgunaan kuasa ataupun tidak menyebabkan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat terutama di masyarakat Cina ataupun pengusaha-pengusaha hotel ini dan supaya satu *win-win situation* perlu dicapai di antara kerajaan, di antara masyarakat setempat dan pengusaha-pengusaha hotel ini. Sekian, terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** terima kasih Dato' Yang Dipertua saya mewakili EXCO untuk jawapan agak sensitif ini. Kita sedia maklum bahawa kita telah melarang untuk masyarakat awam mengambil alkohol di padang awam, tempat awam, supaya kita saling hormat menghormati. Termasuklah di pantai apa yang berlaku di pantai kalau kita selalu datang ke pantai mereka minum dan memecahkan botol. Mereka pecahkan botol, mereka, ialah masa mereka buat itu mereka mungkin tak sedar dalam keadaan mabuk, pecahkan botol baling dekat batu, pecah batu dan ini amat berbahaya kepada pengguna, itu antara perkara yang harus kita beri perhatian dan kita rasa bahawa tak ramai pun seperti kita sedia maklum tak ramai pun orang yang minum di pantai, dan kami rasa bahawa sokongan daripada semua masyarakat amat ramai. Usaha masyarakat Melayu, masyarakat Cina, eh masyarakat India menyokong cuma ada sedikit masyarakat yang rasa bahawa hak mereka terganggu. Tetapi bagi kita bahawa mereka dibenarkan untuk mereka minum di kawasan-kawasan tertentu. Jadi kita tak menghalang, tetapi dalam masa yang sama kita kena jaga sensitiviti rakan-rakan kita kadang-kadang tak ada pun tak ramai pun, mereka kadang-kadang di sudut-sudut tertentu saja mereka minum, cuma kita nak halang supaya berlakunya, mereka baling botol, mereka campak botol di kawasan-kawasan yang awam ini akan mengganggu akan mengganggu keselamatan bukan sahaja keselamatan tetapi juga akan memastikan bahawa perkara itu tidak harus berlaku di kawasan-kawasan awam, yang mana kita beramai di kawasan tersebut yang harus jaga sensitiviti Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Paroi.

**YB ADUN Paroi:** soalan nombor 1.

**YB ADUN Nilai:** Dato' Yang Dipertua, ini berkaitan dengan MyKiosk, semalam saya sudah jawab, saya jawab sekali lagi secara ringkas, berapa MyKiosk di seluruh Negeri Sembilan, 426 unit berapa yang telahpun dimanfaatkan yang kita telahpun isi, 394. Sebahagiannya masih belum diisi kerana kita

dalam proses memindahkan beberapa tempat yang tidak sesuai dan daripada 394 unit yang telahpun diisi, terdapat juga beberapa unit yang masih belum dioperasikan oleh peniaga-peniaga tersebut itu sendiri, terima kasih.

**YB ADUN Paroi:** Terima kasih EXCO. Soalan saya daripada 426 unit yang telah berada di lapangan, telah *dibooking* 394, betul? Diguna

**YB ADUN Nilai:** Diisi.

**YB ADUN Paroi:** Telah diisi ataupun *dibooking*?

**YB ADUN Nilai:** Diisi... diisi...

**YB ADUN Paroi:** kalau saya lihat di lapangan, misalnya di Paroi, saya melihat tidak sampai 30% pun macam telah digunakan. Saya minta boleh mana MyKiosk ni, buat balik kajian, apa yang penting soalan saya semalam, soalan saya tak dijawab tu. Adakah kerajaan bersedia untuk mengemukakan laporan status fizikal bagi MyKiosk di Negeri Sembilan. Kalau saya tengok, MyKiosk kita dah dekat 2 tahun. Kalau kita letak saja lagi 2 tahun, dengan kerosakan, karatnya dan ini memerlukan *maintenance* untuk *long term* dan kita tak nak besok kita biarkan macam itu dan saya faham yang 90% yang telah *dibooking* itu sebenarnya, kalau kita tengok di lapangan saya katakan balik, mana tak sampai 30% pun digunakan oleh peniaga kita. Wallahualam.

**YB ADUN Nilai:** Okey berkaitan dengan ini daripada 426 unit ini 394 unit telah pun majlis telah bagi surat tawaran. 394 selepas mereka mohon *interview* dan majlis PBT telah pun memberikan surat tawaran. Daripada 394 ini sebahagiannya belum lagi beroperasi, kerana kita telah pun tawarkan kepada mereka tetapi sebilangan peniaga ini, mereka yang datang mohon, mereka yang datang *interview*, selepas dapat surat tawaran tunggu 2-3 bulan untuk beroperasi. Sebab itu kita kata untuk peniaga-peniaga seperti itu kita bagi dalam tempoh 1 bulan kalau tak beroperasi, kita tarik balik, dan berkaitan dengan pengoperasian tadi, memang itu yang saya kata memang ada sebahagiannya, belum lagi beroperasi dan di Paroi, ada satu kawasan yang memang pada awalnya di Taman Tuanku Jaafar, hampir 15 MyKiosk ini diletakkan di tempat yang tidak sesuai. Itu kita mengaku tempat yang tidak sesuai, dan kesemua MyKiosk ini kita telah pun pindahkan ke Taman Senawang Perdana dan kita dalam proses pembaikan dalam masa terdekat kita akan mengisikan dan satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paroi berkaitan dengan pokok-pokok dan juga najis daripada burung-burung yang ada di sini, kita akan lihat balik untuk kita tambah baik, terima kasih.

**YB ADUN Paroi:** Status *maintenance*...

**YB Yang Dipertua Dewan:** Yang Berhormat....Yang Berhormat.... kita dah bahas semalam ni...

**YB ADUN Paroi:** Jawapan tak jawab

**YB Yang Dipertua Dewan:** Jadi...

**YB ADUN Paroi:** Status *maintenance* tu...

**YB Yang Dipertua Dewan:** Jawapan pun saya tengok sama jugak....semalam pun sama jugak...

**YB ADUN Paroi:** Status *maintenance* tu...

**YB ADUN Nilai:** Berkaitan dengan *maintenance* itu kita akan kita akan memperbaiki masa ke semasa, memang akan berlaku kerosakan, sebab dia terletak di kawasan terbuka, memang akan ada kerosakan dan kita akan cuba membaiki masa ke semasa

**YB ADUN Lenggeng:** YB EXCO mintak...mintak sikit

**YB ADUN Paroi:** ok terima kasih.

**YB ADUN Lenggeng:** Mintak pencerahan sikit YB EXCO, berbalik dari semalam punya jawapan, jadi ada yang *feedback* daripada saya, di kawasan saya itu, memang dia ada booking dan dia dah.. tapi dia masih tak beroperasi, jadi saya tanya kenapa tak beroperasi disebabkan jarak antara terlalu dekat semalam, tapi YB EXCO semalam dia beritahu yang akan datang, itu yang akan datang, maksudnya yang sekarang ni, *current* ni dia orang macam sukar untuk masuk tu sebab jarak tu, bila saya tanya jabatan, macam mana kita nak tukar, boleh tak saya alih kan, dia kata nak alih tu pakai *kren*, jadi adakah kalau YB EXCO setuju, saya boleh buat permohonan selepas habis sidang dewan ni untuk untuk menjarakkan lah supaya peniaga-peniaga di kawasan saya dapat berniaga dengan seperti yang sebelum ni, terima kasih.

**YB ADUN Nilai:** Saya ingat beberapa penambahbaikan itu kita dapat dilaksanakan, dan saya harap selepas ini untuk kawasan Lenggeng tersebut yang dikatakan tidak mahu berniaga sebab sangat dekat itu, kita akan pertimbangkan, kita akan berbincang dengan Majlis Bandaraya Seremban, untuk kita mencari satu kaedah yang terbaik, untuk kita membolehkan peniaga-peniaga dekat sana dapat memulakan perniagaan dengan segeralah, terima kasih.

## **YB Yang Dipertua Dewan: Kota**

**YB ADUN Kota:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Kota kemuka soalan nombor 1.

**YB ADUN Palong:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Kota menanyakan soalan berkenaan dengan belia dan Anugerah Perdana Belia. Dato' Yang Dipertua, Anugerah Perdana Belia Negara bertujuan untuk mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada individu dan pertubuhan belia yang telah memberikan sumbangan yang besar terhadap pembangunan belia di Malaysia. Anugerah ini juga adalah untuk meraikan dan menghargai belia yang memperoleh pencapaian membanggakan negara dalam pelbagai bidang. Pengiktirafan ini adalah sebagai salah satu usaha untuk menyuntik semangat dan motivasi kepada belia-belia yang lain. Kategori-kategori yang dipertandingkan di peringkat negeri adalah seperti kategori pertubuhan belia, kategori individu lelaki dan kategori individu Wanita. Manakala anugerah ini juga melibatkan beberapa kriteria penilaian antaranya pertama pentadbiran dan pengurusan am, yang kedua, pengurusan kewangan, yang ketiga, pengurusan aktiviti, dan yang keempat keberkesanan kepimpinan. Di Negeri Sembilan, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan melalui kerjasama erat antara Jabatan Belia Dan Sukan Negeri, Majlis Belia Negeri Sembilan, Pejabat EXCO Pembangunan Belia Dan Sukan Negeri Sembilan, serta pertubuhan belia di peringkat daerah dan akar umbi. Antaranya yang pertama adalah program latihan kepimpinan belia bagi melahirkan barisan pemimpin muda yang berkemahiran. Di peringkat negeri, kita perkenalkan *Madani Youth Leadership Camp* ataupun ringkasnya kita panggil sebagai *MyLead* Negeri Sembilan. Di mana kita telah pilih beberapa lokasi di Negeri Sembilan untuk kita berkolaborasi di antaranya di Uitm Seremban Tiga, yang kedua di D'kok Eco Camp, PD Sanctuary Camp di Port Dickson, Camp Pusako di Kuala Pilah, dan juga di Gua Batu Maloi. Kita perkenalkan eksplorasi Gua Batu Maloi untuk mencapai matlamat kepimpinan belia. *Alhamdulillah* setakat ini dalam banyak-banyak pakej yang kita tawarkan, Gua Batu Maloi menjadi pilihan yang paling tinggi dan saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Johol yang menjadi rakan kolaborasi kita yang akan menyantuni apabila belia-belia ini hadir ke Gua Batu Maloi, untuk program dua malam, tiga hari, mereka akan disantuni oleh YB ADUN Johol bukan sahaja memberikan motivasi, tapi belanja makan sekali. Terima kasih ADUN Johol.

Seterusnya Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu, bimbingan keusahawanan dan kemahiran digital yang menyokong belia dalam sektor ekonomi *gig* dan perniagaan kecil. Kemudian kita ada geran aktiviti persatuan belia yang membolehkan pertubuhan belia menjalankan program bermanfaat di komuniti masing-masing dan inisiatif kesukarelawan belia seperti Sukarelawan Anak Malaysia atau SATRIA yang meningkatkan

penglibatan sosial dan kemasyarakatan belia. Antara kekangan yang dihadapi oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sembilan khususnya adalah untuk mendapatkan penyertaan sama ada persatuan belia mahupun individu. Hasil daripada program-program ini terdapat peningkatan penyertaan belia dalam aktiviti komuniti, peningkatan daya saing dalam pasaran kerja serta kemunculan pemimpin muda yang aktif. Malah beberapa Persatuan Belia Negeri malah beberapa Persatuan Belia Negeri Sembilan telah dijemput untuk berkongsi amalan terbaik di peringkat zon dan juga antarabangsa. Namun begitu, kementerian mengambil maklum bahawa pada tahun ini tiada persatuan atau individu dari Negeri Sembilan yang berjaya ke peringkat kebangsaan dalam Anugerah Perdana Belia Negara. Sebagai langkah ke hadapan KBS sedang memperkemas proses bimbingan dan saringan awal dari peringkat negeri bagi memastikan pencalonan yang dihantar benar-benar menepati piawaian kebangsaan. Ini termasuklah kita adakan klinik penyediaan pencalonan APBN, kita adakan latihan pemantapan dokumentasi dan penilaian impak dan kita buat pemilihan persatuan berprestasi tinggi untuk diberikan bimbingan intensif secara berterusan. Manakala di peringkat negeri juga seperti yang saya sebut semalam kita telah adakan usaha iaitu kita telah mengenalpasti hampir 50 persatuan belia yang telah pun kita berikan dana pentadbiran pada bulan 7 yang lepas dan 50 persatuan belia ini akan kita klusterkan mengikut daerah-daerah, 7 daerah yang ada dan setiap persatuan belia dalam daerah masing-masing akan dijadikan persatuan angkat oleh Pejabat Belia dan Sukan Daerah untuk mereka bimbing, mendidik, mengajar dan disediakan mereka untuk mereka dicalonkan dalam Program Anugerah Belia pada masa-masa yang akan datang. Justeru Kementerian yakin dengan sokongan berterusan kerajaan negeri dan peningkatan tahap profesionalisme persatuan-persatuan belia Negeri Sembilan ini akan mampu kembali menyerlahkan belia-belia kita dalam anugerah perdana pada masa-masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Yang Berhormat Chuah.

**YB ADUN Chuah:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan Chuah nombor 1.

**YB ADUN Pertang:** Dato' Yang Dipertua, pertama saya ucap terima kasih kepada Chuah di atas soalan yang berkaitan dengan sektor penternakan ayam 3 segmen yang Chuah memerlukan penjelasan tentang perkara yang berkaitan dengan *enforcement* yang kita kenakan kepada semua penternak ayam di Chuah khususnya dan halatuju kerajaan negeri yang berkaitan dengan industri berkaitan dengan industri ayam ini dan juga tentang perkara yang berkaitan dengan perancangan pihak veterinar ya.

Dato' Yang Dipertua, pertamanya ialah sebahagian pengusaha ladang ternakan ayam di Chuah dan di semua kawasan di Negeri Sembilan, hampir 177 lesen yang kita dah keluarkan untuk penternakan unggas ini, dan

kesemuanya itu untuk tidak dapat memperbaharui lesen ternakan dan sering dikenakan kompaun oleh Jabatan Veterinar, kerana mereka telah melakukan kesalahan dan mendatangkan kacau ganggu kepada masyarakat dan penduduk tempatan. Apa pendirian kerajaan negeri? pendirian kerajaan negeri ialah segala perkara yang berkaitan dengan pengusaha dan juga kepentingan rakyat, maka kerajaan negeri akan meletakkan kepentingan dan kesejahteraan rakyat itu sebagai *priority* Dato' Yang Dipertua, kerana itu kita tidak boleh kompromi dalam soal yang berkaitan dengan penternakan ayam ini apabila mereka melanggar sebarang perkara yang melanggar Akta Lesen Unggas ini, maka kita akan kenakan tindakan. Bagi di Chuah ni, untuk makluman ahli dewan aduan daripada masyarakat setempat apabila telah disiasat maka aduan itu adalah berasas. Sebagaimana termaktub dibawah Enakmen Kawalan Dan Pelesenan Penternakan Unggas Dan Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Penternakan Unggas Pindaan Tahun 2024, ladang-ladang yang menimbulkan kacau ganggu akan di kompaun bergantung kepada kesalahan yang dilakukan. Dasar dan halatuju kerajaan Negeri, sebelum itu Dato' Yang Dipertua, saya nak bagitahu ya, ADUN Chuah ya, di Chuah saja kita ada 5 kilang yang mempunyai *hotspot*. Chuah, *sorry* sini. 5 kilang *hotspot* ADUN Chuah, yang pertama Lai Kiang Kut, yang kedua Indang Kulah binti Nasal, yang ketiga See Siew Kong, yang keempat Hui Sing Ang dan yang kelima Lai Poh Leong. Semua adalah ladang *hotspot* yang telah mendatangkan aduan dan rasa tidak selesa di kalangan rakyat.

Yang kedua apa halatuju kerajaan negeri berkaitan dengan industri pertanian ayam. Halatuju kita ya. Bagi daerah Jempol, Kuala Pilah, Jelebu, Rembau dan Tampin, dibenarkan untuk menjalankan aktiviti penternakan ayam komersial dengan menggunakan sistem reban tertutup sepenuhnya. Itu sahaja. *No open*, reban terbuka tak boleh dah. Manakala bagi daerah Seremban dan Port Dickson, tiada lagi permohonan ladang ayam baru yang dibenarkan. Tidak ada lesen baru. *Stop*. Bermula pada tahun 2016 semua permohonan ladang baru diwajibkan menggunakan sistem reban tertutup sepenuhnya dan terlebih dahulu mesti mendapat kelulusan kebenaran merancang daripada pihak berkuasa tempatan. Tetapi namun walaupun itu adalah merupakan dasar kita, 2016 mesti ladang tertutup, tetapi ladang-ladang yang sedia ada yang beroperasi dengan menggunakan sistem reban terbuka, masih dibenarkan beroperasi seperti biasa dengan syarat tidak boleh mendatangkan kacau-ganggu lalat, bau, pencemaran ke sungai.

Yang Berhormat ADUN Chuah ya, ada tempat saya dapat laporan daripada ahli-ahli Yang Berhormat, bila dia berucap, lalat masuk dalam mulut dia. *You want this sweet moment happen to you YB?* dengan izin. Saya faham Yang Berhormat mendapatkan *complain* daripada operator kenapa kerajaan negeri *very strict* dan sebagainya. Tapi adakah itu keadaan dan suasana itu mesti dibiarkan berlaku dalam Negeri Sembilan? Itu yang penting untuk kita faham ya. Saya nak bawa keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada

20 Februari.. 21 Februari 2024, sebarang aktiviti penternakan unggas selepas arahan penutupan operasi mestilah mendapat kelulusan dan kebenaran Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri terlebih dahulu dan beroperasi secara reban tertutup sepenuhnya. Bila kita dah *stop* lesen, tidak boleh lagi kita luluskan lesen terbuka, tetapi mesti reban itu secara tertutup. Ini membawa maksud Yang Berhormat, sekiranya pengusaha ini ingin meneruskan aktiviti penternakan, mereka hendaklah menukar pengurusan dengan menggunakan sistem reban tertutup sepenuhnya sahaja dan mendapat kebenaran daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Dato' Yang Dipertua, tentang SSR ya, ayam di Negeri Sembilan ni Dato' Yang Dipertua sudah cukup, mencukupi. Di Port Dickson kalau kita kenakan penutupan kilang yang telah melanggar dan sebagainya ni, kekurangan bekalan ayam yang akan memberi kesan kepada Kerajaan Negeri ialah sebanyak 783 ribu ekor iaitu bersamaan dengan 1,000,324 tan metrik daging ayam setahun. Tetapi untuk makluman dewan, bekalan ayam di Negeri Sembilan melebihi kadar saradiri SSR. Ketika ini kadar SSR bagi daging ayam untuk rakyat Negeri Sembilan bagi tahun 2024 adalah 357.64%. Oleh hal yang demikian, tindakan penutupan ladang ini tidak menjejaskan bekalan ayam di Negeri Sembilan, walaupun itu adalah merupakan satu statistik yang membanggakan bagi kerajaan negeri, tetapi kerajaan negeri tidak bermaksud untuk menghalang dan juga menutup sebarang aktiviti penternakan ayam. Cumanya kerajaan negeri mengambil keputusan sebarang keputusan yang mendatangkan kacau ganggu yang mendatangkan bau yang melampau dan pemprosesan tinja yang tidak diurus dengan baik yang boleh memberikan kesan sampingan kepada rakyat, itu kita tak boleh kompromi. Saya nak bagi contoh di DUN Gemencheh, satu kawasan yang telahpun dibina bangunan yang menelan kos RM1.2 juta tetapi tidak menepati komposisi dan kehendak yang diberi oleh Kerajaan, spesifikasi untuk kilang menternak ayam ini pun kita tak luluskan dan apabila kita diimbak balik tentang pertanyaan kepada pengusaha, yang telah mengeluarkan kos yang begitu besar, maka kerajaan tidak boleh kompromi. Kalau you nak bela ayam, *then you have to fulfill our development order* dengan izin, kehendak dan juga spek dan baru kita boleh luluskan. Kita tak nak nanti bila kita bagi kelulusan dan apabila walaupun reban ni di tengah hutan banar tu, jauh daripada masyarakat, tetapi lalat ni dia boleh terbang hampir 6km daripada tempat penternakan ayam ni Dato' *Speaker*. Ini memang kajian dia buat lalat boleh terbang 6km Dato' *Speaker*, kita dah kaji ya. Ok. Terima kasih Dato' *Speaker*.

**YB ADUN Gemencheh:** boleh, boleh mohon mencelah? yang saya tak tahu Kerajaan Negeri Sembilan telah menetapkan jarak kandang tu kepada 300 meter tak silap saya. 300 meter, tapi yang sebelum ni 500 meter, akta yang baru tak silap dia tahun 2023, ada satu akta dikurangkan lagi jarak tu kepada 300 meter dan kita mohon jarak tu lebih, orang cakap lebih jauh lagi lah. Macam Dato' kita punya EXCO Kanan kita menyebut tadi lalat boleh terbang

6km tapi jarak kita antara perumahan tu, jarak kilang dan perumahan cuma 300m. Rasanya tak patut di Gemencheh mempunyai masalah yang teruk tentang lalat dan bau dan kalau kita boleh kembalikan akta tu lebih kepada 500 meter ke atas lagi, lebih baiklah *insya-Allah*. dan saya mengharapkan kerajaan negeri mempertimbangkanlah jarak antara kilang dan perumahan yang ada sekarang ni. Terima kasih.

**YB ADUN Pertang:** Dato' Yang Dipertua, terima kasih atas pandangan itu. Walaupun itu dasar kerajaan, kita 300 meter tetapi apabila kita nak buat keputusan untuk memberi kelulusan lesen kajian daripada semua aspek akan diambil kira. Bukan sahaja 300 meter, tetapi perkara yang berkaitan dengan populasi rakyat di kawasan yang berkaitan dan populasi ayam ni juga kita ambil kira, Dato' Yang Dipertua. Maksudnya kalau ada lambakan dan lebihan yang melampau, kali ni kita tidak akan beri sebarang lesen-lesen baru yang dimohon *insya-Allah*. Terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya menjemput Yang Berhormat Lenggeng.

**YB ADUN Lenggeng:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya soalan nombor 1.

**YB ADUN Nilai:** Dato' Yang Dipertua, ini berkaitan dengan tebing runtuh di Jalan Tok Dagang sejak Ogos 2024. Kerja-kerja pembaikan tebing runtuh di Jalan Tok Dagang telah dimasukkan sekali dalam tender bagi projek pelebaran jambatan di lokasi yang sama. Tender tersebut telah diiklankan dan ditutup pada 26 Mei 2025. Pada masa ini tender berkenaan dalam proses penilaian oleh Unit Ukur Bahan Dan Perolehan sebelum dibentangkan dalam pertimbangan dan juga kelulusan oleh Lembaga Perolehan Negeri. Terima kasih.

**YB ADUN Lenggeng:** Soalan tambahan YB, saya sekadar ingin tahu sebab ini salah satu contoh tebing runtuh yang kena di kawasan saya dan mengambil masa yang agak lama dan ada kemalangan yang berlaku selepas itu, tetapi masih lagi tidak diambil Tindakan, disebabkan jawapan itulah jawapan masuk dalam tender. Tetapi saya ingin tahu bagaimanakah untuk kita yang akan datang masa akan datang, supaya sekiranya berlaku bencana macam ini kita masuk dalam tabung bencana untuk permohonan di bawah tabung bencana, sebab kalau yang saya sedia maklum, kalau tabung bencana ini dia terus buat, dia tidak masuk dalam tender, tu pengetahuan saya. Terima kasih.

**YB ADUN Nilai:** Ini ada beberapa tempat kalau ini adalah melibatkan tanah kerajaan, kita boleh ambil tindakan segera, tetapi ada juga beberapa tebing runtuh ataupun hakisan tanah juga berlaku di kawasan persendirian. Walaupun di kawasan persendirian, tetapi kita jika ia memberikan kesan kepada jalan ataupun infrastruktur Kerajaan, kita akan ambil tindakan juga.

Tetapi berkaitan juga dengan kes di mana *account* ataupun tabung bencana walaupun kita ada tabung bencana tetapi beberapa kes melibatkan tanah runtuh yang lebih serius ini kita memerlukan kajian. Pelbagai kajian dari segi, banyak kajian lah itu kita perlu laksanakan dan juga perlu ada *design* yang boleh diketengahkan supaya selepas dibina ia tidak mendatangkan sebarang masalah kepada pengguna jalan ataupun kepada masyarakat. So, memang akan mengambil sedikit masa, tetapi dalam tempoh tersebut majlis ataupun pihak berkuasa tempatan akan melaksanakan beberapa kerja ataupun tindakan untuk mengelakkan kejadian yang lebih teruk berlaku, termasuk juga dari segi keselamatan kepada pengguna-pengguna jalan yang masih menggunakan jalan tersebut. Terima kasih

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya menjemput Gemencheh.

**YB ADUN Gemencheh:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Gemencheh soalan nombor 1.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. terima kasih ADUN Gemencheh, isu rokok elektronik *vape*. Soalan dia produk ini sering sekali dipasarkan sebagai selamat tetapi sebenarnya mengandungi bahan yang boleh menyebabkan halunisasi gangguan mental dan kesan sampingan serius. Dalam masa yang sama ramai pengusaha *vape* menjalankan perniagaan secara sah dan tidak terlibat dalam penjualan produk yang dimanipulasi dengan dadah sintetik. Apakah langkah kerajaan negeri dalam membentaras penyalahgunaan *vape* yang dicampur dengan bahan terlarang seperti *magic mushroom* yang semakin membimbangkan kerana kandungan dadah sintetik yang berbahaya serta bagaimana kerajaan negeri memastikan penguatkuasaan yang lebih spesifik agar penguasa *vape* sah tidak terjejas oleh dasar yang terlalu umum.

Dato' Yang Dipertua, di bawah seksyen 3 Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 Akta 852 iaitu kehendak bagi pendaftaran produk tembakau dan sebagainya, semua produk merokok yang ingin diimport, dikilang atau diedarkan dalam pasaran Malaysia, hendaklah didaftarkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia terlebih dahulu. Manakala di bawah peraturan 2, peraturan-peraturan kawalan produk merokok demi kesihatan awam yakni pendaftaran produk tembakau bahan merokok dan produk pengganti tembakau 2024 iaitu berkaitan permohonan bagi mendaftarkan semua produk merokok yang ingin didaftarkan, hendaklah disertakan bersama laporan analisis makmal yang dijalankan oleh makmal yang diluluskan. Produk merokok yang mengandungi sebarang bahan terlarang yang dikawal di bawah Akta Racun 1952 termasuk *psilocybin* iaitu bahan kimia aktif dalam *magic mushroom* tidak akan diluluskan dan pendaftaran tidak boleh diedarkan di Malaysia.

Kementerian Kesihatan Malaysia turut bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia dalam menjalankan penguatkuasaan bagi isu penjualan produk merokok yang mengandungi dadah berbahaya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Lenggeng:** Soalan tambahan Yang Dipertua. Yang Amat Berhormat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sedikit soalan tambahan berkenaan *mushroom* sebab saya banyak pergi ke sekolah-sekolah dan dapat banyak aduan. Kita sedia maklum jualan rokok ni dia ada *brand* dia, *Malboro*, *Dunhill* dan kita tau *brand-brand* ni tidak ada perisa-perisa yang mengkhayalkan dan sebagainya. Tapi untuk perisa-perisa *vape* ni, saya pun tak tau *brand* apa yang boleh, *brand* apa yang tak boleh, sebab dia jual, kerana dia kata ini perisa *strawberry*, ni perisa...itu saje takda *brand*. Jadi adakah kerajaan bercadang untuk haramkan terus penjualan *vape* ni ataupun kita membenarkan dengan *brand-brand* yang di SIRIMkan ataupun sebagainya lah supaya kita tau bahawa sekiranya kita ambil atau sesiapa yang ambil, dia tidak memudaratkan. Dia tidak campuran *mushroom* seperti Yang Amat Berhormat beritahu. Terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, kita sedia maklum bahawa isu dia sekarang ni adalah *mushroom* yang merupakan dadah terlarang ataupun dadah berbahaya dan mereka tertakluk kepada Akta Dadah Berbahaya dan saya juga bermohon kepada pihak anggota keselamatan dan pihak berkuasa seperti Kementerian Kesihatan supaya melipat-gandakan penguatkuasaan bagi memastikan bahawa benda ini tidak tidak terus berada dalam pasaran dan dalam perbincangan-perbincangan yang telah dijalankan memang kita bersetuju bahawa *vape* akan diharapkan. Tetapi penguatkuasaan adalah lebih penting dan kita sedang menunggu bagaimana penguatkuasaan akan dilaksanakan walaupun kita haram, tetapi tiada penguatkuasaan, dia juga boleh dijual secara *online*, secara... secara sorok-sorok dan akhirnya sama juga akhirnya, yang mana akan lebih memudaratkan dan akhirnya dalam perbincangan tersebut kita bersetuju bahawa ini kita serahkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk membuat satu peraturan, mengadakan satu bagaimana penguatkuasaan itu dapat dijalankan pada masa akan datang, sebelum kita sebelum negara mengisytiharkan bahawa *vape* itu diharamkan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Labu:** Mohon mencelah Dato' Yang Dipertua. Memandangkan PDRM di Melaka di Selangor telah keluar kenyataan bahawa memohon kerajaan kalau boleh haramkan terus *vape* ini. Isunya bukan, saya bersetuju sahabat saya dalam Sidang DUN lepas mengatakan masalah bukan pada *vape* masalah pada *mushroom* tapi mungkin saya betulkan sikit. Lepas hisap *mushroom* ini dia memang jadi lemah, tapi lepas dia ketagih, ketagih itu yang jadi bahaya. Jadi saya mohon kalau seperti isu anjing kita sepakat, kalau kita

boleh dapatkan satu taklimat daripada pihak PDRM dan juga Jabatan Kesihatan untuk *brief* kita Yang Berhormat tentang bahayanya keadaan *vape* ni sekarang. Kalau kita nak tunggu persekutuan, saya rasa itu akan jadi lambat. Kita boleh *follow* beberapa negeri yang lain untuk menjaga rakyat dan juga penduduk anak-anak kita di Negeri Sembilan ni di peringkat kerajaan negeri. Kita ada satu tindakan membanteras. Bagi saya, minta maaf saya panjang sikit Dato' Yang Dipertua. Saya berhubung dengan doktor, ada keluarga saya ada masalah kesihatan dan masuk ke hospital. Ada dua perkara dia beritahu, yang pertama adalah *slimming*. Ubat-ubat *slimming* ni menyebabkan ramai anak-anak muda kita kena kanser usus. Itu antara perkara yang tidak, tapi di hospital itu yang dinyatakan oleh doktor. Yang keduanya adalah *vape*. Berapa kali ganda bahaya. Dia beritahu kalau boleh hisaplah rokok daripada hisap *vape*. Sebab itu memberi kesan. Ini kenyataan daripada doktor. Itu memberi kesan kepada dia punya paru-paru. Sebab bahan yang digunakan, minta maaf, sabar. Bahan yang digunakan tu adalah racun. Jadi kita kena sedar pada semua sahabat-sahabat Yang Berhormat, kita kena sedar mereka di luar tu dulu, mereka ni adalah sindiket yang mengaut keuntungan dengan menjual dadah. Tapi bila mereka dah tahu, bila jual dadah ni mereka boleh tindakan undang-undang yang ketat, mereka ubah. Mereka mendapat keuntungan dengan jual *vape* sebab tak ada akta. Jadi kalau di peringkat Negeri Sembilan, kita boleh buat satu kesepakatan. Saya sebagai ketua pembangkang bersama sahabat saya akan menyokong. Di peringkat Negeri Sembilan kita ambil tindakan dulu baru *insya-Allah*. kalau semua negeri dah ikut, saya rasa tak ada masalah untuk pusat turut sama. Terima kasih.

**YB ADUN Jeram Padang:** Saya mencelah. Minta pengesahan, wakil rakyat kita ada doktor seorang betul ke kenyataan Labu tadi tu? rokok lebih baik daripada *vape*.

**YB ADUN Seri Menanti:** Tanyalah EXCO Kesihatan tu...

**YB ADUN Sri Tanjung:** dua-duanya pun baik untuk kesihatan.

**YB ADUN Klawang:** Saya bantah Yang Dipertua, dua-duanya tak baik Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Labu:** tapi sebab rokok ni dia dijual secara mendapat cukai kepada kerajaan, kira baik sikit lah.

**YB ADUN Seri Menanti:** Kita nak jawapan daripada EXCO Kesihatan.

**YB ADUN Lenggeng:** Rokok dah difatwakan haram, banyak tempat dah.

**YB Yang Dipertua Dewan:** ..... nak iklan rokok.

**YAB ADUN Sikamat:** Okay, terima kasih. Rokok pun haram, *vape* pun haram. Membahayakan kesihatan. Hukum dia tu ya. Tetapi kita ada undang-undang yang kita sedia maklum bahawa memang semua setuju pada dasarnya dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja, semua Raja-Raja Melayu bersetuju bahawa *vape* itu ingin diharamkan. Tetapi apakah yang boleh kita lakukan selepas pengharaman tersebut? Tanpa ada peraturan, tanpa ada penguatkuasaan. Hak macam mana untuk kita melaksanakan pengharaman tersebut itu penting. Kita tak nak esok dia masuk secara yang saya katakan tadi, boleh jual secara online, boleh jual secara menyorok-nyorok yang tak ada satu peraturan ataupun undang-undang yang boleh menguatkuasakan, yang akhirnya pengharaman itu tidak bermakna. Ini bukan kempen. Kalau kita kempen kita kata haram apa semua kita boleh sebut. Tetapi tanpa penguatkuasaan, tanpa ada peraturan dan undang-undang saya nampak bahawa ia terlalu longgar yang akhirnya ia lebih memberbahayakan. Dan kita kena ingat bahawa kita terus berkempen pastikan bahawa *vape* ini tidak digunakan. *Mushroom* harus diambil tindakan sebagai akta dadah merbahaya dan saya berharap juga bahawa kempen di sekolah itu harus dipertambah baikkan dan kita mohon supaya pihak persekutuan mungkin menggunakan pihak, mungkin dengan akta polis, akta dadah, akta apapun, akta baru yang akan dibuat akan memberikan kebaikan kepada pelaksanaan *vape* haram ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya menjemput Bagan Pinang.

**YB ADUN Bagan Pinang:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 2.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Isu korek pasir untuk mendalamkan pantai. ADUN Bagan Pinang, soalnya memandangkan nelayan pantai Bagan Pinang di Port Dickson menghadapi kesukaran membawa bot masuk ke pantai ataupun pengkaran semasa air surut, apakah langkah kerajaan negeri untuk melaksanakan kerja-kerja pengorekan pasir secara berkala serta mewujudkan peruntukan khas bagi tujuan tersebut. Dato' Yang Dipertua, kerajaan negeri melalui JPS Negeri Sembilan telah mengenal pasti berlakunya isu mendapan pasir di lagun pengkalan nelayan Bagan Pinang, Pantai Bagan Pinang yang menyebabkan kesukaran bagi nelayan keluar dan masuk di pengkalan ketika air surut. Bagi mengatasi isu mendapan, pihak JPS telah mengambil langkah awal untuk membantu komuniti nelayan untuk melaksanakan kerja-kerja pengorekan bagi mendalamkan kawasan pengkalan menggunakan peruntukan mengurus tahunan yang sedia ada secara *one-off* dengan jumlah kos RM20,000 pada tahun 2020. Siasatan tapak yang dinyatakan terdapat banyak lokasi yang berkenaan bukan kawasan pantai yang ditetapkan untuk membawa bot masuk ke pantai kerana telah disediakan pengkalan bagi para nelayan untuk tujuan ini. Kawasan yang dinyatakan dianggap tidak sesuai untuk para

nelayan membawa masuk bot kerana faktor permukaan muka bumi dan kedalaman pantai yang tidak sesuai. Kerajaan negeri mengesyorkan agar para nelayan menggunakan pengkalan yang telah disediakan dan akan melihat semula lokasi yang lebih sesuai bagi tujuan ini pada masa akan datang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Bagan Pinang:** Dato' Yang Dipertua, di Port Dickson ada seramai 611 nelayan. Pada tahun Jun lepas Yang Amat Berhormat Sikamat telah memberi pampasan sebanyak RM1,000 kepada 31 nelayan yang terjejas akibat daripada projek pembangunan Hibiscus ke-2. Adakah pampasan tersebut dipanjangkan kepada nelayan-nelayan? terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Kita sedia maklum bahawa pampasan tersebut diberi kepada nelayan yang terhimpit dengan situasi semasa kalau dia tidak terlibat, maka kita tidak akan bagi. Kalau Lexis Hibiscus itu hanya kawasan Lexis Hibiscus lah. Jadi kawasan yang tidak berkenaan, kita tidak akan beri bantuan dan apabila ada AI Port pada masa yang akan datang kita akan kaji lagi kawasan mana yang akan terlibat, nelayan mana yang akan kena, dan itu yang akan kita beri bantuan kepada mereka. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Bagan Pinang:** Dato' Yang Dipertua, pampasan semuanya setakat 12 tahun adakah selepas itu nelayan tersebut akan menerima lagi ataupun kajian semula akan dibuat? terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YAB ADUN Sikamat:** 2 soalan tambahan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan mengatakan bahawa 12 tahun. Perjanjian kita adalah sehingga projek itu siap. Projek itu siap, kita tak akan lagi bagi bantuan, dia selesai dah tanggungjawab mereka, selepas itu kita nelayan boleh seperti biasa menjalankan aktiviti mereka. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya menjemput Ahli Yang Berhormat untuk mewakili Rantau.

**YB ADUN Kota:** Dato' Yang Dipertua, mohon izin untuk mewakili ADUN Rantau bertanyakan soalan nombor 1.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan Yang Berhormat ADUN Rantau adalah pelaburan asing di Negeri Sembilan. Adakah sebarang dasar dan polisi baru diperkenalkan oleh kerajaan bagi mengatasi kesan langsung daripada polisi dasar ekonomi Amerika Syarikat ke atas kestabilan mata wang dan pelaburan asing khususnya dalam konteks ketidaktentuan geopolitik dan pasaran global semasa.

Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa peka terhadap perkembangan semasa dasar ekonomi global dalam konteks ketidaktentuan geopolitik dan pasaran global yang berpanjangan. Kerajaan negeri telah mengadakan beberapa inisiatif bagi mengurangkan impak negatif kepada ekonomi negara khususnya di Negeri Sembilan ini. Bagi mengurangkan kebergantungan terhadap mana-mana blok ekonomi, kerajaan negeri tidak hanya fokus kepada sebarang perdagangan dan pelaburan daripada mana-mana negara, sebaliknya kerajaan negeri mengamalkan dasar terbuka dengan semua pihak, serta memperluaskan jaringan kerjasama serantau,

Dato' Yang Dipertua, umum mengetahui bahawa dasar ekonomi ataupun polisi baru yang telah diperkenalkan, Amerika Syarikat pada April 2025 menjejaskan sektor perdagangan dunia. Pada 9 April 2025, pentadbiran Amerika Syarikat mengumumkan penangguhan 90 hari tarif timbal balik bagi kebanyakan negara sambil mengekalkan tarif asal sebanyak 10% ke atas Malaysia oleh itu, tarif timbal balik 24% ke atas import Malaysia ke Amerika Syarikat ditangguhkan dalam tempoh 90 hari iaitu bermula 9 April 2025 sehingga 9 Julai 2025. Walaubagaimanapun, Amerika Syarikat menghidupkan semula perang perdagangan dengan mengancam untuk mengenakan tarif lebih tinggi dengan kadar 25% pada tarif baru akhir baru pada 1 Ogos yang lalu. Bagi pelaksanaan tarif tersebut, dan *Alhamdulillah*, tarif baru diumumkan adalah sebanyak 19%. Sehubungan dengan itu, berdasarkan maklumat daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia ataupun MIDA, Kerajaan Malaysia telah mengambil keputusan dan berhasrat untuk mencapai solusi untuk mengerahkan akses pasaran menarik pelaburan asing yang berterusan dan menyokong kesejahteraan pekerja dan perniagaan Malaysia. Kita tidak bercadang untuk mengambil sebarang tindakan timbal balas terhadap dasar ekonomi baru Amerika Syarikat tersebut. Kerajaan juga telah mengumumkan bahawa pertumbuhan KDNK 2025 adalah sebanyak 4.5% hingga 5.5% dan akan dikaji semula berpandukan situasi ekonomi semasa. Kerajaan Malaysia dan Kementerian Pelaburan Perdagangan Industri MITI telah dan sedang mengambil dasar dan langkah proaktif dalam menangani impak tarif ini dengan usaha seperti Pusat Tindakan Geoekonomi Nasional yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah pun diaktifkan. MITI sedang membuat kajian impak kepada sektor-sektor eksport utama ke Amerika Syarikat dan NGCC akan mempertimbangkan dapatan daripada kajian tersebut daripada masa ke semasa.

MITI telah membentuk, keduanya, MITI telah membentuk pasukan petugas ataupun *taskforce* bagi mengumpul maklumat dan dari semua pihak berkepentingan terdiri daripada kementerian dan agensi-agensi berkaitan seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi, Bank Negara Malaysia, MIDA, MATRADE, DOSM dan sebagainya. Ketiga, melalui kerjasama Asean yang membincangkan hala tuju bagi menangani dan mengurangkan

potensi gangguan kepada perdagangan serantau, rangkaian rantaian bekalan dan aliran pelaburan ke rantau ini. Keempat, perjanjian rangka kerja, perdagangan dan pelaburan Malaysia-Amerika Syarikat (TIFA) akan dimanfaatkan. MITI juga turut mempertimbangkan untuk menggandakan perjanjian perlindungan teknologi untuk melindungi eksport semi-konduktor dan aeroangkasa Malaysia. Kelima, meneroka pasaran eksport baru dan meluaskan pasaran eksport Malaysia. Ini termasuk di pasaran timur-tengah melalui MIHAS Afrika dan Amerika Selatan.

Keli.. keenam, meningkatkan gangguan ke semua perjanjian perdagangan bebas FTA seperti berikut, perjanjian perkongsian ekonomi komprehensif, CEPA dan UAE, FTA bersama Persatuan Eropah EU, FTA dan Korea Selatan. Menarik taraf perjanjian perdagangan barangan Asean, ATIGA dan pelbagai perjanjian FTA lain di tahap Asean, termasuk dengan China dan India, serta rundingan Malaysia, *European Free Trade Association* EFTA Iceland, Norway dan Switzerland *Economic Partnership Agreement*. Sememangnya dasar tarif Amerika Syarikat ini sedikit sebanyak akan memberikan impak langsung kepada pertumbuhan KDNK Malaysia pada tahun ini dan mungkin tahun-tahun akan datang. Sebagai satu rakan dagangan terbesar Amerika Syarikat di Asean dan juga satu destinasi utama pelaburan asing dari Amerika Syarikat pelaksanaan tarif ini akan memberi kesan jangka pertengahan hingga jangka panjang pada ekonomi Malaysia. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya menjemput Yang Berhormat Klawang.

**YB ADUN Klawang:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Klawang mengemukakan soalan nombor satu.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan Klawang Projek Tebatan Banjir Sungai Cempedak Jelebu. Penduduk Taman Pekan Baru di laluan Sungai Cempedak Jelebu sering mengalami banjir kilat setiap tahun. Terima kasih kepada Jabatan Parit dan Salir Air di atas inisiatif projek tempatan banjir berkaitan walaupun pada awalnya dimaklumkan projek terlibat dijangka dimulakan Mac 2024 tetapi sehingga sekarang masih belum dimulakan. Bilakah projek berkenaan dijadualkan hendak dimulakan dan dijangka disiapkan.

Dato' Yang Dipertua tender Projek Rancangan Tebatan Banjir RTB Sungai Cempedak Daerah Jelebu telah dibawa untuk pertimbangan Lembaga Perolehan pada 24 Jun 2025. Surat setuju terima SST dikeluarkan pada 7 Julai 2025 dengan tempoh pelaksanaan kontrak selama 3 tahun ataupun 36 bulan. Skop kerja fizikal projek ini merangkumi:

1. Pembinaan ban bertanah;
2. Pembinaan struktur penstabilan tebing sungai termasuk pembinaan *flood wall* dan di kawasan Taman Pekan Baru; dan yang
3. (ketiga) Kerja-kerja menaik taraf sebanyak 7 buah struktur jambatan yang terlibat dalam jajaran projek. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Klawang:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama dan terima kasih kepada Jabatan Saliran dan Pengairan. Untuk makluman, kawasan ini Dato' Yang Dipertua, memang *prune area* dengan izin, dia tak payah sampai 2 jam hujan, 40 minit, 45 minit pun dah cukup, ia akan menyebabkan banjir kilat. Oleh yang demikian, saya amat mengharapkan dan memohon pelaksanaan projek ini mengikut *timelinenya* supaya risiko ke.. banjir di kawasan ini di masa hadapan dapat dielakkan terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Itu harapan, doa, saya pun begitu jugak, berharap bahawa projek ini dapat disiapkan mengikut masa dan mendapat tumpuan utama. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Jeram Padang:** Yang Dipertua, saya di kesempatan ni nak ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dan agensi Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Jempol kerana telah melaksanakan 3 jambatan 4 jambatan baru di kawasan DUN Jeram Padang, akhirnya di kawasan Felda Palong 1 ni, di PPS kita baru-baru ni jumlah mangsa banjir itu semakin berkurangan. Terima kasih saya ucapkan terutamanya kepada Pembantu Teknik Doktor Aina, Cik Aina, Cik Aina daripada JPS Jempol. Terima kasih terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Seremban Jaya.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya mengemukakan soalan nombor 1. Terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, ADUN Seremban Jaya soalan pertama. Cadangan naik taraf laluan Jalan Tuanku Antah ke Lingkaran Tengah bagi menggunakan kesesakan. Adakah kerajaan negeri bercadang membesarkan laluan Jalan Tuanku Antah ke Jalan Lingkaran Tengah yang menghala Seremban 2, khususnya di bawah jambatan berhampiran Taman Bidara yang sering mengalami kesesakan lalu lintas.

Dato' Yang Dipertua, terima kasih soalan YB ADUN Seremban Jaya. Jabatan Kerja Raya telah mengangkat permohonan di bawah *Rolling Plan* Pertama RP1 RMK13 bagi tujuan menaik taraf persimpangan Jalan Tampin-Beranang Seksyen 313 Jalan Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus berhampiran

Taman Bidara kepada Kementerian Kerja Raya dengan anggaran kos banyak RM14.69 juta. Kerja-kerja ini akan dapat kita dilaksanakan selepas peruntukan diluluskan kita sedang mohon peruntukan ini dan *insya-Allah* kita sama-sama berharap bahawa permohonan ini dapat diluluskan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Dato' Yang Dipertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan. Satu masalah banyak lama, sekarang sudah dekat, boleh nampak, 1 hari boleh buat. Tapi sebelum itu, aaa... saya mau mintak rayu dari dewan yang mulia ni, itu Forest Heights, masa dulu diorang *booking*, ini zaman lama, *booking* masa itu, aaa.... Seremban tu ke arah Tampin. Aaa... kira itu *traffic light* satu ada. Tapi sekarang, diorang 2 tahun dulu, sudah kira, bukan *traffic light*, tu jalan sudah tutup. Tapi Forest Heights banyak orang percaya itu jalan jugak. Bila senang masuk Forest Heights. Tapi itu jalan sekarang sudah tutup. Saya mintak rayu, pasal banyak orang mintak Forest Heights pasal sana tingkatan 6 Kolej Tuanku Mukhriz, banyak orang gunakan jalan itu saya minta rayu dewan yang mulia ini, bolehkah satu *roundabout*, tempat ada sesuai, tempat yang besar, buat satu *roundabout*, *roundabout*, saya ingat takda masalah. Aaa... tada ganggu, itu *traffic light* pun tada masalah. Pasal sini pun lebih kurang sudah ok. Lepas tu, itu *jammed* boleh *settle*. Aaa... saya minta rayu kepada Yang Amat Berhormat. Terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih YB Seremban Jaya, atas cadangan, pandangan, dan kita sedia maklum, kalau kita buat *roundabout*, jarak kita antara persimpangan tadi, di apa nama dia, di Taman Bidara terlalu dekat dengan situ, jadi kalau kita apa, dia akan menyebabkan kesesakan lalu lintas. Dan kita sedia maklum bahawa kajian telah dibuat, dan kita nampak harini, apabila jalan itu ditutup, mengurangkan kemalangan yang paling penting mengurangkan kemalangan, keduanya mengurangkan kesesakan lalulintas di kawasan tersebut, kerana jarak antara persimpangan aaa... Lavendar Heights dengan... Forest Heights *sorry*, Forest Heights dengan apa terlalu dekat. Eh... tak sampai beberapa kilometer. Jadi akan mengganggu laluan dan adanya, adanya bulatan ini juga sebenarnya banyak kemalangan boleh berlaku ya... jadi kita lihat dalam keadaan suasana harini mereka memandu dengan tanpa perasaan. Ya, apabila memandu tanpa perasaan ini, yang cukup menakutkan kita pada hari ini. Ya, ada *traffic light* pun mereka langgar *traffic light*, apa yang berlaku di Senawang. Ini antara yang kita perlu lihat. Harini isu dia adalah isu pengguna jalan raya yang apabila dia bawak kereta dia lupa diri dia. Ya, dia nak cepat, nak segera, saya pun tak tau kalau kita tengok video-video, adalah disebabkan oleh keserakahan ketika memandu. Jadi kita kena buat kempen panduan yang berhemah dan ini kena bermula daripada kecil lagi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Yang Dipertua, saya terima. Terima kasih, *thank you very much*.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa bagi Pertanyaan Lisan (Hari Kedua) telah pun tamat. Semua pertanyaan yang tidak sempat dijawab akan diberikan jawapan secara bertulis.

#### 4. **RANG UNDANG-UNDANG**

**Setiausaha Dewan:** Perkara keempat, Rang Undang-Undang Kedua. Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 2025. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 2025, dibacakan bagi kali pertama.

**YB ADUN Pertang:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang-Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang pertama.

**Setiausaha Dewan:** Satu Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 2025.

**YAB ADUN Sikamat:** Dato' Yang Dipertua, sebelum saya membentangkan supaya Rang Undang-Undang Cadangan Penerimaan Pemakaian Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022, Kurungan (Akta A1667) ini dibacakan bagi kali kedua. Izinkan saya memberikan penerangan mengenai tujuan dan sebab pindaan ini dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini. Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022, (Akta A1667) menjadi Enakmen Perhutanan Negara (Penerima Pakaian) 2025. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan ahli-ahli Dewan Yang Mulia, Rang Undang-Undang yang bakal dibentangkan pada hari ini adalah Rang Undang-Undang Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022, (Akta A1667).

Sebelum itu, terlebih dahulu saya ingin berkongsi mengenai sejarah pengwujudan dan pindaan Rang Undang-Undang ini. Berdasarkan rekod sejarah, asas undang-undang hutan di negara ini adalah berdasarkan *North Burma Forest Act 1898*. Perundangan yang pertama telah digubal di negara ini untuk dilaksanakan di Negeri-Negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan

Singapura). Melalui *Forest Ordinance 1907* yang kemudiannya dipinda di bawah *Forest Ordinance No. 22* tahun 1908. Bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Pahang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan). Undang-Undang Hutan telah diwujudkan pada tahun 1914 dan dipinda melalui Enakmen No. 3 tahun 1918. Enakmen ini telah dipinda sekali lagi melalui Enakmen No. 4, Enakmen No. 5 dan Enakmen No. 6 pada tahun 1934.

Bagi menyeragamkan perundangan hutan, perhutanan di semua negeri di semenanjung Malaysia, Akta Perhutanan Negara 1984, (Akta 313) telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1984 dan menerima pakainya adalah tertakluk kepada kekuasaan badan perundangan negeri. Akta Perhutanan Negara 1984, (Akta 313) telah diwartakan pada 31 Disember 1984 dan kemudian diterima pakai oleh semua negeri di Semenanjung Malaysia, termasuk di Negeri Sembilan melalui Enakmen No. 5 pada 31 Julai 1986 yang dikenali sebagai Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1986. Seterusnya Enakmen ini telah dipinda, dibuat pindaan pada tahun 1994 melalui Enakmen No. 1 menjadi Enakmen Perhutanan Negara yakni (Pemakaian) 1994.

Dato' Yang Dipertua, Dewan Rakyat yang bersidang pada 18 Julai 2022 dan Dewan Negara yang bersidang pada 8 Ogos 2022 telah memuktamadkan bagi meluluskan RUU Perhutanan Negara (Pindaan) 2022, Rang Undang-Undang Perhutanan Negara telah mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan telah disiarkan sebagai Akta Perhutanan Negara Pindaan (Pindaan) 2022 (Akta A1967) pada tarikh 20 September 2022.

Bagi Negeri Sembilan pada dasarnya cadangan penerimaan pemakaian Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 (Akta A1667) telah dipersetujui dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri MMKN pada 15 Mei 2024 dengan pengecualian bagi Seksyen 3A, 19A dan 70A. Namun pada 4 Oktober 2024 cadangan penerimaan pemakaian Akta A1667 sekali lagi diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri MMKN bagi mendapatkan persetujuan untuk menerima pakai keseluruhan atas penerangan dan khidmat nasihat oleh pihak Bahagian Perundangan dan Pendawaan (Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia). Sehubungan dengan itu, MMKN telah membuat keputusan supaya kertas cadangan ini dibentangkan dan diperhalusi terlebih dahulu di dalam Mesyuarat Lembaga Perhutanan Negeri Sembilan, LPNS sebelum diangkat ke MMKN semula untuk diluluskan sebelum dibahaskan di Persidangan Dewan Undangan Negeri sebelum diterima pakai dan berkuatkuasa di Negeri Sembilan.

Dato' Yang Dipertua, Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 (Akta A1667) adalah bertujuan bagi menambah baik dan menetapkan pengurusan Kawasan Hutan Simpan Kekal HSK di Kuala Lumpur, Semenanjung Malaysia meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan hutan serta mengukuhkan pembangunan sektor perhutanan seiring dengan perkembangan semasa. Secara umumnya, Pindaan Akta APN, (Pindaan) 2022 (Akta A1667) ini memberikan penekanan kepada aspek-aspek berikut. Pertama, memperketatkan proses pewartaan keluar, masuk dan penggantian hutan simpan kekal. Kedua, meningkatkan kadar denda dan hukuman serta penalti tambahan bagi membendung kesalahan hutan yang merosakkan alam sekitar. Ketiga, menetapkan penguatkuasaan perhutanan sehingga ke peringkat Pembangunan. Keempat, mengatasi isu kekaburan dan kuasa tidak jelas dalam pelaksanaan penguatkuasaan dan operasi perhutanan. Kelima, menjelaskan takrifan dalam peruntukan akta. Keenam, menjelaskan pengurusan pentadbiran dalam peruntukan akta an yang ketujuh, menambah baik jadual-jadual.

Dato' Yang Dipertua, penjelasan berkaitan isu kekaburan dan kuasa tidak jelas pihak berkuasa negeri, pengarah dan pegawai hutan dalam perihal pengoperasian perhutanan seperti pelaksanaan kutipan pengurangan, pelepasan atau pengecualian ses pembangunan hutan Akta A167 ini memberi kuasa kepada pengarah untuk melucut hak wang deposit lesen-lesen pemindah, lesen-lesen kecil, permit penggunaan dan permit jalan, sekiranya pelesen ataupun permit atau perkhidmat atau ejen yang melanggar peraturan akta ini. Pemantapan penguatkuasaan memberi penekanan kepada peningkatan kadar denda dan hukuman serta penalti tambahan memantapkan penguatkuasaan perhutanan sehingga ke peringkat pengkompaunan dan pendakwaan kesalahan hutan serta pemantapan prosedur serta penguatkuasaan perhutanan. Aktiviti penguatkuasaan yang merangkumi kuasa menangkap, menggeledah, menyita dan menyiasat suatu kesalahan hutan dan kuasa membuat sekatan jalan bagi pemeriksaan pengangkut yang membawa hasil hutan.

Secara ringkasnya, pindaan ini melibatkan 8 daripada 10 bahagian, 62 fasal yang mengandungi 62 seksyen daripada 117 seksyen. Jumlah bilangan seksyen yang dibuat pindaan adalah berjumlah 43 seksyen termasuk 2 jadual. Pengwujudan seksyen baru dengan 12 seksyen, penggantian seksyen sedia ada iaitu 6 seksyen dan satu seksyen dipotong, dikeluarkan daripada 117 jumlah seksyen yang terdapat dalam Akta Perhutanan Negara, Akta 313 1984. Maka selepas dibuat pindaan jumlah keseluruhan seksyen adalah meningkat menjadi 128 manakala bilangan bahagian fasal dan jadual adalah masih yang sama. Akta Perhutanan Negara Pindaan 2022 ini juga melibatkan peningkatan kadar denda dan hukuman serta penalti tambahan ke atas kesalahan hutan, kenaikan kadar hukuman denda maksimum kesalahan RM500 ribu kepada RM5 juta manakala hukuman penjara maksimum dari 1

tahun sehingga 20 tahun atau kedua-duanya sekali. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan yang diadakan pada 19 Jun 2025 telah bersetuju dan membuat kesan menerima pakai keseluruhan Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 (Akta A1667) dengan pengecualian Seksyen 11 dan Seksyen 12 di dalam Akta 313 sahaja dengan ulasan berikut.

Pertama Seksyen 11, Kerajaan Negeri berpendapat pelaksanaan kaedah penyiasatan awam bagi pewartaan keluar hutan simpan kekal tidak dilaksanakan pada masa kini kerana pihak Kerajaan Negeri tidak mahu penglibatan pihak ketiga orang luar dalam membuat sebarang keputusan bagi penentuan guna tanah yang dikendaki sebagaimana dalam rancangan struktur fizikal negeri dan rancangan tempatan daerah yang jurus kepada perancangan pembangunan guna tanah bagi Negeri Sembilan. Oleh yang demikian, penyiasatan awam tidak akan dilaksanakan di Negeri Sembilan. Keduanya Seksyen 12, Kerajaan Negeri Sembilan mempunyai kekangan dalam mematuhi kehendak akta bagi penggantian kawasan HSK yang telah diwarta keluar memandangkan kekurangan kawasan tanah kerajaan untuk diganti semula menjadi hutan simpan kekal. Bagi projek pembangunan yang berteraskan kepada kepentingan awam, contohnya jalan raya dan infrastruktur asas awam yang lain yang khusus bagi kegunaan masyarakat awam ianya akan diberikan permit penggunaan tanpa diwarta keluar oleh HSK. Kaedah ini diguna untuk mengelakkan pengurangan kawasan HSK. Kaedah ini diguna bagi mengelakkan pengurangan keluasan HSK manakala bagi projek selain pembangunan untuk kepentingan awam maka penggantian HSK akan dilaksanakan. Penerima pakaian Rang Undang-Undang ini tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan kepada peruntukan kerajaan Negeri Sembilan. Namun impaknya adalah untuk menambah baik dan memantapkan pengurusan kawasan-kawasan hutan simpan kekal (HSK). Pengelasan kelestarian sumber alam ekosistem dan kepelbagaian biodiversiti meningkatkan dan memantapkan keberkesanan penguatkuasaan hutan, pengukuhan pembangunan sektor perhutanan seiring dengan perkembangan semasa serta sekaligus meningkatkan hasil pendapatan negeri dan negara sekiranya terdapat denda dan kompaun dikenakan terhadap pelanggaran ke atas akta yang akan dikuatkuasakan nanti.

Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan bahawa Rang Undang-Undang Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 (A167) ini dibaca buat kali kedua untuk pertimbangan dan kelulusan Dewan Undangan Negeri seterusnya menjadi Enakmen Perhutanan Negara (Penerima Pakaian) 2025. Sekian, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB ADUN Pertang:** Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 2025 telah dicadang untuk dibacakan bagi kali yang kedua dan telah disokong. Oleh itu, seterusnya saya kemukakan perkara untuk perbahasan pada dasarnya sahaja.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Dato' Yang Dipertua, terima kasih ucapan sokongan Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) 2025.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ini sambung dari semalam?

**YB ADUN Seremban Jaya:** Bukan, semalam salah rumah masuk, hari ini rumah yang betul. Semalam dua-dua, sudah satu kali campur, tapi hari ini satu rumah, satu pintu. Dato' Yang Dipertua, saya menyatakan sokongan penuh terhadap Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) 2025 yang menerima pakai Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 (A1667) bagi Negeri Sembilan. Saya yakin dan percaya bahawa akta ini diterima pakai demi kebaikan negeri, Negeri Sembilan. Setakat ini, Negeri Sembilan telah menunjukkan prestasi yang sangat baik dalam melindungi hutan-hutan simpanan dan kawasan hijau. Tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan negeri sangat berhati-hati dan bertanggungjawab dalam setiap keputusan berkaitan perhutanan. Dewan Yang Mulia ini saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan, sebab bila 2018 Pakatan Harapan perintah masa itu, sampai hari ini, satu biji atau satu tapak tanah pun tidak diberikan kepada potong kayu balak. Ada lain negeri tada beri kepada potong kayu balak. Ada lain negeri, suma ada beri, potong kayu balak. Itu saya mau ucapan ribuan terima kasih aaa... Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan dan EXCO-EXCO. Sekarang Madani punya EXCO-EXCO pun sama terima kasih ya, terima kasih, terima kasih. Sekarang kita semua kawan baik rapat. Sejak tahun 2018 hingga hari ini saya ingin menegaskan bahawa tidak sebarang kelulusan untuk pembalakan atau memotongkan kayu balak diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan. Ini membuktikan komitmen dan beliau sedar akan kepentingan hutan sebagai warisan negeri, bukan sahaja untuk generasi sekarang, malah untuk masa depan rakyat Negeri Sembilan. Saya juga ingin mencadangkan supaya kawasan sekitar 400 ekar hutan di daerah Port Dickson dikekalkan sebagai kawasan hutan simpanan.

**YB ADUN Lenggeng:** Celah sikit boleh YB Guna, celah sikit boleh?

**YB ADUN Seremban Jaya:** Haa?...

**YB ADUN Lenggeng:** Celah sikit...

**YB ADUN Seremban Jaya:** Boleh...boleh....boleh...

**YB ADUN Lenggeng:** YB Guna, saya cuma nak tahu lah YB Guna, apa keburukannya jika kita keluarkan balak dari Negeri Sembilan ni, sebab tadi YB Guna kata sejak daripada 2018. Sebab kita tengok negeri-negeri lain dalam Malaysia ni banyak jer keluarkan balak. Tapi balak yang terkawal bukan yang tidak dikawal seperti negeri-negeri pembangkang. Sebab negeri-negeri kerajaan pun sampai hari ini masih lagi keluarkan balak. Sekian, Terima kasih.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Ok, terima kasih Timbalan *Speaker* baru, tahniah. Pasal ini hutan satu benda yang penting. Negeri-negeri jual hutan itu nanti MB boleh jawab. Satu keterangan besar, tapi saya boleh cakap sikitlah, hutan itu semestinya penting pasal hujan, panas, semua penting. Sekarang kita punya negeri haa.. lain benda sudah ada. Sekarang ini Menteri Besar Negeri Sembilan, EXCO Kanan, dan EXCO-EXCO semua ada pengalaman. Dia bukan cakap melalui hutan mau cari wang, mau simpan negeri, mau pakai. Bukan.

**YB ADUN Lenggeng:** Mencilah sikit, tapi YB Guna, contohnya, sekiranya kita nak keluarkan balak seribu hektarlah contohkan, kita kena cari tanah yang lain seribu hektar untuk ganti hutan itu maksudnya bukan kita ambil toreh, tak ganti, kita ganti. Kalau kita nampak sekiranya kawasan itu mempunyai potensi dan memberi *income* kepada negeri, *why not* kita keluarkan, tapi yang terkawal yang dibenarkan buat EIA report semua. Dia bukan sekadar potong dan tidak diganti, itu pandangan saya untuk mencelah.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Tapi memang ada penting mau pakai, mesti Dato' MB Yang Amat Berhormat Menteri Besar...

**YB ADUN Lenggeng:** Bukan, saya bukan tanya MB saya tanya YB Guna, sebab dia kata macam keluar balak ni macam rosak sangat hutan ni, sebab negeri lain negeri jiran ada keluarkan, itu sahaja.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Tada, kadang-kadang kita mahu jawab mahu pandai-pandai tak boleh sebut, nanti ini mahu jawab pandai-pandai pasal ada kita punya kira ada.. ada.. terma diorang boleh jaga, tada masalah, ok. Timbalan *Speaker* *thank you*. Saya tak boleh lawan sama you nanti lawan, lain kali takda peluang.

**YB ADUN Labu:** Yang Berhormat Dato' *Speaker* nak mencelah sikit boleh?

**YB ADUN Seremban Jaya:** Boleh, boleh...

**YB ADUN Labu:** Tadi, tadi YB bagitahu sejak daripada kerajaan PH 2018 tidak ada hutan kayu balak dikeluarkan ataupun lesen baru dikeluarkan, tapi saya tak tahulah baru-baru ni orang asli di Kampung Tekir ya, dia cakap ada kebenaran, tapi akhirnya bila mereka buat mogok, tak dikeluarkan, yang pertama. Walaupun memang dah tak ada kayu balak dah dikeluarkan, sebab tadi YB, *insya-Allah* lepas ni akan akan jadi Timbalan, dia bagitahu di tempat-tempat kerajaan eh tempat-tempat pembangkang dia keluar. Sekarang ni tak boleh keluar sebab masa Barisan Nasional diorang dah habis keluaran kayu balak ni. Sebab tu sebab ni dah tak boleh nak keluar.

**YB ADUN Seremban Jaya:** ok, ok, ok sudah faham, sudah faham, ini kira hutan kita sebenarnya cakap dulu...

**YB ADUN Lenggeng:** Negeri, negeri tu tak pernah, rasanya dah lama tak ditadbir oleh Barisan Nasional lah negeri yang saya maksudkan tu, 20 tahun tu, memang negeri pembangkang.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Ok, ok, ok...terima kasih...

**YB Yang Dipertua Dewan:** Seremban, boleh teruskan...

**YB ADUN Lenggeng:** Berkenaan dengan hutan ni ha... tapi tak tahulah kalau ada yang lulus keluar tu, tapi bagi saya kalau diluluskan...

**YB Yang Dipertua Dewan:** Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Seremban Jaya teruskan...

**YB ADUN Lenggeng:** tidak ada masalah selagi dibuat mengikuti tatakelola.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Tapi hutan ada 2 jenis 1 anak dara 1 janda tapi kita ada lagi anak dara, banyak ada. Ok, jangan risau ok, ok, ok, sambung balik kawasan sekitar 400 ekar hutan di daerah Port Dickson dikekalkan sebagai kawasan hutan simpanan. Sekiranya ia memberi manfaat kepada negeri kita selain itu kita boleh mengambil contoh daripada Johor, Johor Bahru yang punyai hutan bandar dan taman hutan yang boleh dijadikan destinasi rekreasi pendidikan alam sekitar dan aktiviti eko-pelancongan rakyat. ok ini saya mau cadangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama kawasan saya lebih kurang bandar. Boleh kalau ada tempat taman hutan saya ada ternampak satu tempat saya ingat itu kerajaan punya tempat. Kira itu taman hutan, kira buat sana memang tempat yang cantik. Saya rayu DUN Seremban Jaya ada satu tempat, nanti saya tempat itu saya angkat gambar saya hantar pejabat daerah melalui prosedur macam mana, kasi tau, nanti saya buat tempat itu banyak cantik lagi kita punya Datuk Bandar sudah ada sini, Yang Dipertua Majlis Bandar Raya Datuk Bandar pun sudah ada sini. OK dua-dua itu satu, lagi satu kira dengan penuh keyakinan dan kepercayaan terhadap

kepimpinan Yang Amat Berhormat MB saya menyokong sepenuhnya pemakaian RUU ini demi kesejahteraan alam sekitar dan rakyat Negeri Sembilan. Saya sokong, terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Klawang..

**YB ADUN Klawang:** Assalamualaikum.. ohh.. (memberi laluan kepada Johol)

**YB Yang Dipertua Dewan:** Johol..

**YB ADUN Johol:** *Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT.* Yang Berhormat Dato' *Speaker*, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sembilan yang terus komited dalam memelihara alam sekitar khususnya kawasan hutan simpan kita dengan membentangkan Rang Undang-Undang Perhutanan Negara iaitu (Pemakaian) Tahun 2025 pada sidang kali ini. Saya berdiri di Dewan Yang Mulia ini untuk menyatakan sokongan terhadap RUU ini dan mengangkat kepentingan sumber hutan sebagai teras pembangunan mampan di negeri kita.

Yang Berhormat Dato' *Speaker*, kita sedar kita semua sedar bahawa isu kelestarian alam sekitar bukanlah satu retorik yang kosong dalam dunia yang semakin mencabar hari ini, keteguhan sesebuah Kerajaan dalam mengurus dan memelihara sumber aslinya adalah petunjuk kepada keprihatinan serta kebertanggungjawaban kepada generasi yang akan datang. Dalam hal ini seperti yang dinyatakan dalam dokumen yang diberikan Rang Undang-Undang ini adalah bagi menerima pakai Akta Perhutanan Negara Pindaan Tahun 2022 sebagaimana diperuntukkan di bawah Fasal 3 Pekara 76 Perlembagaan Persekutuan. Usaha ini walaupun bersifat teknikal memberi isyarat bahawa Negeri Sembilan bukan sahaja menghormati kehendak persekutuan dalam menyalarkasikan dasar-dasar utama seperti pengurusan hutan malah kita bersedia untuk melaksanakannya dengan acuan dan keperluan negeri kita namun begitulah Dato' *Speaker*, saya ingin mengajak Dewan ini untuk merenung sejenak apakah maknanya sebuah hutan kepada kita. Apakah maknanya kepada masa depan Negeri. Bagi saya hutan bukan sekadar kawasan hijau yang luas, ia adalah paru-paru negeri kita, ia melindungi ekosistem, menjadi habitat kehidupan liar, mengawal perubahan iklim dan menyumbang kepada kesejahteraan manusia secara langsung dan tidak langsung. Ia juga merupakan sumber ekonomi seperti hasil hutan, produk eko-pelancongan, serta sumber ilmu dan penyelidikan dengan izin Yang Berhormat Dato' *Speaker*.

Oleh itu adalah menjadi kewajiban kita untuk memelihara warisan ini dengan bersungguh-sungguh justru saya menyokong penuh pemakaian akta ini ke atas Negeri Sembilan, walaupun dengan pengecualian Seksyen 11 dan 12

yang pastinya telah dibuat mengambil kira dan struktur petadbiran negeri kita. Yang Berhormat Dato' *Speaker*, RUU ini pada asasnya memberi kuasa kepada Negeri Sembilan untuk memperkukuh tadbir urus hutan melalui beberapa perkara. Pertama pengukuhan terhadap pewartaan kawasan hutan simpan kekal. Kedua pemberian kuasa yang lebih jelas dan menyeluruh kepada penguatkuasa hutan dalam menjalankan operasi penguatkuasaan termasuk ke atas pembalok haram dan pencerobohan hutan. Dan yang ketiga peluasan skop hukuman terhadap pelaku jenayah hutan serta peningkatan penalti bagi kesalahan yang berkaitan. Namun sebagaimana pentingnya dasar, lebih penting adalah pelaksanaan dan penguatkuasaannya. Ini adalah isu yang ingin saya tekankan di dalam Dewan yang mulia ini, kita tidak boleh leka jangan kita indah dari segi perundangan, tetapi kita pincang dari segi pelaksanaan. Apa gunanya undang-undang yang kita kukuhkan jika di lapangan penguatkuasa kita lemah terhad dan tidak cukup dibekalkan dengan sumber yang diperlukan.

Yang Berhormat Dato' *Speaker*, dalam konteks ini saya menyambut baik langkah Jabatan Hutan Negeri Sembilan yang sejak beberapa tahun lalu telah menggandakan operasi penguatkuasaan termasuk melalui penggunaan teknologi seperti *drone* dalam sistem pemantauan bersepadu. Saya difahamkan bahawa pada tahun lalu sebanyak 98% daripada kawasan hutan simpan kekal di Negeri Sembilan masih berada dalam keadaan terpelihara dan tidak diganggu. Namun tidak memadai dengan angka yang baik ini semata-mata. Kejayaan hari ini tidak menjamin kejayaan esok. Kita mesti terus berwaspada, isu pembalakan haram, aktiviti pertanian tidak sah di kawasan hutan serta pembakaran terbuka yang memberi kesan kepada biodiversiti dan kualiti udara semua ini perlu ditangani secara berterusan tanpa kompromi. Maka saya mencadangkan agar kerajaan negeri meneroka kerjasama yang lebih strategik dengan agensi penguatkuasaan seperti PDRM, Jabatan Alam Sekitar, RELA dan setiap pihak berkuasa tempatan. Di samping itu penglibatan masyarakat setempat dalam pemantauan pemeliharaan kawasan hutan perlu digalakkan melalui program seperti "Hutan Kita, Tanggungjawab Kita", yang boleh digerakkan di peringkat kampung dan ataupun kawasan pinggir hutan.

Yang terhormat Dato' *Speaker*, RUU ini juga selari dengan agenda pembangunan mampan negeri seperti yang telah digariskan dalam rancangan struktur Negeri Sembilan tahun 2045. Serta pelan tindakan alam sekitar negeri. Kita tidak boleh bercakap tentang pembangunan tanpa mengambil kira kelestarian Kalau tidak *we are sawing off the branch we are sitting on* dengan izin. Dengan pemakaian akta ini kita sekaligus turut menyatakan bahawa Negeri Sembilan menolak ssekeras-kerasnya aktiviti yang menjejaskan kepentingan awam demi keuntungan jangka pendek. Kita menyokong pertumbuhan ekonomi di mana yang dikatakan oleh Lenggeng tadi, tetapi bukan atas kerutuhan alam semula jadi. Saya ingin menekankan

bahawa kelestarian alam bukan hanya soal pokok dan haiwan tetapi soal keadilan antara generasi. Kalau kita gagal bertindak sekarang, maka anak cucu kita yang akan menanggung akibatnya. Oleh itu Rang Undang-Undang ini harus dilihat sebagai *commitment* kita bersama bukan sahaja sebagai wakil rakyat tetapi sebagai penjaga amanah bumi.

Yang Yehormat Dato' *Speaker* sebelum saya mengakhiri perbahasan ini saya ingin menegaskan sekali lagi beberapa perkara, pertama Akta ini perlu diterima pakai secara strategik dan holistik. Kedua penguasaan harus undang-undang haruslah diperkasakan bukan sahaja dari segi aspek fizikal tetapi juga moral dan etika penjawat awam. Ketiga masyarakat mesti dididik dan digalakkan untuk menjadi rakan kongsi dalam pemeliharaan hutan negeri ini. Kerajaan perlu meletakkan usaha pemeliharaan hutan sebagai pelaburan jangka panjang bukan liabiliti. Kita perlu sedar bahawa hutan bukan sahaja menjana oksigen tetapi menjana harapan untuk masa depan yang lebih jauh, masa depan yang lebih hijau lebih bersih dan lebih Sejahtera. Akhir kata, Dato' *Speaker* izinkan saya memetik satu pepatah Inggeris yang sangat bermakna iaitu "*The best time to plant a tree was 20 years ago the second best time is now*", maka marilah kita tanam pokok harapan ini agar negeri Sembilan terus mengijau esok dan selama-lamanya. Sekian saya menyokong. Terima kasih.

**YB ADUN Klawang:** *Assalamualaikum WBT* Terima kasih Dato' Yang Dipertua, *Audzubillahiminasyaitonirrojim Bismillahirrohmanirrohim.* (Bacaan dari petikan ayat Al-Quran) yang bermaksud: "*Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan manusia Timbulnya yang demikian kerana Allah hendak merasakan kepada sebahagian mereka balasan perbuatan buruk yang telah mereka lakukan supaya mereka kembali*".

Dato' Yang Dipertua, terima kasih memberi saya peluang untuk berbahas RUU untuk menerima pakai Perhutanan Negara Pindaan 2022 seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Johol tadi ianya memang satu keperluan dan disebabkan kesempatan ini, saya ucapkan tahniah kepada Dato' Seri Utama MB dan juga Jabatan Perhutanan yang telah mengambil inisiatif ini memelihara kawasan hutan kita yang dicipta oleh Allah SWT supaya tidak tercemar oleh anasia-anasia ataupun unsur-unsur yang tidak bertanggungjawab. *Greenland* negara kita ini dengan izin Dato' Yang Dipertua, tidak tenilai yang perlu kita pelihara untuk kita wariskan kepada anak cucu kita di masa hadapan. Kok dah habih kono tarah, habih disalahgunakan, apo laie yang tinggal nanti untuk kita wariskan kepada mereka Dato' Yang Dipertua.

Walaupun begitu, Dato' Yang Dipertua, saya amat setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Johol tadi walaupun kita ada undang-undang tetapi pemantauan dan penguatkuasaan mesti dilaksanakan dengan berkesan terutamanya dalam senarai kesalahan-kesalahan dalam bahagian 7. Saya mendapati ni semasa aktiviti *hiking* saya lah Dato' Yang Dipertua, adanya unsur-unsur yang tidak sihat yang dilakukan dalam kawasan hutan ini terutamanya kawasan-kawasan hutan lipur yang mana sampah yang tidak terurus malah ada yang dijadikan tempat minum arak. Ini adalah satu keadaan yang tidak sihat dilakukan di tempat awam. Mungkin terpencil tetapi kalau dibiarkan ini akan menjadi besar dan barah di masa hadapan. Saya mohon jabatan supaya memantau aktiviti pengunjung terutamanya di hujung minggu malah mensyaratkan mungkin pengunjung-pengunjung ini supaya membawa keluar balik dia punya sampah-sampah yang mereka bawa ke dalam untuk aktiviti mereka ini, seperti yang dijalankan oleh Jabatan PERHILITAN di Taman Negara Kuala Tahan. Tidak sehelai plastik pun boleh ditinggalkan, malah kalau kasut yang rosak pun bawa balik tidak mahu ditinggalkan di dalam di dalam hutan sana. saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini Dato' Yang Dipertua adanya terdapat pencurian kayu kayan kita di hutan kita. Saya mohon jabatan membuat operasi bersepadu untuk mencegah aktiviti ini dan mencegah ketirisan pendapatan negeri.

Dato' Yang Dipertua dengan kata-kata itu saya dengan ini menyokong penuh RUU untuk menerima pakai Akta Perhutanan Negara Pindaan 2022. Sekian, terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya mempersilakan pihak kerajaan untuk menjawab.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih atas perbahasan yang diberikan daripada Seremban Jaya, Johol dan Klawang. Terima kasih atas peringatan, atas kebersamaan dalam kita memastikan bahawa hutan ini adalah harta yang amat bernilai bagi kita semua. Seremban Jaya, tanah 400 ekar di Port Dickson, hutan simpan pastinya akan kita kekalkan. Lenggeng mencelah berhubung dengan pembalakan, saya rasa memang perlu ada pembalakan terpilih, tetapi buat masa ini kita belum keluarkan lagi, biarlah dia lebih matang lagi, supaya pada masa akan datang akan memberikan manfaat kepada golongan yang akan datang. Seremban Jaya, Taman Hutan saya tak nampak dekat Seremban Jaya ada Taman Hutan. Yang saya nampak taman batu ada banyak, perumahan taman perumahan. Nanti kita tengok balik kalau itu sesuai kita laksanakan dengan PBT. Labu mencelah isu di Gala. Ini isu dia adalah laluan dimana orang asli tidak benarkan dan kita sedia maklum bahawa ini adalah konsesi yang telah lama, tapi dia baru nak balak lepas itu oleh kerana itu kita terpaksa cari tanah ganti kepada kawasan baru untuk ganti kawasan balak tersebut. Kita tak boleh

batal sebab dia dah bayar lama dah, dulu lagi dia dah bayar. Jadi apabila dia lambat masuk jadi kita terpaksa cari tanah baru untuk ganti. Jadi ini antara beberapa isu. Ada beberapa isu yang timbul sekarang apabila konsesi yang diberikan kepada mereka ataupun permit yang diberikan kepada mereka dahulu mereka tak mula. Apabila mereka mula, ada bantahan terpaksa kita lihat keperluan daripada masa ke semasa untuk mencari tapak-tapak baru dan yang bersesuaian dengan nilai yang mereka telah bayar. Jadi ini antara yang hari ini terpaksa kita sama-sama mencari dan itu tanggungjawab pihak hutan untuk mencari tanah ganti kepada mereka. Johol menyatakan tentang penguatkuasaan yang tegas. Ini merupakan satu perkara yang sepatutnya kita laksanakan. Apa jua bidang penguatkuasaan di negeri ini harus tegas, harus, harus berani supaya kita tidak dapat melaksanakan peraturan undang-undang itu dengan tepat sekali. Pandangan Johol akan diberikan perhatian. Kita sedia maklum bahawa kesan-kesan ataupun peranan hutan itu amat besar kepada kita. Klawang mencadangkan kebersihan hutan untuk kita pelihara. Kita hari ini kita sedar bahawa tumpuan kita hari ini adalah menggalakkan pelancongan eko-rimba yang mana memberikan satu pulangan yang agak besar kepada negeri dan bertumbuh setiap tahun, meningkat setiap tahun, hasil yang kita kutip dari pelancongan eko-rimba ini dan memberikan pendapatan baru kepada pihak Jabatan Hutan Kalau dulu kita hanya berharap kepada hasil tebangan ataupun hasil royalti daripada penebangan hutan, tetapi hari ini hasil utama kita adalah kita utamakan kepada pelancongan eko-rimba ini, dan apabila kawasan eko-rimba ini dijadikan kawasan pelancongan keutamaan adalah kebersihan di kawasan tersebut dan saya menyeru kepada masyarakat supaya memastikan bahawa kebersihan taman-taman hutan ini dapat ditingkatkan dan saya juga mohon penguatkuasa di Jabatan Hutan untuk melihat dan mengambil tindakan. Jabatan Hutan mengambil tindakan untuk membersihkan kawasan-kawasan hutan kita yang ada masalah kebersihan ini. Jadi itu saja Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Perbahasan Rang Undang-Undang ini telah diberi maklum balas oleh pihak Kerajaan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua, sila angkat tangan. Yang tidak setuju? Yang berkecuali? Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

**[Keputusan undian: 28 orang ahli Yang Berhormat bersetuju.**

**YB ADUN Palong, YB ADUN Nilai, YB ADUN Chembong, YB ADUN Jeram Padang, YB ADUN Seri Menanti, YB ADUN Kota, YB ADUN Gemenchek tiada di dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan. YB ADUN Rantau tidak hadir]**

**Setiausaha Dewan:** Satu Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Perhutanan Negara Pemakaian 2025.

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya dewan bersidang secara jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbangkan sefasal demi sefasal.

**YB ADUN Pertang:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian yang bersetuju Dewan bersidang secara jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbangkan sefasal demi sefasal sila angkat tangan. Yang tidak setuju? Yang berkecuali? Dewan bersidang secara jawatankuasa.

**[Keputusan undian: 29 orang ahli Yang Berhormat bersetuju. YB ADUN Nilai, YB ADUN Chembong, YB ADUN Jeram Padang, YB ADUN Seri Menanti, YB ADUN Kota, YB ADUN Gemencheh tiada di dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan. YB ADUN Rantau tidak hadir].**

**[Cokmar Diturunkan]**

**[Dewan bersidang secara Jawatankuasa]**

**Setiausaha:** Fasal Satu.

**Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian ada apa-apa bantahan? jika tiada Fasal Satu adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**Setiausaha:** Fasal Dua.

**Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian ada apa-apa bantahan? Jika tiada Fasal Dua adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dikemukakan kepada Dewan.

**YB ADUN Pertang:** Yang Berhormat Dato' Pengerusi saya bangun menyokong cadangan itu.

**Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan. Yang tidak setuju? Yang berkecuali? Dewan bersidang semula.

**[Keputusan undian: 29 orang ahli Yang Berhormat bersetuju. YB ADUN Nilai, YB ADUN Chembong, YB ADUN Jeram Padang, YB ADUN Seri Menanti, YB ADUN Kota, YB ADUN Gemencheh tiada di dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan. YB ADUN Rantau tidak hadir].**

**[Cokmar dinaikkan]**

**[Dewan bersidang semula]**

**[Bacaan kali ketiga]**

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyatakan bahawa Rang Undang-Undang Bernama Satu Enakman Perhutanan Negara (Pemakaian) 2025 telah ditimbangkan sefasal demi sefasal dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan.

**YB ADUN Pertang:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan sila angkat tangan. Yang tidak setuju? Yang berkecuali? Rang Undang-Undang ini akan dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

**[Keputusan undian: 30 orang ahli Yang Berhormat bersetuju. YB ADUN Nilai, YB ADUN Chembong, YB ADUN Jeram Padang, YB ADUN Seri Menanti, YB ADUN Kota, tiada di dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan, YB ADUN Rantau tidak hadir].**

**Setiausaha Dewan:** Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 2025 dikanunkan oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin dengan nasihat dan persetujuan Dewan Undangan Negeri

**YB Yang Dipertua Dewan:** Memandangkan kita masih ada masa lagi, saya mencadangkan agar agenda pada hari ketiga diteruskan pada hari ini. Mohon pandangan dewan juga.

**Semua Ahli Dewan:** Setuju

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya mohon setiausaha untuk meneruskan agenda berikutnya.

5. **PEMILIHAN AHLI DEWAN NEGARA MELALUI DEWAN UNDANGAN NEGERI (KERTAS DEWAN BIL.3/2025)**

**Setiausaha Dewan:** Perkara Kelima, Pemilihan Ahli Dewan Negara melalui Dewan Undangan Negeri.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, perkara kelima adalah Pemilihan Ahli Dewan Negara. Mengikut Fasal 1(2) dalam Jadual Yang Ketujuh Perlembagaan Persekutuan setiap kali berlaku kekosongan di kalangan Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Negeri, Yang Dipertua Agong hendaklah memberi notis pada Raja atau Yang Dipertua Negeri bagi Negeri itu bahawa Ahli Dewan Negara dikendaki dipilih dan Raja atau Yang Dipertua Negeri itu hendaklah menghendaki Dewan Undangan memilih seorang Ahli Dewan Negara dengan seberapa segera yang boleh. Satu perkara yang bertajuk Pemilihan Ahli Dewan Negara telah pun dimasukkan dalam susunan mesyuarat dan Dewan ini dikehendaki memilih Ahli Dewan Negara. Oleh itu saya mempersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

**YB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dimaklumkan bahawa Dewan ini telah menerima permakluman berhubung tempoh perkhidmatan bagi Dewan Negara yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri seperti berikut. Pertama, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l Achyutan Nair telah tamat tempoh perkhidmatan pada 24 April 2025. Keduanya Yang Berhormat Senator Dato' Doktor Ahmad Azam bin Hamzah akan tamat tempoh perkhidmatan beliau pada 14 Ogos 2025. Oleh itu saya bangun mencadangkan agar pemilihan Ahli Dewan Negara dilaksanakan melalui Dewan Undangan Negeri ini.

**YB ADUN Pertang:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat telah pun mencadangkan supaya pemilihan Ahli Dewan Negara dilaksanakan dan cadangan itu telah pun mendapat sokongan. Cadangan ini saya kemukakan untuk dibahaskan jika ada.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ya.

**YB ADUN Johol:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, kerana memberi saya berbahas sekali lagi. Ini adalah kali ketiga saya berdiri untuk berbahas pada sesi sidang kali ini sebagai Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan Barisan

Nasional di Dewan Yang Mulia ini. Saya terpanggil membahaskan mengenai pelantikan Ahli Dewan Negara ini kerana kepentingan jawatan ini untuk membawa suara kita di negeri ini ke peringkat nasional iaitu di Dewan Negara. Pelantikan ini mencerminkan asas utama politik di negeri ini menerusi pendekatan terhadap politik perpaduan yang matang, progresif dan inklusif.

Yang Berhormat Dato' *Speaker* izinkan saya memulakan dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada sahabat kita Yang Berhormat Lenggeng, atas pelantikan beliau sebagai Timbalan *Speaker* Dewan Undangan Negeri yang baru. Tugas sebagai Timbalan *Speaker* memerlukan bukan sekadar pemahaman yang mendalam terhadap peraturan mesyuarat, tetapi juga memerlukan keupayaan untuk mengemudi perbahasan secara tertib, adil berhemah dan saya yakin keupayaan ini dimiliki oleh sahabat saya Yang Berhormat Lenggeng.

Yang terhormat Dato' *Speaker* dalam konteks yang lebih besar pelantikan ini ada simbol bahawa Barisan Nasional di Negeri Sembilan bukan hanya menjadi rakan sekutu tetapi ada rakan yang sejajar dalam membina kekuatan politik bersama-sama Pakatan Harapan. Kita tidak sekadar berkongsi kuasa secara angka, tetapi kita berkongsi prinsip visi, misi, yang sama untuk memakmurkan negeri ini *this is essence of a true unity government, not in word, but in action* pelantikan Timbalan *Speaker* daripada Barisan Nasional ini juga menunjukkan bahawa kita benar-benar menghormati semangat kebersamaan dan saling percaya yang telah menjadi tunjang kepada kestabilan politik Negeri Sembilan yang sejak penggal yang lalu. Yang Berhormat Dato' *Speaker*, dalam nafas yang sama saya ingin menyatakan sokongan penuh terhadap dua usul pelantikan Ahli Dewan Negara yang mewakili Negeri Sembilan masing-masing daripada ahli-ahli yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Sikamat. Saya percaya bahawa kedua-dua calon ini telah melalui pertimbangan yang teliti oleh Kerajaan Negeri dan mereka mewakili aspirasi rakyat pelbagai lapisan di Negeri Sembilan. Walaupun sebenarnya saya yakin Barisan Nasional juga mempunyai calon pemimpin akar umbi untuk diangkat sebagai Ahli Dewan Negara, tetapi atas semangat kompromi dan kerjasama, kami di Barisan Nasional menyokong pelantikan ini yang melibatkan calon daripada parti kerajaan perpaduan.

Yang Berhormat Dato' *Speaker*, sekali lagi kita melihat bahawa semangat kerajaan perpaduan diterjemahkan dalam bentuk pelantikan yang seimbang dan inklusif. Tidak ada dominasi atau satu pihak, sebaliknya yang wujud ialah perkongsian amanah dan tanggungjawab. Ini bukan perkara kecil dalam *landscape* politik Malaysia hari ini yang sering kita terperangkap dalam permainan persepsi dan perpecahan. Negeri Sembilan muncul sebagai model sebenar sebagaimana Kerajaan pelbagai parti boleh berfungsi secara

harmoni dan berkesan. *Unity is a strength when there is a teamwork and collaboration, wonderful things can be achieved.* Kata pepatah Inggeris ini benar-benar hidup dalam amalan pentadbiran kita di negeri ini. Dewan Negara seperti yang kita sedia maklum, bukan sahaja menjadi platform semak dan imbang tapi juga ruang untuk memperjuangkan kepentingan negeri-negeri. Maka pelantikan ini harus mencerminkan semangat Negeri Sembilan yang progresif dan berpandangan jauh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam apa jua Kerajaan Campuran, cabaran utama adalah membina dan mengekalkan kepercayaan. Tapi di Negeri Sembilan kita telah menunjukkan bahawa kepercayaan itu bukan sekadar boleh dibina tetapi ia boleh berkembang menjadi kekuatan bersama. Di sini saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan bukan gabungan yang dipaksa-paksa. Ini adalah hasil kesepakatan jujur dan kompromi antara rakan-rakan politik yang bersedia meletakkan kepentingan rakyat mengatasi agenda politik. Itulah yang membezakan kita dan saya percaya pelantikan yang kita buat hari ini iaitu sama ada Timbalan *Speaker* atau Ahli Dewan Negara membuktikan bahawa politik nilai masih hidup di negeri kita.

Yang Berhormat Dato' *Speaker*, saya ingin menyentuh sedikit mengenai betapa pentingnya pelantikan ini kepada legitimasi dan kekuatan Kerajaan Perpaduan di Peringkat Persekutuan. Dengan menghantar dua wakil yang berwibawa ke Dewan Negara, Negeri Sembilan menghantar mesej bahawa kita bukan sahaja menyokong Kerajaan Perpaduan dengan slogan, tetapi kita komited untuk menyumbang secara aktif kepada kestabilan dan dasar negara. Kita mahu suara Negeri Sembilan didengar dalam pembentukan dasar di Peringkat Nasional dan juga kita mahu suara itu datang dari pemimpin yang difahami dan dihormati oleh rakyat negeri sendiri. Maka Yang Berhormat Dato' *Speaker*, maka apa yang kita lakukan hari ini ia membawa mesej bahawa Negeri Sembilan adalah tanah perpaduan kematangan dan tanggungjawab sama. Saya menyeru agar semangat ini terus dikekalkan dan ditanam dalam setiap dasar pelantikan dan keputusan Kerajaan Negeri. Inilah Negeri Sembilan yang kita banggakan. Bukan sahaja stabil tetapi bersatu. Bukan sahaja makmur tetapi adil. Bukan sahaja cemerlang tetapi inklusif. Saya dengan ini menyokong sepenuhnya kedua-dua pelantikan ini. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong ini.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih.

**YB ADUN Chennah:** Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Saya terpanggil untuk memberikan sepatah dua kata untuk menyambut apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Johol, mewakili *Backbenchers Club* ataupun Kelab Penyokong Kerajaan. Ucapan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Johol itu cukup baik, cukup tepat sekali. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan juga kepada rakan-

rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat, khususnya daripada *Backbenchers*, daripada Barisan Nasional dan juga Pakatan Harapan kerana sama-sama menyokong cadangan pelantikan kedua-dua calon Ahli Dewan Negara yang kita akan putuskan pada hari ini.

Saya tertarik dengan apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Johol, bahawa cara pengendalian ataupun cara berpolitik kita di Negeri Sembilan ini mengambil kira faktor-faktor inklusif dan perpaduan, dan ini diterjemahkan dari cara pelantikan-pelantikan yang telah kita buat termasuklah semalam pelantikan Yang Berhormat Lenggeng sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Lenggeng, juga di bawah Parlimen Seremban, saya ucap tahniah. Itu melambangkan bahawa dalam konteks kerjasama politik kita di Negeri Sembilan, ini melambangkan satu model kerajaan perpaduan, kerajaan campuran yang cukup baik kerana tidak seperti yang dikatakan tidak ada mana-mana satu pihak mendominasi apa-apa jawatan. Ini saya rasa cukup terbukti di Negeri Sembilan ini bahawa inilah semangat kerjasama yang kita nak bawa, tak ada mana-mana pihak mendominasi tetapi kita bekerjasama dalam satu pasukan kita bekerjasama dalam satu kerajaan campuran dan kerajaan perpaduan demi untuk kita memajukan dan membawa kesejahteraan kepada rakyat. Ini jauh berbeza dengan cara berpolitik di negeri-negeri lain.

Kalau kita lihat model-model dekat lain, dia sebenarnya didominasi oleh satu pihak sahaja tetapi di Negeri Sembilan, dalam konteks kita ini tidak. Kita mengamalkan semangat kerjasama yang cukup baik dan dari segi perjawatan-perjawatan dan sebagainya memang kita berunding, kita berbincang dan kita membawa satu semangat untuk bersama-sama, bersatu padu dan saya rasa dengan semangat ini kita akan membawa Negeri Sembilan jauh ke hadapan dan maju lagi dan saya yakin bahawa model kerjasama ini ataupun cara kita berpolitik di Negeri Sembilan ini menjadi contoh di seluruh negara. Menjadi contoh malah kepada peringkat pusat dan saya yakin bahawa ini sesuatu model politik yang akan menjamin bukan sahaja kestabilan politik tetapi juga akan membawa lebih banyak pembangunan dan kemajuan kepada rakyat dan juga kepada negeri kita. Jadi saya berharap bahawa berdua calon yang akan diputuskan nanti berusaha bersungguh-sungguh untuk membawa aspirasi dan juga membawa suara Negeri Sembilan ke peringkat Dewan Negara, ke peringkat Senat dan kita mesti ingat bahawa walaupun kita di datang daripada parti yang berbeza tetapi yang paling penting ialah kepentingan Negeri Sembilan mesti diutamakan, kepentingan Negeri Sembilan sebagai sebuah negeri dan sebagai rakyat Negeri Sembilan mesti dipentingkan dan diutamakan dalam apa sahaja kita laksanakan sebagai Ahli Dewan Negara. Dan saya nak rakamkan ucapan tahniah kepada Saudara Jufitri bin Joha yang dicalonkan ah belum lantik, yang dicalonkan, dicalonkan, yang dicalonkan, yang menjadi calon ini

seorang tokoh akademik, tokoh belia yang dicalonkan oleh Dewan Undangan Negeri pada hari ini, dan yang keduanya Saudara Wu juga seorang pemimpin akar umbi yang lama, yang berpengalaman dan saya harap ini mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya berharap bahawa pencalonan-pencalonan ini yang telahpun dibawa oleh pihak Kerajaan Negeri ke Dewan yang Mulia pada hari ini mendapat restu, mendapat sokongan daripada semua ahli Yang Berhormat. Dengan kata-kata itu saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Saya persilakan Yang Amat Berhormat.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Johol yang menyatakan bahawa Kerajaan Perpaduan yang baik, kompromi, politik matang, ini antara perkara yang setiap kita tekankan dan Chennah tadi menyatakan tentang hubungan baik, kerjasama menjadikan contoh pada negeri-negeri lain. Negeri ini merupakan satu contoh yang kita dapat laksanakan dalam keadaan yang baik. Terima kasih kepada pimpinan, pimpinan Barisan Nasional daripada EXCO Kanan kita, daripada Yang Berhormat Chennah dan semua kepimpinan yang ada di dalam Dewan ini.

Burung merbah hingga di dahan,  
Terbang bersama di waktu petang.  
Kerajaan Perpaduan jadi sandaran.  
Membina negeri aman gemilang.  
Sekian, terima kasih.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul pemilihan Ahli Dewan Negara telah pun dicadang, disokong, dibahas serta telah dijawab oleh pihak kerajaan. Ahli-ahli Yang Berhormat Yang bersetuju dengan usul ini sila angkat tangan. Yang berkecuali? Ada 5 ya.

**[Keputusan undian: 26 orang ahli Yang Berhormat bersetuju.**

**5 orang ahli Yang Berhormat berkecuali.**

**YB ADUN Chembong, YB ADUN Jeram Padang, YB ADUN Seri Menanti, YB ADUN Kota, tiada di dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan]**

Usul ini diluluskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan telah menerima satu pencalonan untuk mengisi setiap kekosongan yang telah dinyatakan sebentar tadi. Satu, bagi mengisi kekosongan Yang Berhormat Dato' Senator Kesavadas a/l Achyutan Nair. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan bahawa Doktor Jufitri bin Johar adalah dicalonkan sebagai Ahli Dewan Negara, juga mencadangkan Dewan menetapkan tarikh kuatkuasa pelantikan adalah mulai tarikh calon mengangkat sumpah di Dewan Negara.

**YB ADUN Pertang:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Doktor Jufitri bin Johar telah dicadang, telah dicadangkan dan telah disokong sebagai calon Ahli Dewan Negara. Memandangkan seorang sahaja yang dicalonkan dan telah disokong, saya dengan ini memasyhurkan Doktor Jufitri bin Johar dipilih sebagai calon ahli Dewan Negara dan Dewan ini menetapkan cadangan tarikh kuatkuasa pelantikan beliau adalah mulai tarikh beliau mengangkat sumpah di Dewan Negara. Saya jemput Doktor Jufitri bin Johar untuk berdiri sebentar. Tahniah diucapkan.

Keduanya, bagi mengisi jawatan yang bakal dikosongkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Saya mempersilakan Yang terhormat, Yang Berhormat ADUN Sikamat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya mencadangkan bahawa Dato' Wu Him Ven yang dicalonkan sebagai Ahli Dewan Negara. Saya mencadangkan Dewan menetapkan tarikh kuatkuasa pelantikan adalah mulai tarikh calon mengangkat sumpah di Dewan Negara.

**YB ADUN Bahau:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong pencalonan tersebut.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Dato' Wu Him Ven telah dicadang, telah dicadangkan dan telah disokong sebagai calon ahli Dewan Negara. Memandangkan seorang sahaja yang dicalonkan dan telah disokong, saya dengan ini memasyhurkan Dato' Wu Him Ven dipilih sebagai calon ahli Dewan Negara dan Dewan ini menetapkan cadangan tarikh kuatkuasa pelantikan beliau adalah mula tarikh beliau mengangkat sumpah di Dewan Negara. Saya jemput Dato' Wu Him Ven untuk berdiri sebentar. Tahniah diucapkan.

## 6. PENANGGUHAN PERSIDANGAN

**Setiausaha Dewan:** Perkara keenam, Penangguhan Persidangan.

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan dengan ucapan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana telah berjaya mengendalikan Persidangan Dewan.

**YB ADUN Pertang:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan untuk menangguhkan Persidangan Dewan telahpun dibuat dan mendapat sokongan. Sementara itu, saya menerima sebanyak 9 permohonan daripada Yang Berhormat berikut. Yang Berhormat ADUN Seremban Jaya, Yang Berhormat ADUN Chembung, Yang Berhormat ADUN Juasseh, Yang Berhormat ADUN Johol, Yang Berhormat ADUN Seri Menanti, Yang Berhormat ADUN Sungai Lui, Yang Berhormat ADUN Lenggeng, Yang Berhormat ADUN Paroi, dan Yang Berhormat ADUN Gemenchek. Berdasarkan Peraturan-Peraturan 29, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri, adalah ditetapkan hanya 5 orang yang akan menyampaikan ucapan di dalam sidang kali ini. Yang Berhormat Sungai dan Yang Berhormat Juasseh telah menarik diri dari menyampaikan ucapan penangguhan. Dengan ini, saya menjemput...

**YB ADUN Johol:** Johol pun tarik diri.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Dato' *Speaker*,

**YB ADUN Johol:** Dato' *Speaker*, saya Johol pun tarik diri.

**YB ADUN Seremban Jaya:** Dato' *Speaker*, mohon minta maaf, saya pun tarik diri.

**YB ADUN Johol:** Saya pun tarik diri.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Tarik diri. Jadi, Johol dan Seremban Jaya.

**YB ADUN Gemenchek:** Gemenchek pun tarik diri, Dato' *Speaker*.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Okay. Chembung tak ada. Jadi, saya persilakan Yang Berhormat ADUN Paroi.

**YB ADUN Paroi:** *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Alhamdulillah.* Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Menteri Besar. Sahabat-sahabat Ahli Dewan Undangan Negeri yang saya hormati. *Assalamualaikum* sekali lagi dan salam sejahtera pada semua. Saya mulakan ucapan ini dengan menzahirkan rasa kesyukuran

kehadrat Allah SWT kerana kita telah berjaya menyempurnakan Persidangan Dewan Undangan Negeri ini dengan tertib *insya-Allah*, ya. Dalam dua hari. Patutnya tiga hari, hari ini jadi dua hari. Tak macam tahun lepas lah. Daripada tiga hari jadi tiga jam. *Alhamdulillah* kerana tahun ini bagus. Setiap tinggi penghargaan saya ucapkan kepada pihak pentadbiran DUN, petugas keselamatan dan semua pihak yang menjayakan perjalanan persidangan kali ini.

Dato' Yang Dipertua, izinkan saya menyampaikan ucapan penangguhan persidangan kali ini dengan mengangkat satu tema yang menjadi tulang belakang kepada sistem demokrasi berparlimen kita iaitu semak dan imbang pentadbiran kerajaan negeri. Semak dan imbang tidak sewajarnya dilihat daripada demokrasi perbezaan dan penentangan tetapi sebaiknya dilihat sebagai pelengkap dan mengasah mekanisma, aplikasi demokrasi bagi memastikan segala dasar perancangan dan pelaksanaan kerajaan sentiasa berada dalam ruang amanah dan ketelusan. Tanpa peranan ini, suara rakyat akan tenggelam dan kebertanggungjawaban akan luntur sedikit demi sedikit. Dalam konteks ini, saya ingin menegaskan bahawa kami 5 orang Ahli Dewan Undangan Negeri di Blok Pemangkang adalah sebuah institusi semak dan imbang yang sah, diiktiraf perundangan dan wajib dihormati semua pihak. Kami adalah wakil rakyat yang dipilih secara sah oleh 219,303 pengundi yang sah dan kehadiran kami di sini adalah tanggungjawab untuk menyampaikan suara rakyat. Namun malangnya, peranan ini tidak dihormati, seringkali dinafikan atau disekat baik secara halus maupun terang-terangan. Antaranya, penglibatan ADUN pembangkang dalam mesyuarat kerajaan tempatan dan juga daerah. Saya terpanggil untuk memberi respon kepada satu artikel dan Akhbar Negeri Kita edisi 3, 2025 muka surat 3 bertajuk pembuat polisi yang disibukkan dengan urusan PBT. Ini isu anjing ni yang ditulis oleh kedua ketua editornya Saudara Ahmad Syahir Muhammad Syah, Setiausaha Akhbar Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan.

Dato' Yang Dipertua, sebagai contoh saya sebagai ADUN Paroi yang mana sebahagian kawasannya terletak dalam pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban tidak dijemput atau dilibatkan dalam Mesyuarat Majlis Bandaraya Seremban. Bagaimana saya ingin menyalurkan pandangan rakyat dalam DUN saya jika suara dan juga pandangan saya disekat, walaupun isu yang dibincangkan melibatkan kawasan saya sendiri seperti pembangunan, infrastruktur pengurusan sampah, pengurusan bencana, lesen penjaja dan hal ehwal Masyarakat.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Paroi...

**YB ADUN Paroi:** Ya..

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ini ucapan penangguhan, dia bukan kita menggulungkan perbahasan Dewan ni daripada mula sampai habis.

**YB ADUN Paroi:** Sekejap, sikit je...

**YB Yang Dipertua Dewan:** Sini hanya kita memberi kata-kata penangguhan, macam selamat bersidang, begitu sahajalah...

**YB ADUN Paroi:** Ya lah, saya...

**YB Yang Dipertua Dewan:** Jangan kita nak kumpulkan balik semua isu-isu di sini dalam satu ucapan tu.

**YB ADUN Paroi:** Oklah, ok, begitu juga dengan mesyuarat jawatankuasa, ini untuk kebaikan masyarakat, jawatankuasa pembangunan daerah yang merupakan...

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ada tempat dia, Yang Berhormat, dia ada ruang dia tapi kali ini ruang penangguhan saja.

**YB ADUN Paroi:** Ok, dan akhir sekali kami memandang, ini sikit pandangan yang serius tentang isu pelantikan kewangan negeri yang dalam masa, ini semak dan imbang ya, memangku jawatan Datuk Bandar Datuk Bandar Seremban. Ini menimbulkan konflik kepentingan yang jelas, saya mohon supaya semak dan imbang yang tinggal ini jika satu ini menguasai kedua-dua posisi strategik dalam pentadbiran dan pelaksanaan. Bagaimanapun proses penilaian dan kelulusan kewangan dapat berlaku dengan bebas. Ini pandangan kami dan ini boleh menjejaskan prinsip pentadbiran yang sihat dan harus diambil tindakan segera oleh kerajaan negeri dan kita tidak boleh benarkan sebarang susunan pentadbiran yang membuka ruang kepada risiko penyalahgunaan kuasa dan kekaburan. Maknanya Pegawai Kewangan Negeri dan juga memangku jawatan Datuk Bandar mesti Datuk Bandar itu jawatannya diisi dengan secepat yang mungkin itu untuk kebaikan pentadbiran negeri.

Dato' Yang Dipertua, akhir kata, marilah kita menginsafi bahawa politik bukan sekadar gelanggang menang dan kalah, tetapi amanah untuk memelihara harapan rakyat. Kembalikan ia kepada prinsip, bukan dendam, kepada nilai, bukan nafsu kuasa, percayalah dengan mendekat prinsip semak, semak dan imbang yang telus dan ikhlas tidak melemahkan kerajaan, malah memperkukuhkan keyakinan rakyat terhadap kematangan sistem demokrasi kita. Izin saya tinggalkan dua rangkap pantun sebagai penutup bicara.

Dato' Yang Dipertua, saya tujukan kepada Penyelaras ADUN Paroi, yang menang SUKNES semalam. Mudah-mudahan. Maknanya

Keringat rakyat menabur bakti,  
Usaha dibuat tidak dipandang,  
Yang berjuang diketepi,  
Yang tak dipilih ligat menayang.

Pantun kedua:

Tugas siapa biar bererti  
Amanah rakyat bukan mainan  
Kalau gatal nak jadi YB  
Elok bertanding pilihanraya depan

Untuk kebaikan bersama dan ini saya akhiri ucapan ini, terima kasih Dato' Yang Dipertua, mudahan kebaikan kepada kita sebagai semak, semak dan imbang. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah, Assalamualaikum WBT*

**YB Yang Dipertua Dewan:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Berhormat Paroi, saya minta perkataan tu tarik balik.

**YB ADUN Paroi:** Yang mana tu?

**YB Yang Dipertua Dewan:** Sindiran yang macam tu tak boleh di dalam dewan. Yang Berhormat.

Tarik balik, Tarik balik (suara ahli dewan)

**YB ADUN Paroi:** Yang mana tarik tu.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Yang kata gatal tu, apa perkataan tu di dalam dewan.

**YB ADUN Paroi:** *Insya-Allah* saya kata.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Bangun tarik balik.

**YB ADUN Paroi:** *Insya-Allah* saya doakan jadi YB yang akan datang.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Kalau jemput kata boleh tu semua orang dibuka pada semua orang untuk bertanding, tapi jangan kata jangan perli-perli dalam dewan.

**YB ADUN Paroi:** Tak, yang menjadi isu sekarang ini nama ADUN Paroi.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Tak ada.

**YB ADUN Paroi:** Dan juga Penyelaras ADUN Paroi tu perlulah...

**YB Yang Dipertua Dewan:** Yang Berhormat

**YB ADUN Lenggeng:** Saya celah Dato' *Speaker*, semalam dia kata DUN Paroi sebenarnya, bukan ADUN Paroi, DUN Paroi.

**YB Yang Dipertua Dewan:** takda sebut perkataan tu Yang Berhormat.

**YB ADUN Paroi:** Dato' Mat kata ADUN Paroi

**YB ADUN Lenggeng:** DUN Paroi

**YB ADUN Paroi:** Dato' Mat kata ADUN Paroi semalam

**YB ADUN Paroi:** Okey lah ya mana saya tarik yang ini, tapi secara jelasnya Penyelaras ADUN Paroi dan juga ADUN Paroi tu dua entiti yang berbeza. *Wabillahi Taufik, Assalamualaikum WBT.*

**YB Yang Dipertua Dewan:** Sebelum saya serahkan kepada kerajaan untuk menjawab, saya dengan ini memberi peluang kepada Yang Berhormat ADUN Lenggeng, Timbalan *Speaker* yang baru untuk menyampaikan ucapan penangguhan dengan hormatnya dipersilakan. Ini ucap terima kasih je ya, jangan ucap lain-lain.

**YB ADUN Lenggeng:** Sikit boleh? sikit je sentuh kawasan..

**YB Yang Dipertua Dewan:**, jangan ungit-ungkit Lenggeng dengan apa lah...

**YB ADUN Lenggeng:** *Bismillahirrahmanirrahim*, Terima kasih Dato' *Speaker*. *Assalamualaikum WBT* dan salam sejahtera, saya dengan ini mengambil kesempatan untuk mengucapkan ucapan terima kasih yang tidak berbelah bagi atas cadangan saya daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai Timbalan *Speaker* dan disokong oleh EXCO Kanan dan juga disokong oleh semua rakan-rakan ADUN. *Insyaa-Allah* ini seperti kata ADUN Chennah dan ADUN Johol, menunjukkan kerajaan perpaduan pada hari ini bukan sekadar satu formula tetapi telah menunjukkan satu kerajaan yang berteraskan dan mengutamakan rakyat. Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan tianah terhadap Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekali lagi di atas pengumuman Perdana Menteri. Selepas pengumuman berkenaan dengan RMK13 Perdana Menteri memasukkan salah satu kebaikan untuk rakyat Negeri Sembilan iaitu Hospital HTJ 2. Dalam pengumuman itu Perdana Menteri telah mengumumkan RM40 Bilion untuk sektor kesihatan dan

Negeri Sembilan dapat tempias di atas di atas dapat tempias di atas pembinaan hospital baru yang kita tahu dan kita bahas mempunyai pelbagai implikasi kepada rakyat-rakyat kita disebabkan masalah-masalah kekangan hospital yang semakin mengecil tapi rakyat yang semakin membesar, dan saya ingin menyentuh juga daripada YB Chennah berkenaan dengan kerajaan perpaduan yang ada pada hari ini. Saya selalu dipanggil untuk program bersama Parlimen Seremban dan dalam program itu walaupun program itu ramai kaum-kaum Cina dan kaum India segelintir kaum Melayu tapi saya diberi penghormatan oleh YB Chennah untuk membaca doa walaupun tidak ada dalam agenda tapi bila YB Chennah nampak saya datang dia suruh *stop* dulu kita minta dia baca doa. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan yang ada pada hari ini sangat menghormati Islam sebagai agama rasmi. Jadi berkenaan dengan kata-kata bahawa Kerajaan ini ditunggang oleh ditunggang oleh di antara ni adalah mitos semata-mata.

Baru-baru ini juga kita diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri berkenaan dengan isu Felda dimana Felda telah mula ingin mengambil alih FGV di dalam bursa. Jadi perancangan ini telah dibuat sejak tahun 2020 untuk menyenah untuk menyenah untuk ambil balik saham-saham FGV supaya ditadbir oleh Felda dan perancangan ini telah dibuat sejak tahun 2020. Dan *Alhamdulillah* tahniah sebab baru-baru ini telah diumumkan kita berjaya bermula pada Ogos, semua *share-share* yang berada di pasaran akan diambil alih oleh Felda. Jadi ini saya minta supaya EXCO Kanan yang menerajui Felda dalam Negeri Sembilan, mula membuat kaji selidik berkenaan kebaikan dan kelebihan Felda ini diambil alih, FGV ini diambil alih oleh Felda supaya kita dapat memfokuskan matlamat sebenar pembelian Felda pada masa dahulu.

Mungkin rakyat ramai tak faham apa maksud menyenah-senaraikan daripada Bursa. Kenapa perlu perbelanjaan yang sangat besar sehingga billion untuk mengambil alih FGV ini. Dan kita tahu hari ini banyak masalah-masalah rakyat Felda menolak kerajaan memberi undi kepada pembangkang kerana isu FGV. FGV ini ketika disenaraikan berharga lebih kurang RM4.55 kemudian saham ini makin lama makin jatuh menjunam. Jadi kita lihat mereka orang kampung yang tidak faham sangat bermain dalam isu saham ini melihat mereka punya *share* makin lama makin jatuh dan merugikan mereka. Jadi dengan pengambil alih ini saya harap kerajaan dapat mengembalikan balik kepercayaan kepada Felda dan *insya-Allah* bila kita masuk pilihan raya akan datang, mereka akan kembali kepada Kerajaan. Tapi perlulah usaha sama dengan kerajaan negeri kalau *federal* sahaja mengumumkan tapi tidak diambil serius oleh kerajaan negeri dia tidak akan memainkan sebarang peranan dan saya ingin mengambil, mengambil kesempatan ini juga menyentuh sedikit kawasan, saya sedikit sahaja lagi, terima kasih kepada saya di kawasan saya ada satu surau yang telah mohon lama peruntukan lebih 5 tahun peruntukan, tapi setelah mengadu...

**YB Yang Dipertua Dewan:** Yang Berhormat Lenggeng...

**YB ADUN Lenggeng:** Ya, ya, ya...

**YB Yang Dipertua Dewan:** Timbalan *Speaker* takda pengulungan.

**YB ADUN Lenggeng:** Tadi kata penangguhan, jadi saya ucapkanlah, saya pendekkanlah, saya ucapkan semua terima kasih kepada jabatan-jabatan yang banyak membantu kawasan seperti ICU, JPS, SAINS dan JKR yang baru-baru ini banyak membantu saya untuk menyelesaikan masalah-masalah rakyat. Sebenarnya banyak lagi saya nak sentuh tapi sebab tuan *Speaker* dah bagi saya *signal* jadi saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, kepada EXCO, kepada Dato' *Speaker* sendiri kepada YB-YB lain. *Wabillahitaufik walhidayah, Assalamualaikum WBT*

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih.

**YB ADUN Pertang:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mengambil kesempatan ini untuk membuat sedikit perkara-perkara untuk memberikan penjelasan dalam penggulungan bagi pihak kerajaan sebelum Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat. Pertamanya ialah saya nak menggunakan *point of order*, Peruntukan Dewan Persidangan. Saya minta maaf kepada Dewan kerana tidak membawa buku Peraturan Dewan, tetapi Perkara 21 (B), setiap ahli Dewan dilarang menggunakan perkataan yang boleh mendatangkan rasa sakit hati dan membuat sebarang perkara yang tidak berkaitan kepada ahli yang lain. Saya minta kepada ADUN Paroi untuk tarik balik penggunaan perkataan "gatal nak jadi YB". Pemahaman saya sebagai ahli EXCO ialah perkara itu ditujukan kepada individu Penyelaras DUN Paroi dan digunakan secara kebetulan kepada Yang Dipertua Dewan, kerana perkara ini tidak harus dibenarkan digunakan dan dibiarkan berlanjutan ketika Sidang Dewan Undangan Negeri. Saya mohon Peraturan 21 (5) diguna pakai dan saya mohon supaya ADUN Paroi untuk menarik balik perkataan yang berkenaan.

**YB ADUN Paroi:** Tadi kan saya dah tarik tadi kan? Dato' Yang Dipertua, tadi kan saya dah tarik. Saya jelas untuk yang... apa.. lain yang saya jawab tadi, saya jelas.

**YB ADUN Pertang:** Terima kasih. ADUN Paroi saya minta maaf kerana kita dalam keadaan persidangan yang sedemikian rupa perkara-perkara sedemikian rupa kita tak boleh biarkan berlaku, kerana kita tahu bahawa dalam setiap Persidangan Dewan kita berlainan pandangan dan sebagainya tetapi saya juga pegang kepada pandangan kepada Yang Berhormat ADUN

Paroi supaya semua perkara yang berlainan pandangan dan sebagainya adalah menjurus kepada kekuatan dan kesejahteraan rakyat.

Dato' *Speaker*, pertamanya saya nak rakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat terutamanya Yang Berhormat ADUN yang telah mengemukakan pertanyaan lisan dan melibatkan diri dalam sidang kali ini, dan walaupun sidang kali ini agak pendek, tetapi ianya telah diisi dengan perbincangan dan penjelasan yang baik, khususnya yang berkaitan dengan soal kepentingan dan kesejahteraan rakyat. Kita dapat lihat dalam sidang Dewan kali ini walaupun kita mempunyai ataupun Ahli Dewan mempunyai perbezaan parti, tetapi ia bukan satu batu penghalang kepada semua Ahli Dewan untuk kita mencari satu titik persamaan dalam Dewan di bawah payung kerajaan perpaduan. Kerana itu itu Dato' Yang Dipertua, saya mengambil kesempatan akhir ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah bagi pihak kerajaan khususnya kepada Yang Berhormat ADUN Lenggeng, yang telahpun dilantik sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri tanpa sebarang pertikaian dan disokong oleh semua Ahli Dewan. Yang keduanya Dato' Yang Dipertua, saya juga mengucapkan, mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada dua Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Dewan Negara yang telahpun dicadangkan untuk dilantik sebagai Ahli Dewan Negara. Pertamanya daripada Yang Berbahagia Dr. Jufri, yang keduanya Saudara Wu untuk dilantik sebagai Ahli Dewan Negara.

Dato' Yang Dipertua, walaupun saya kita telahpun mendapat pandangan daripada pelbagai pandangan daripada Ahli Dewan, **gis** Dato' Yang Dipertua, dengan izinnnya ini adalah merupakan persefahaman dan *understanding* dengan izin antara kerjasama parti-parti yang berada di dalam kerajaan perpaduan yang telahpun diterajui dan didokong oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga dibawa dan didokong oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan mendapat sokongan daripada semua Ahli Dewan. Cumanya yang penting pada saya ialah persefahaman dan *understanding* ini mesti dirasakan dan dinikmati juga oleh ahli-ahli di peringkat akar umbi, terutamanya rakyat kerana urus tadbir kerajaan negeri di bawah kerajaan perpaduan Negeri Sembilan ini menjadi teropong dan di bawah radar setiap kepimpinan parti dan masyarakat terutamanya untuk kepentingan rakyat. Maknanya apa Dato' Yang Dipertua, maknanya setiap kepimpinan di dalam kerajaan sama ada pegawai tinggi kerajaan, sama ada pegawai-pegawai kerajaan di peringkat akar umbi termasuk kepimpinan kita di peringkat akar umbi dan rakyat dapat merasai nadi kerjasama dan *understanding* ini supaya kerajaan negeri dapat menjuruskan hala tuju dan naratif pentadbiran ini untuk kepentingan rakyat kita pada waktu dan masa yang akan datang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, tahniah kepada Dato' Yang Dipertua, kerana mendapat timbalan pada sidang yang akan datang dan saya fikir ini

adalah merupakan satu perkara yang boleh memberikan nilai tambah kepada reformasi Dewan Undangan Negeri. *Insyah-Allah*. Terima kasih.

**YAB ADUN Sikamat:** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih ADUN Paroi atas ucapan penangguhan berkenaan dengan pelantikan Datuk Bandar sebagai Pegawai Kewangan, itu adalah yang telah diluluskan oleh pihak KSN. Pegawai Kewangan Negeri hanya melaksanakan tugas-tugas di Majlis Bandaraya Seremban mengikut peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan dan juga mendapat persetujuan daripada Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Tan Sri KSN, dan itu harus kita hormati dan *Insyah-Allah* pada 8 hari bulan 8, 8 hari bulan 8, ataupun 8 hari bulan Ogos ini angkat sumpah kepada oleh Datuk Bandar yang baru akan mengangkat sumpah pada hari tersebut. Kita telah cuba sedaya upaya untuk segerakan tetapi hanya pada 8 hari bulan 8 dapat kelulusan. Istilah Penyelaras DUN memang istilah dia adalah Penyelaras DUN, di tempat, bukannya ADUN bukan Penyelaras ADUN, tetapi istilah dia adalah Penyelaras DUN, itu yang termaktub. Lenggeng saya ucapkan tahniah atas pelantikan sebagai Timbalan *Speaker* dan saya ucapkan sekali lagi tahniah kepada semua, kedua Ahli Dewan Negara yang dilantik dan terima kasih kepada Dato' *Speaker* yang dapat menjalankan tanggungjawab dengan penuh baik pada persidangan kali ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Terima kasih Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat dan Yang Berhormat Pertang yang mengambil bahagian saya menetapkan soalan lisan hari ketiga dijawab cara bertulis. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya tangguhkan persidangan kali ini saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, media massa, dan urusetia persidangan yang telah sama-sama menjayakan persidangan kita pada kali ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Persidangan Dewan ditangguhkan ke satu tarikh yang akan diberitahu kelak.

**[Persidangan Dewan ditangguhkan pada jam 1.10 petang]**